MABIMS

التفسير العلمي

TAFSIR 'ILMI AYAT-AYAT KAUNIYYAT MABIMS

KEJADIAN MANUSIA

DITERBITKAN BERSAMA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM, INDONESIA, MALAYSIA & SINGAPURA
PENYELARAS NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

التفسير العلمي

TAFSIR 'ILMI

Kejadian Manusia

Sarinah Yahya
Khairina Metusin
Hafizuddin Ridzuan

بسم الله الرحمن الرحيم

ISI KANDUNGAN

PRAKATA i
Bab 1 3
KEJADIAN MANUSIA PERTAMA 3
Pendahuluan 3
Asal Usul Kejadian Manusia Pertama 7
Perincian tanah kejadian Adam 10
Kejadian Hawwa 15
Bab 2 18
KEJADIAN MANUSIA SETERUSNYA 18
1. Persenyawaan 19
2. Kedudukan Anak Damit dalam Rahim Ibu 24
3. Fasa Kejadian Anak Damit 30
4. Penentuan Jantina 31
5. Kelahiran dan Umur Manusia 34
6. Penciptaan Manusia dalam Ahsan Taqwim 36
7. Penciptaan Manusia dalam Keadaan Dha'ifan 41
Penyusuan Susu Ibu 41
Bab 3 45
KEJADIAN ANGGOTA DAN PANCAINDERA MANUSIA 45
Pendahuluan 45
Akal Manusia 45
Hati atau Jantung 55
Pendengaran dan Penglihatan 57
Roh 63
Anggota Badan Yang Lain 66
Bab 4 71
KEJADIAN MENTAL MANUSIA 71
Isu Kesihatan Mental 71
Adakah al-Qur'an menyebutkan tentang kesihatan dan penyakit mental? 71
Adakah ayat al-Qur'an yang khusus diturunkan kepada Nabi s.a.w. kerana Baginda menghadapi depresi? 78
Adakah wujud tema *SELF-CARE* dan *SELF-HEALING* di dalam al-Qur'an? 87

Adakah semua orang boleh bercakap tentang kesihatan dan penyakit mental?..... 93
KESIMPULAN..... 96
BIBLIOGRAFI..... 98

PRAKATA

Penerbitan Tafsir 'Ilmi Ayat-Ayat Kauniyyat MABIMS dihasrat menjadi satu wadah inovatif dan kreatif dalam rangka khidmat menyebarluaskan ilmu berkaitan al-Qur'an. Kerjasama antara negara-negara anggota MABIMS dalam usaha penerbitan ini juga dilihat sebagai satu titik permulaan kepada kesatuan sumber rujukan yang absah dan dipercayai untuk digunakan oleh masyarakat Islam di rantau ini. Mesyuarat Jawatankuasa Pandu pada 24 November 2021M secara dalam talian telah membuat beberapa persetujuan berkaitan penyelidikan *Tafsir 'Ilmi* ini khususnya dalam penentuan tajuk bagi setiap negara anggota MABIMS. Bagi Negara Brunei Darussalam, tajuk yang ditentukan adalah "Kejadian Manusia".

Dalam perbahasan mengenai "Kejadian Manusia", telah tersebar luas kepercayaan teori evolusi manusia idea *Darwin* yang masih ada sehingga kini golongan sarjana yang berpegang dan percaya kepada teori demikian serta mengaitkannya dengan ayat-ayat al-Qur'an. Walhal cara mereka berhujah dengan ayat al-Qur'an tidak menepati kriteria dan kaedah yang diiktiraf dalam pentafsiran al-Qur'an, khasnya dalam ruang lingkup penyelidikan *Tafsir 'Ilmi*.

Justeru itu, kajian ini bertujuan membuktikan penolakan teori evolusi manusia idea *Darwin* yang bercanggah dengan kebenaran ayat-ayat al-Qur'an yang telah diturunkan sejak 14 abad yang lalu. Penulisan ini khususnya menghuraikan penelitian tafsiran kejadian manusia di dalam al-Qur'an menerusi aliran pentafsiran *Tafsir 'Ilmi.* Manhaj pentafsiran ini menyingkap tafsiran ayat-ayat al-Qur'an secara saintifik berdasarkan ilmu yang benar dan terbukti secara eksperimental melalui kaedah dan alat kajian yang tidak terdapat pada zaman turunnya al-Qur'an. Al-Qur'an mengandungi pelbagai ilmu termasuk ilmu sains. Namun al-Qur'an bukanlah kitab sains, malah ia adalah kitab hidayah Allah s.w.t. dan mukjizat teragung Rasulullah s.a.w.

Antara isi kandungan utama dalam perbahasan masalah ini, dijelaskan perincian mengenai perbezaan proses kejadian Nabi Adam a.s. dan Hawwa dengan kejadian manusia seterusnya kerana seperti yang diketahui tiga penciptaan ini adalah berbeza. Namun menakjubkan intipatinya tetap sama. Kajian ini turut menyentuh perbahasan mengenai anggota dan pancaindera melihat kepada kepentingan yang ada dalam pembentukan manusia selaku ciptaan yang mampu berfikir dan berakal. Bahagian ini menghuraikan sistem kerja tubuh manusia yang membolehkan manusia berfungsi sebaiknya dalam kehidupan seharian.

Penulisan ini juga mengetengahkan perbincangan tentang isu mental yang dilihat berkaitan dengan kejadian manusia. Perbahasan ini dilihat perlu kerana sering kali dilupakan bahawa manusia itu bukan diciptakan secara fizikal sahaja, malah juga diciptakan cukup dengan kapasiti kebolehan mental yang sewajarnya ada pada diri manusia. Sihat akal maka sihatlah juga tubuh.

Hasil utama kajian dan penulisan ini membuktikan bahawa ayat-ayat *Kauniyyat* di dalam al-Qur'an telah lebih dahulu menyingkap mengenai kejadian manusia berbandingkan

penemuan ilmu Sains yang dikaji oleh para saintis. Oleh itu, ilmu Sains yang sebenar adalah yang bertepatan dengan ayat-ayat *Kauniyyat* di dalam al-Qur'an dan bukan pula sebaliknya.

Sekretariat Khas Sementara (Pakar) bagi Projek Penerbitan Tafsir 'Ilmi (Ayat-Ayat Kauniyyat) MABIMS bagi Negara Brunei Darussalam sebagai pengkaji projek penerbitan mewakili Negara Brunei Darussalam dan juga sebagai penulis bersama buku ini mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam umumnya dan Bahagian Perhubungan Awam, Antarabangsa dan MABIMS KHEU khususnya kerana memberi kepercayaan kepada ahli-ahli sekretariat pada tahun 2023 ini. Begitu juga kepada ahli-ahli sekretariat yang terdiri daripada pegawai-pegawai *i-ready* yang dilantik khusus untuk projek ini serta pihak Pusat Dakwah Islamiah Negara Brunei Darussalam telah banyak memberikan kerjasama, idea, dan apa saja bantuan yang diperlukan. Diharapkan penulisan hasil kajian pihak sekretariat ini dapat memberikan manfaat ilmu kepada seluruh masyarakat di Negara Brunei Darussalam khususnya dan negara-negara anggota MABIMS umumnya.

جزاكم الله خير الجزاء

والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Sekretariat Khas Sementara (Pakar) bagi Projek Penerbitan Tafsir 'Ilmi (Ayat-Ayat Kauniyyat) MABIMS bagi Negara Brunei Darussalam.
Rabiulakhir1445H/November 2023M

Bab 1
KEJADIAN MANUSIA PERTAMA

Pendahuluan

Topik berkaitan kejadian alam semesta terutama penciptaan manusia, asal usul dan keturunan Adam a.s. adalah antara ayat-ayat *Kauniyyat* yang terbanyak di dalam al-Qur'an. Kedudukannya sering berada dalam perbahasan mengenai keingkaran manusia akan hari Pembalasan dan kuasa Allah s.w.t. Maha Pencipta sekalian alam. Ini kerana kaum musyrikin zaman turunnya wahyu era *Makkiyyah* hinggalah permulaan era *Madaniyyah* sukar meyakini adanya hari Kiamat. Mereka selalu mencabar Rasulullah s.a.w. agar mendatangkan bukti kuasa Allah s.w.t. menjadikan alam dan akan menghancurkannya pada hari Kiamat, kemudian menghidupkan manusia kembali untuk diadili olehNya.

Misalnya firman Allah s.w.t.:

﴿ أَوَلَمْ يَرَ ٱلْإِنسَٰنُ أَنَّا خَلَقْنَٰهُ مِن نُّطْفَةٍ فَإِذَا هُوَ خَصِيمٌ مُّبِينٌ ﴿٧٧﴾ وَضَرَبَ لَنَا مَثَلًا وَنَسِيَ
خَلْقَهُۥ قَالَ مَن يُحْيِ ٱلْعِظَٰمَ وَهِيَ رَمِيمٌ ﴿٧٨﴾ قُلْ يُحْيِيهَا ٱلَّذِيٓ أَنشَأَهَآ أَوَّلَ مَرَّةٍ وَهُوَ بِكُلِّ خَلْقٍ
عَلِيمٌ ﴿٧٩﴾ ﴾

"*Dan tidakkah manusia itu memerhatikan bahawa sesungguhnya Kami telah menciptakan dia daripada (percantuman) air mani (laki-laki dan perempuan. Setelah sempurna kejadiannya) maka ternyata dia menjadi pembantah yang nyata bantahannya. Dan dia membuat perbandingan (tentang kekuasaan) Kami padahal dia sendiri lupa asal kejadiannya sambil berkata: "Siapakah yang dapat menghidupkan tulang-tulang yang telah hancur luluh?" Katakanlah: "Tulang-tulang yang hancur luluh itu dapat dihidupkan oleh Tuhan yang telah menciptakannya pada permulaannya, dan Dia Maha Mengetahui segala makhluk yang diciptakanNya*".

(Surah Yaasiin, 36: 77 – 79)

Contoh lain lagi Allah s.w.t. berfirman:

﴿ كَيْفَ تَكْفُرُونَ بِٱللَّهِ وَكُنتُمْ أَمْوَٰتًا فَأَحْيَٰكُمْ ثُمَّ يُمِيتُكُمْ ثُمَّ يُحْيِيكُمْ ثُمَّ إِلَيْهِ
تُرْجَعُونَ ﴿٢٨﴾ هُوَ ٱلَّذِى خَلَقَ لَكُم مَّا فِى ٱلْأَرْضِ جَمِيعًا ثُمَّ ٱسْتَوَىٰٓ إِلَى ٱلسَّمَآءِ فَسَوَّىٰهُنَّ
سَبْعَ سَمَٰوَٰتٍ وَهُوَ بِكُلِّ شَىْءٍ عَلِيمٌ ﴿٢٩﴾ ﴾

"*Bagaimanakah kamu tergamak mengingkari Allah sedangkan kamu dahulunya mati (belum lahir) lalu Dia menghidupkan kamu. Kemudian Dia mematikan kamu, setelah itu Dia menghidupkan kamu semula (pada hari Akhirat) dan kemudian kepadaNya kamu akan dikembalikan (untuk menerima balasan). Dialah Allah yang telah menciptakan apa yang ada di bumi kesemuanya untuk kamu (supaya kamu dapat mengambil faedah daripadanya). Kemudian Dia menujukan kehendakNya untuk menciptakan langit lalu dijadikanNya tujuh petala langit. Dan Dia Maha Mengetahui tiap-tiap sesuatu*".

(Surah al-Baqarah, 2: 28 – 29)

Bukan ini sahaja, malah terdapat beberapa surah di dalam al-Qur'an dikhususkan pembahasannya tentang manusia dan penciptaannya serta kaitannya dengan hari Akhirat; seperti surah Yaasiin, surah al-Qiyaamah, surah al-Insaan, surah al-Naba' dan lain-lain lagi. Kepentingan topik ini sangat diberikan perhatian di dalam al-Qur'an atas dasar mengingatkan manusia akan matlamat penciptaan manusia dan juga makhluk lain sebagaimana yang ditegaskan Allah s.w.t. dalam firmanNya:

﴿ وَمَا خَلَقْتُ ٱلْجِنَّ وَٱلْإِنسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴿٥٦﴾ ﴾

"*Dan Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan hanya untuk menyembah Aku*".

(Surah al-Dzaariyaat, 51: 56)

Pembuka al-Qur'an surah al-Fatihah mengenalkan Allah s.w.t. yang *al-Rahman* dan *al-Rahim* serta Dia-lah *Rabb al-'Alamin*. Di sini jelas mengisyaratkan bahawa Allah yang mencipta alam semesta dan Allah juga yang memberi rahmat umum kepada seluruh makhluk serta rahmat khusus kepada orang-orang yang beriman. Allah s.w.t. berfirman:

﴿ بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ ﴿١﴾ ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٢﴾ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ ﴿٣﴾ ﴾

"*Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Pengasih. Segala pujian untuk Allah, Pencipta dan Pentadbir sekalian alam. Yang Maha Pemurah lagi Maha Pengasih*".

(Surah al-Fatihah, 1: 1-3)

Allah (رَبّ العَالَمِين) "*Rabb sekalian alam*" menunjukkan kepada keesaanNya dalam penciptaan, pengaturan, kenikmatan, kesempurnaan kekayaanNya serta kesempurnaan keperluan sekalian alam kepadaNya dalam segala bentuk dan sudut pandang (al-Sa'di (terj.), 2012). Kemudian disebutkan di dalam surah selepasnya surah al-Baqarah beberapa tanda kuasa Allah yang mencipta alam semesta termasuk manusia pertama. Allah s.w.t. berfirman:

﴿ وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَٰٓئِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي ٱلْأَرْضِ خَلِيفَةً ۖ قَالُوٓا۟ أَتَجْعَلُ فِيهَا مَن يُفْسِدُ فِيهَا وَيَسْفِكُ ٱلدِّمَآءَ وَنَحْنُ نُسَبِّحُ بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ لَكَ ۖ قَالَ إِنِّيٓ أَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُونَ ﴿٣٠﴾ ﴾

"*Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat-malaikat: "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi (iaitu Nabi Adam 'alaihissalâm)." Malaikat-malaikat itu berkata: "Adakah Engkau hendak menjadikan di bumi orang yang akan membuat kerosakan dan menumpahkan darah sedangkan kami sentiasa bertasbih dengan memuji serta mensucikan Engkau? Allah berfirman: "Sesungguhnya Aku lebih mengetahui apa yang kamu tidak mengetahuinya*".

(Surah al-Baqarah, 2: 30)

Ayat ini menjelaskan kesinambungan ayat-ayat sebelumnya yang menyebutkan tentang nikmat-nikmatNya yang ada di langit dan di bumi untuk faedah semua makhluk. Maka ayat ini menceritakan kisah dialog antara Allah s.w.t. dengan malaikat yang merupakan suatu penghormatan Allah kepada manusia dengan melantik Adam a.s. sebagai khalifah di bumi.

Allah s.w.t. mengingatkan Nabi Muhammad ss.a.w. supaya menceritakan kepada kaum mukmin tentang kisah penciptaan Adam a.s. Allah berkata kepada malaikat bahawa Dia akan melantik khalifah di bumi yang berperanan melaksanakan hukum-hakam Allah s.w.t. dan memakmurkan bumi. Setiap generasi akan mewarisi tugasan ini sehingga bumi menjadi makmur (Mushaf Brunei Darussalam dan Tafsirannya Juz 1, 2020).

Ayat ini tidak menyebutkan bentuk makhluk bagaimana yang akan diciptakanNya. Sebaliknya Allah sebutkan (خَلِيفَةً) yang bererti pengganti. Maksudnya ialah pengganti dari generasi sebelumnya. Dalam keadaan ini sebenarnya khalifah merupakan peringatan dari Allah s.w.t. bahawa setiap orang akan mati dan digantikan oleh generasi baru. Ini kerana kalua semua manusia hidup berterusan, mustahil terjadi regenerasi atau penggantian generasi anatara manusia (al-Sya'rawi (terj.), 2004). Namun ini bukan bermaksud wujud generasi makhluk yang sama sebelum Adam. Lafaz *khalifah* itu sendiri secara langsung menunjukkan bahawa Adam sebagai manusia pertama diwujudkan di bumi ditugaskan menjadi khalifah di bumi hingga ke generasi seterusnya.

Terdapat dua perkataan al-Qur'an yang memaksudkan manusia, iaitu: (بَشَر) *bashar* dan (إِنسَان) *insan*. Penggunaan dua perkataan ini memiliki ciri makna tersendiri mengikut siyaq atau konteks ayat. Al-Khalidi (2013) berpendapat bahawa tiada *taraduf* (كلمات مترادفة); iaitu persamaan atau sinonim di dalam al-Qur'an. Yang ada hanyalah empat jenis kalimah jika dilihat dari sudut makna; iaitu: (i) كلمات متضادّة: berlawanan atau antonim, (ii) كلمات مشتركة: berkongsi makna, (iii) كلمات متكافئة: setara atau serupa, dan (iv) كلمات متقاربة: lebih kurang atau hampir sama.

Ketelitian al-Qur'an dalam penggunaan lafaz-lafaz menunjukkan apa yang ada dalam konteks ayat. Ini bermaksud jika kita cuba menjadikan maksud sesuatu lafaz itu sama dengan satu lafaz yang lain, maka maknanya akan jadi rosak dan tidak tepat. Lafaz "*bashar*" dan "*insan*" kedua-duanya menunjukkan kepada manusia dari Adam hingga anak cucu dan keturunan Adam seluruhnya, akan tetapi dari aspek makna dan kehendak lafaz itu adalah berlainan mengikut konteks ayat. Lafaz "*bashar*" menurut istilah al-Qur'an menunjukkan ciri-ciri material dan bentuk zahir manusi. Lafaz "*insan*" pula lebih umum; iaitu merangkumi semua aspek, ciri material dan sebagainya. Ini bermaksud lafaz "*insan*" menunjukkan kepada manusia sebagai "كَائِن حَيٍّ"; iaitu yang jadi dan hidup serta mempunyai beberapa ciri khusus membezakannya daripada makhluk-makhluk hidup yang lain. Insan ialah makhluk yang diberi kemuliaan dengan akal, kemahuan, kepimpinan di bumi dan lain-lain (al-Sawafi, 2017).

Secara ringkas, "*insan*" merujuk kepada manusia secara umum dan membawa kepada beberapa maksud, antaranya ialah kejadian manusia dari mula hingga akhir, sebagai bentuk penghinaan dan manusia yang kufur nikmat dan ingkar kuasa Allah. Manakala "*bashar*" pula membawa maksud secara khusus iaitu manusia dewasa dan beriman.

Berlainan dengan pendapat saintis penyokong teori evolusi Darwin, "*bashar*" merujuk kepada "*hominid*" dan "*insan*" adalah *homo sapiens*. Ini secara jelas adalah contoh pentafsiran ilmiah yang batil. Hal ini juga berkaitan dengan ayat 30 surah al-Baqarah yang menimbulkan perbahasan kalangan sarjana Barat dan juga sebahagian pengkaji Muslim yang membahaskan tentang kejadian makhluk seperti manusia wujud sebelum Adam dan mengalami evolusi seperti yang dinyatakan teori Darwin (Khairi Jalalluddin, et. al., 2022).

Asal Usul Kejadian Manusia Pertama

Penciptaan alam semesta keseluruhannya lebih kompleks berbanding proses kejadian manusia. Asal semua kejadian makhluk adalah daripada air seperti dalam firman Allah s.w.t.:

﴿ أَوَلَمْ يَرَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوٓاْ أَنَّ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ كَانَتَا رَتْقًا فَفَتَقْنَٰهُمَا ۖ وَجَعَلْنَا مِنَ ٱلْمَآءِ كُلَّ شَىْءٍ حَىٍّ ۖ أَفَلَا يُؤْمِنُونَ ﴿٣٠﴾ ﴾

"*Dan tidakkah orang-orang yang kafir itu memerhatikan bahawa langit dan bumi kedua-duanya dahulu bercantum (satu) lalu Kami pisahkan kedua-duanya. Dan Kami telah menjadikan tiap-tiap sesuatu yang hidup itu daripada air. Maka tidakkah mereka mahu beriman?*".

(Surah al-Anbiyaa', 21: 30)

Para ulama tafsir merujuk kepada pendapat para Sahabat semisal Ibnu 'Abbas yang menyebutkan maksud ayat ini; iaitu tidakkah orang-orang kafir memerhatikan bahawa langit dan bumi kedua-duanya dahulu bercantum, tiada di dalam kedua-duanya lubang atau ruang, bahkan kedua-duanya melekat antara satu sama lain. Kemudian Allah s.w.t. mengangkat langit dan meletakkan bumi. Al-Tabari (1999) memberikan penafsiran lebih lanjut dengan mengatakan bahawa kedua-dua langit dan bumi bercantum termasuk hujan dan tumbuh-tumbuhan, lalu Allah s.w.t. memisahkan langit dengan hujan, dan bumi dengan tumbuha-tumbuhan. Alasan hujah beliau ini ialah *dalalah* ayat selepasnya menunjukkan kepada pengertian itu. Allah s.w.t. menyebutkan selepasnya sifat air dengan menjadikan setiap sesuatu yang hidup daripada air.

Begitu juga Allah s.w.t. berfirman:

﴿ وَٱللَّهُ خَلَقَ كُلَّ دَآبَّةٍ مِّن مَّآءٍ ۖ فَمِنْهُم مَّن يَمْشِى عَلَىٰ بَطْنِهِۦ وَمِنْهُم مَّن يَمْشِى عَلَىٰ رِجْلَيْنِ وَمِنْهُم مَّن يَمْشِى عَلَىٰٓ أَرْبَعٍ ۚ يَخْلُقُ ٱللَّهُ مَا يَشَآءُ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ قَدِيرٌ ﴿٤٥﴾ ﴾

"*Dan Allah menciptakan tiap-tiap makhluk yang melata itu daripada air (mani). Maka sebahagian daripada mereka berjalan di atas perutnya (seperti ular) dan sebahagian daripadanya berjalan dengan dua kaki (seperti manusia dan burung) dan sebahagian lagi berjalan dengan empat kaki (seperti lembu). Allah menciptakan apa yang dikehendakiNya. Sesungguhnya Allah Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu*".

(Surah al-Nuur, 24: 45)

Allah s.w.t. berfirman dalam ayat lain:

﴿ وَهُوَ ٱلَّذِى خَلَقَ مِنَ ٱلْمَآءِ بَشَرًا فَجَعَلَهُۥ نَسَبًا وَصِهْرًا ۗ وَكَانَ رَبُّكَ قَدِيرًا ﴿٥٤﴾ ﴾

"*Dan Dialah yang menciptakan manusia daripada air (mani) lalu menjadikannya (mempunyai) keturunan dan pertalian keluarga (melalui perkahwinan) dan adalah Tuhanmu Maha Berkuasa (menciptakan apa yang dikehendakiNya)*".

(Surah al-Furqaan, 25: 54)

Allah s.w.t. menjadikan daripada air setiap sesuatu yang hidup untuk menjelaskan 'ibrah dan pengajaran kepada orang-orang yang meneliti segala perincian penciptaan makhluk. 'Ibrah ini adalah umum untuk semua manusia dan khusus untuk para pengkaji dan ahli ilmu. Ini merupakan salah satu daripada kemukjizatan al-Qur'an dari aspek saintifik (Ibnu 'Aashuur, 2000).

Air merupakan asas kepada segala hidupan yang dibuktikan bukan saja dengan ayat-ayat al-Qur'an, malah terbukti dengan penemuan saintifik. Danial Zainal Abidin (2017) mendatangkan beberapa hasil kajian saintifik seperti yang dilaporkan oleh *BBC News* dalam segmen *Science and Nature (Space)* pada tahun 2006, para pakar biologi bersepakat bahawa air adalah asas kepada kehidupan. Tanpa air, kehidupan tidak boleh wujud dan tidak boleh bersambung (http://www.bbc.co.uk/). Juga satu laporan di dalam *Paleontological Society Special Publication Volume 9* (1999) dengan tajuk "*Evolution: Investigating the Evidence*" menyatakan bahawa permulaan hidupan sudah semestinya bermula di persekitaran yang mempunyai suhu yang rendah supaya dengan itu air (liquid water) dapat wujud. Ini kerana hanya air sahaja yang boleh menjadi medium kepada proses-proses yang berkaitan dengan kehidupan dan hanya dengan air metabolisme boleh berlaku.

Manusia pertama yang diciptakan Allah s.w.t. sebagai khalifah bumi yang kemudiannya dijelaskan bahan penciptaannya juga daripada pelbagai jenis tanah; iaitu: تُراب tanah berdebu, طين tanah hitam berlumpur, سُلالة من طين pati berasal daripada tanah, طين لازب tanah liat, صَلصَال من حماء مسنون tanah liat yang kering berasal daripada lumpur yang berbentuk, dan صلصال كالفخار tanah liat kering seperti tembikar.

Kejadian Adam a.s. melalui proses penciptaan pelbagai jenis tanah. Sebelum ditiupkan roh dan menjadi manusia yang bernyawa, ia melalui beberapa peringkat iaitu perubahan tanah daripada tanah yang kotor kepada tanah yang bercampur dengan air (tanah liat). Kemudian ia berubah menjadi seperti bata yang kering dan keras. Ini bermaksud Allah s.w.t. menciptakan nabi Adam a.s. daripada segenggam tanah bumi dengan kumpulan setiap warna dan sifat tanah yang berbeza.

Perincian tanah kejadian Adam

Jenis-jenis tanah dalam proses kejadian Adam a.s.:

1. تُراب: Tanah. Allah s.w.t. berfirman:

﴿إِنَّ مَثَلَ عِيسَىٰ عِندَ ٱللَّهِ كَمَثَلِ ءَادَمَ خَلَقَهُۥ مِن تُرَابٍ ثُمَّ قَالَ لَهُۥ كُن فَيَكُونُ ٥٩﴾

"*Sesungguhnya perbandingan (penciptaan) Nabi 'Isa di sisi Allah adalah sama dengan (penciptaan) Nabi Adam. Allah telah menciptakannya (Nabi Adam a.s.) daripada tanah lalu berfirman kepadanya: "Jadilah engkau!" lalu ia pun jadi*".

(Surah Aali 'Imraan, 3: 59)

Dalam ayat ini, Allah s.w.t. juga memberikan tamsilan kejadian Adam seperti kejadian 'Isa a.s. Dalam kekuasaan Allah, ketika Dia menciptakan 'Isa tanpa adanya seorang ayah adalah seperti penciptaan Adam. Adam diciptakan tanpa ada ayah mahupun ibu, tetapi Allah menciptakan Adam dari tanah, kemudian Allah berfirman kepadanya: "Jadilah", maka jadilah ia. Maka Allah yang telah menciptakan Adam tanpa adanya ayah, pasti Dia lebih layak mampu menciptakan 'Isa, dilihat dari segi teori kelayakan (Ibnu Kathir (terj.), 2023).

Allah s.w.t. menampilkan perumpamaan terhadap suatu yang aneh dengan sesuatu yang lebih aneh. Perumpamaan tersebut adalah pada realiti kejadian 'Isa a.s. tanpa bapa seperti Adam, bukan pada kejadian Baginda daripada tanah. Suatu perumpamaan dibandingkan kerana terdapat persamaan pada suatu sifat tertentu, sekalipun terdapat perbezaan pada sifat-sifat yang lain (al-Zuhayli (terj.), 2007).

Berlainan dengan kenyataan penyokong teori evolusi *Darwin* yang mengatakan bahawa selain makna zahir ayat ini yang membandingkan persamaan kejadian Adam dan 'Isa daripada tanah, juga difahami bahawa Adam mempunyai ibu seperti 'Isa a.s. (Khairi Jalalluddin, et. al., 2022). Hujah mereka ini tidak bertepatan dengan tafsiran sahih dan muktabar para mufassir seperti yang dijelaskan oleh Muhammad Sayyid Tantawi (1998) bahawa "*mathal*" di sini dalam erti kata ciri dan hal yang ajaib, dan titik tamsilan itu ialah kedua-duanya dicipta tanpa bapa, dan sesuatu itu boleh menyerupai sesuatu yang lain apabila bertemu walau hanya dalam satu keadaan sahaja. Ini membawa maksud hal dan keadaan kejadian 'Isa a.s. yang ajaib dan aneh itu di sisi Allah s.w.t dengan kuasa dan hikmahNya adalah seperti Adam dari aspek hal dan keadaan yang ajaib dan aneh juga. Oleh kerana itu diperincikan lagi tentang kejadian Adam daripada tanah, tanpa bapa dan ibu, maka begitu juga 'Isa dengan kuasa Allah dijadikan daripada elemen tanah cuma hanya tanpa bapa.

Firman Allah di dalam ayat yang lain:

﴿ وَمِنْ ءَايَٰتِهِۦٓ أَنْ خَلَقَكُم مِّن تُرَابٍ ثُمَّ إِذَآ أَنتُم بَشَرٌ تَنتَشِرُونَ ٢٠ ﴾

"*Dan antara tanda-tanda kekuasaanNya bahawa Dia menciptakan kamu (asal-usul kamu iaitu Adam a.s.) daripada tanah, kemudian apabila kamu menjadi manusia (yang berkembang biak) kamu pun bertebaran di bumi*".

(Surah al-Ruum, 30: 20)

Juga firman Allah s.w.t.:

﴿ يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ إِن كُنتُمْ فِى رَيْبٍ مِّنَ ٱلْبَعْثِ فَإِنَّا خَلَقْنَٰكُم مِّن تُرَابٍ ثُمَّ مِن نُّطْفَةٍ ثُمَّ مِنْ عَلَقَةٍ ثُمَّ مِن مُّضْغَةٍ مُّخَلَّقَةٍ وَغَيْرِ مُخَلَّقَةٍ لِّنُبَيِّنَ لَكُمْ ۚ وَنُقِرُّ فِى ٱلْأَرْحَامِ مَا نَشَآءُ إِلَىٰٓ أَجَلٍ مُّسَمًّى ثُمَّ نُخْرِجُكُمْ طِفْلًا ثُمَّ لِتَبْلُغُوٓا۟ أَشُدَّكُمْ ۖ وَمِنكُم مَّن يُتَوَفَّىٰ وَمِنكُم مَّن يُرَدُّ إِلَىٰٓ أَرْذَلِ ٱلْعُمُرِ لِكَيْلَا يَعْلَمَ مِنۢ بَعْدِ عِلْمٍ شَيْـًٔا ۚ وَتَرَى ٱلْأَرْضَ هَامِدَةً فَإِذَآ أَنزَلْنَا عَلَيْهَا ٱلْمَآءَ ٱهْتَزَّتْ وَرَبَتْ وَأَنۢبَتَتْ مِن كُلِّ زَوْجٍۭ بَهِيجٍ ٥ ﴾

"*Wahai manusia! Jika kamu dalam keraguan tentang kebangkitan (pada hari Kiamat) maka (ketahuilah) sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu daripada tanah, kemudian daripada (percantuman) air mani (lelaki dan perempuan), kemudian daripada segumpal darah beku, kemudian daripada seketul daging yang sempurna kejadiannya dan yang tidak sempurna supaya Kami menjelaskan kepada kamu (kekuasaan Kami). Dan Kami menetapkan dalam rahim (ibu yang mengandung itu) apa yang Kami kehendaki hingga ke suatu masa yang tertentu, kemudian Kami mengeluarkan kamu (dari kandungan ibu kamu) berupa kanak-kanak, kemudian (kamu dipelihara) hingga kamu dewasa dan antara kamu ada yang dimatikan (sebelum dewasa) dan ada yang dikembalikan kepada peringkat umur (akal) yang paling lemah sehingga tidak mengetahui sesuatu yang pernah diketahuinya dahulu. Dan engkau melihat bumi ini kering (tidak ada tumbuh-tumbuhan) maka apabila Kami menurunkan hujan ke atasnya, hiduplah bumi (dengan tumbuh-tumbuhan) dan menjadi subur dan menumbuhkan berjenis-jenis tanaman yang indah dan elok*".

(Surah al-Hajj, 22: 5)

Ayat-ayat ini menyebutkan bahawa Adam dijadikan oleh Allah s.w.t. daripada *Turab* yang bermaksud tanah. Antara sifat tanah adalah suci. Ini menunjukkan bahawa kejadian Adam adalah daripada unsur yang suci. Begitu juga kejadian manusia selepas Adam, dilahirkan secara fitrah dan suci. Ini berdasarkan firman Allah s.w.t.:

﴿ فَأَقِمْ وَجْهَكَ لِلدِّينِ حَنِيفًا ۚ فِطْرَتَ ٱللَّهِ ٱلَّتِى فَطَرَ ٱلنَّاسَ عَلَيْهَا ۚ لَا تَبْدِيلَ لِخَلْقِ ٱللَّهِ ۚ ذَٰلِكَ ٱلدِّينُ ٱلْقَيِّمُ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ ٱلنَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٣٠﴾ ﴾

"*Maka hadapkanlah mukamu (wahai Nabi Muhammad) kepada agama (Allah) dengan tulus ikhlas iaitu fitrah (agama) Allah yang Dia menciptakan manusia menurut fitrah itu. Tidak ada perubahan pada ciptaan Allah. Yang demikian itulah agama yang lurus tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahuinya*".

(Surah al-Ruum, 30: 30)

Nabi s.a.w. bersabda:

كلُّ مولودٍ يولَدُ على الفطرةِ فأبواه يُهوِّدانِه أو يُنصِّرانِه أو يُمجِّسانِه

"*Setiap anak yang lahir adalah dalam keadaan fitrah, maka kedua ibu bapanya yang menjadikan ia Yahudi, atau Nasrani, atau Majusi*".

[HR al-Bukhari & Muslim]

2. طين**: Tanah Hitam Berlumpur**. Firman Allah s.w.t.:

﴿ ٱلَّذِىٓ أَحْسَنَ كُلَّ شَىْءٍ خَلَقَهُۥ ۖ وَبَدَأَ خَلْقَ ٱلْإِنسَٰنِ مِن طِينٍ ﴿٧﴾ ﴾

"*Yang menciptakan tiap-tiap sesuatu dengan sebaik-baiknya (sesuai dengan tujuan penciptaannya), dan Dia memulakan penciptaan manusia (Nabi Adam a.s.) daripada tanah*".

(Surah al-Sajdah, 32: 7)

Tanah *Tiin* di sini bermaksud tanah liat; iaitu campuran tanah dan air. Al-Razi (1999) berkata bahawa manusia asalnya adalah daripada air mani, dan air mani asalnya daripada makanan. Makanan pula sama ada haiwan, atau tumbuh-tumbuhan. Haiwan yang dimakan ini akhirnya akan kembali ke tanah, manakala kewujudan tumbuh-tumbuhan adalah dengan adanya air dan tanah yang disebut sebagai (طِين).

3. سُلالة من طين**: Pati Tanah**. Allah s.w.t. berfirman:

﴿ وَلَقَدْ خَلَقْنَا ٱلْإِنسَٰنَ مِن سُلَٰلَةٍ مِّن طِينٍ ﴿١٢﴾ ﴾

"*Dan demi sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia (Nabi Adam a.s.) daripada pati tanah*".

(Surah al-Mu'minun, 23: 12)

Di sini Allah s.w.t. menjelaskan lebih lanjut bagaimana jenis tanah liat yang dimaksudkan; iaitu jenis tanah liat daripada *Sulalah* atau saripati tanah (Ibnu Kathir, 2000). Pati bermaksud isi yang terutama atau yang baik sekali daripada sesuatu (Kamus Dewan, 2007). Maka pati tanah ini adalah sebersih-bersih tanah liat yang sudah dipisahkan daripada campuran bendasing.

4. طين لازب**: Tanah Liat yang Melekit**. Allah s.w.t. berfirman:

﴿ فَٱسۡتَفۡتِهِمۡ أَهُمۡ أَشَدُّ خَلۡقًا أَم مَّنۡ خَلَقۡنَآۚ إِنَّا خَلَقۡنَٰهُم مِّن طِينٖ لَّازِبِۭ ١١ ﴾

"*Maka tanyalah (wahai Muhammad) kepada mereka (yang ingkarkan kebangkitan semula sesudah mati): Adakah mereka lebih sukar diciptakan, ataukah makhluk-makhluk (seperti langit dan bumi) yang Kami telah ciptakan itu? Sesungguhnya Kami telah menciptakan mereka daripada tanah liat*".

(Surah al-Saaffaat, 37: 11)

Seterusnya Allah menghuraikan lagi lebih lanjut sifat tanah liat dalam fasa penciptaan Adam a.s.; iaitu tanah *Tiin Laazib*, atau tanah liat yang jenisnya adalah melekit. Maka dapat difahami bahawa ayat ini menepati dengan ayat yang disebutkan sebelum ini bahawa tanah liat daripada *Sulalah* (pati) bercampur menjadikan tanah liat itu melekit.

5. صَلصَال من حماء مسنون**: Tanah Liat Kering Berasal daripada Lumpur yang Dibentuk**. Allah s.w.t. berfirman:

﴿ وَلَقَدۡ خَلَقۡنَا ٱلۡإِنسَٰنَ مِن صَلۡصَٰلٖ مِّنۡ حَمَإٖ مَّسۡنُونٖ ٢٦ ﴾

"*Dan demi sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia (Nabi Adam a.s.) daripada tanah liat yang kering, yang berasal daripada lumpur hitam yang dibentuk*".

(Surah al-Hijr, 15: 26)

Begitu juga dalam ayat lain menyebutkan hal yang sama:

﴿ وَإِذۡ قَالَ رَبُّكَ لِلۡمَلَٰٓئِكَةِ إِنِّي خَٰلِقُۢ بَشَرٗا مِّن صَلۡصَٰلٖ مِّنۡ حَمَإٖ مَّسۡنُونٖ ٢٨ ﴾

"*Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat: "Sesungguhnya Aku akan menciptakan manusia daripada tanah liat yang kering, yang berasal daripada lumpur hitam yang dibentuk*".

(Surah al-Hijr, 15: 28)

Salsal bermaksud tanah yang kering; *Hama'* bermaksud tanah yang sudah berubah menjadi hitam disebabkan bercampur dengan air, dan *Masnun* pula bermaksud yang dibentuk (al-Aaluusi, 1999). Al-Jumal (1996) menjelaskan bahawa ini adalah antara proses penciptaan Adam, dimulakan dengan tanah *Turab*, kemudian ia menjadi basah kerana bercampur air lalu menjadi tanah *Tiin*. Lalu ditinggalkan hingga menjadi kering dan hitam maka itulah *Hama' Masnun*, iaitu telah berubah. Kemudian ia kering menjadi *Salsal* (Tantawi, 1998).

6. صلصال كالفخار**: Tanah Liat Kering seperti Tembikar**. Firman Allah s.w.t.:

﴿ خَلَقَ ٱلۡإِنسَٰنَ مِن صَلۡصَٰلٖ كَٱلۡفَخَّارِ ١٤ ﴾

"*Dia telah menciptakan manusia (Nabi Adam a.s.) daripada tanah liat yang kering seperti tembikar*".

(Surah al-Rahman, 55: 14)

Jelas daripada ayat ini fasa terakhir penciptaan Adam a.s. iaitu sambungan daripada fasa sebelumnya *Salsal min Hama' Masnun* menjadi *Salsal kal Fakhkhar*. Salsal atau tanah kering tadi sudah menjadi kuat dan tegap seperti sebuah tembikar. Ini menggambarkan bahawa bentuk Adam sudah mula kelihatan. *Salsal* tadi dimasak dengan api bagi menunjukkan ketegapan manusia dan anggota badannya (al-Zuhayli, 1998). Ia diumpamakan seperti tembikar bagi menunjukkan Adam sudah berbentuk secara khusus dan menjadi tegap (Ibnu 'Aashuur, 2000).

Muhammad Sayid Tantawi (1998) merumuskan bahawa ayat-ayat al-Qur'an yang menyebutkan tentang penciptaan manusia tidak bercanggah antara satu sama lain, sebaliknya menyokong satu sama lain. Para saintis mengatakan bahawa sains moden telah membuktikan bahawa tubuh manusia mengandungi unsur-unsur bumi, kerana ia terdiri daripada karbon, oksigen, dan besi. Ini adalah unsur yang sama yang membentuk tanah, walaupun perkadarannya berbeza antara seseorang dengan yang lain, dan pada manusia dari tanah, jenisnya adalah sama.

Walau bagaimanapun, apa yang telah dibuktikan oleh sains tidak boleh dianggap sebagai tafsiran teks al-Qur'an yang tidak dapat dielakkan. Kebenaran al-Qur'an mungkin bermaksud ini yang telah dibuktikan oleh sains, atau ia mungkin bermakna sesuatu yang lain daripadanya, dan ia boleh saja merujuk kepada satu lagi daripada banyak gambaran kajian yang mengkaji realiti makna penciptaan manusia daripada tanah, tanah liat, dan lain-lain.

Apa yang sangat perlu diambil perhatian ialah keperluan untuk tidak menghadkan teks al-Qur'an kepada penemuan saintifik manusia yang tertakluk kepada kesilapan dan ketepatan, dan tertakluk juga kepada pengubahsuaian dan perubahan setiap kali ilmu pengetahuan manusia berkembang dan menjadi lebih banyak serta bertambah baik.

Unsur tanah sememangnya tidak dapat dipisahkan daripada asal usul dan proses kejadian manusia. Penemuan sains hari ini menunjukkan bahawa permulaan kehidupan secara umum mungkin bermula daripada tanah liat atau clay. Salah satu kajian dengan tajuk "*Clay's Matchmaking Could Have Sparke Life*" pada tahun 2003 (*Science*, vol. 302). menyatakan dua komponen penting menjadi asas kepada permulaan kehidupan. Kedua-dua itu adalah kewujudan bahan genetic (*genetic material*) dan kewujudan selaput sel (*cell membranes*). Laporan kajian itu selanjutnya menyebutkan bahawa kedua-dua komponen ini mungkin bermula daripada tanah liat yang dikenali dengan *montmorillonite clay* (Danial Zainal Abidin, 2017).

Ahli tafsir kontemporari semisal Said Hawwa (1989) dan Hamka (2017) mengaitkan unsur tanah dengan khasiat yang diperlukan dalam kesuburan manusia. Tanpa khasiat daripada tanah yang diperoleh daripada tumbuh-tumbuhan, sayur-sayuran dan buah-buahan, benih manusia tidak matang sekali gus boleh menyebabkan kemandulan. Kajian saintifik mendapati pengambilan sayur-sayuran dan buah-buahan yang banyak tidak hanya mendatangkan kebaikan kepada kesihatan, malah juga meningkatkan kadar pengeluaran sperma kaum lelaki. Ini kerana sayur-sayuran dan buah-buahan kaya dengan asid folik (Danial Zainal Abidin, 2017).

Proses penciptaan Adam a.s. daripada tanah ini sehingga ditiupkan roh akan berlaku semula "*in reverse*"; iaitu apabila Nabi Adam dan generasi manusia seterusnya mati. Roh ditarik keluar, lalu manusia menjadi tubuh tanpa roh. Ia kemudian dikebumikan melalui proses "*decomposition*" sehingga hancur terurai kembali menjadi tanah (Azlan Shah, 2020).

Kejadian Hawwa

Menyentuh tentang kejadian Hawwa pula, timbul persoalan adakah proses kejadiannya sama seperti Adam? Hal ini merupakan antara perkara *mubham*; kesamaran yang tidak dapat dihuraikan dan hanya Allah s.w.t. saja yang mengetahuinya. Pun begitu, terdapat sepotong ayat ringkas yang menyebutkannya. Firman Allah s.w.t.:

﴿ يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ ٱتَّقُواْ رَبَّكُمُ ٱلَّذِى خَلَقَكُم مِّن نَّفْسٍ وَٰحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهُمَا رِجَالًا كَثِيرًا وَنِسَآءً وَٱتَّقُواْ ٱللَّهَ ٱلَّذِى تَسَآءَلُونَ بِهِۦ وَٱلْأَرْحَامَ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيبًا ١ ﴾

"*Wahai manusia! Bertaqwalah kepada Tuhan kamu yang telah menciptakan kamu dari diri yang satu (Adam 'Alaihissalam), Dia (Allah Subhanahu wa Ta'ala) menciptakan darinya pasangannya (Hawa), Dia (Allah Subhanahu wa Ta'ala) mengembangbiakkan dari keduanya (zuriat keturunan) laki-laki dan perempuan yang ramai. Dan bertaqwalah kepada Allah yang dengan namaNya kamu saling meminta serta (peliharalah) hubungan silaturahim (kaum kerabat). Sesungguhnya Allah adalah Maha Mengawasi (memerhati) kamu*".

(Surah al-Nisaa', 4: 1)

Ahli tafsir terkhilaf dalam mentafsirkan ayat ini dengan berpegang kepada zahir makna ayat. Mereka berpendapat bahawa pasangan Adam diciptakan daripada diri Baginda sendiri. Pendapat ini berdasarkan kepada tafsiran para Sahabat seperti Ibnu 'Abbas r.a. dan diikuti oleh anak muridnya dari kalangan Tabi'in Mujahid juga mentafsirkan perkara yang sama. Fahaman ini timbul bersandarkan sebuah hadith Nabi s.a.w.:

واسْتَوْصُوا بِالنِّساءِ خَيْرًا؛ فإنَّهُنَّ خُلِقْنَ مِن ضِلَعٍ، وإنَّ أعْوَجَ شَيءٍ في الضِّلَعِ أعْلاهُ

"*Aku berwasiat kepada kamu supaya menjaga wanita dengan sebaik-baiknya kerana mereka dijadikan daripada tulang rususk, dan sebengkok-bengkok tulang rusuk adalah yang di bahagian teratas*".

[HR al-Bukhari & Muslim]

Namun kajian maksud sebenar hadith ini telah dilakukan dengan natijah bahawa tabiat, kelakuan perempuan menyerupai tulang rusuk. Jika cuba diluruskan dengan keras akan patah, dan kalau dibiarkan sahaja akan tetap bengkok. Hamka (2017) menghuraikan dengan terperinci berkenaan hal ini. Menurutnya, jika kita tinggalkan tafsiran jumhur yang mengatakan Hawwa terjadi dari tulang rusuk Adam, dan kemudian sampai kepada pemahaman bahawa semua perempuan terjadi dari tulang rusuk juga. Kemudian diganti dengan tafsiran lain kerana penemuan bukti-bukti ilmiah hasil penyelidikan ke atas fosil-fosil bekas tulang-temulang manusia yang telah berates tahun. Maka hendaklah kita berhati-hati dan maklum bahawa teori Darwin telah ditolak oleh ramai ilmuwan. Ini bermaksud jika dalam tafsiran ayat al-Qur'an kita cenderung menggunakan teori baru, jangan sampai aqidah tergugat. Pembinaan aqidah adalah berdasarkan nas yang sahih, jelas dan qat'i tidak dapat dibantah (Hamka, 2017).

Sebagai solusi permasalahan ini perlulah kita berbalik kepada kaedah asal di dalam ilmu tafsir bahawa perkara seperti ini termasuk di dalam ayat-ayat *mujmal* iaitu ringkas, atau *mubham* iaitu samar. Dalam hal ini, al-Qur'an tidak memperincikan asal usul kejadian Hawwa. Namun jika teliti lagi susunan siyaq dan konteks ayat, dapat kita fahami bahawa kejadian Hawwa adalah sama seperti Adam; iaitu dari "*Nafs Wahidah*". Maksud sebenar ﴿ نَّفْسٍ وَٰحِدَةٍ ﴾ "*jiwa yang satu*" seperti

yang dijelaskan oleh al-Khalidi (2016) adalah "*Nafs Insaniyyah*" iaitu jiwa kemanusiaan yang terdiri daripada unsur tanah dan roh dan Allah telah gunakannya juga untuk Adam a.s. Dengan acuan "*jiwa yang satu*" ini juga Allah ciptakan Hawwa a.s. Dari jiwa kemanusiaan ini juga tercipta manusia yang mempunyai tubuh badan, perasaan, deria panca indera, sifat dan sebagainya. Juga mempunyai naluri syahwat, kecenderungan, impian, hati nurani dan roh, fikiran, khayalan dan lain-lain lagi.

Ini sebenarnya menunjukkan satu penghormatan dan kemuliaan bagi kaum wanita. Al-Qur'an menetapkan kedudukan wanita tidak berada pada kedudukan yang lebih rendah daripada lelaki dari aspek asal usul penciptaan. Binaan rupa bentuk manusia semua sama dari "*Nafs Wahidah*" jiwa yang satu. Yang berbeza hanyalah dari segi sifat dan naluri sahaja (al-Khalidi, (terj.), 2017).

Bab 2
KEJADIAN MANUSIA SETERUSNYA

Setelah menciptakan Nabi Adam a.s dan Hawwa, Allah s.w.t. turut menciptakan zuriat-zuriat keturunan mereka yang kemudian berkembang biak menjadi satu tamadun dari generasi ke generasi dan abad berganti abad. Allah s.w.t. berfirman:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ ٱتَّقُوا۟ رَبَّكُمُ ٱلَّذِى خَلَقَكُم مِّن نَّفْسٍ وَٰحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهُمَا
رِجَالًا كَثِيرًا وَنِسَآءً ۚ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ ٱلَّذِى تَسَآءَلُونَ بِهِۦ وَٱلْأَرْحَامَ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيبًا ﴿١﴾

"Wahai manusia! Bertaqwalah kepada Tuhan kamu yang telah menciptakan kamu dari diri yang satu (Adam 'Alaihissalam), Dia (Allah Subhanahu wa Ta'ala) menciptakan darinya pasangannya (Hawwa), Dia (Allah Subhanahu wa Ta'ala) mengembangbiakkan dari keduanya (zuriat keturunan) laki-laki dan perempuan yang ramai. Dan bertaqwalah kepada Allah yang dengan namaNya kamu saling meminta serta (peliharalah) hubungan silaturahim (kaum kerabat). Sesungguhnya Allah adalah Maha Mengawasi (memerhati) kamu."

(Surah al-Nisaa', 4: 1)

Sungguhpun kejadian zuriat Adam a.s. dan Hawwa seterusnya berlainan proses daripada yang disebutkan sebelum ini, namun masih tetap wujud elemen tanah. Ini disebutkan dalam firman Allah s.w.t.: di dalam Surah al-Rum ayat 20:

وَمِنْ ءَايَٰتِهِۦٓ أَنْ خَلَقَكُم مِّن تُرَابٍ ثُمَّ إِذَآ أَنتُم بَشَرٌ تَنتَشِرُونَ ﴿٢٠﴾

"Dan antara tanda-tanda kekuasaanNya bahawa Dia menciptakan kamu (asal usul kamu iaitu Adam 'alaihissalâm) daripada tanah kemudian apabila kamu menjadi manusia (yang berkembang biak) kamu pun bertebaran di bumi."

(Surah al-Ruum, 30: 20)

Fakta saintifik menyebutkan bahawa antara elemen yang terdapat dalam tisu badan manusia berunsurkan tanah. Proses penciptaan manusia seterusnya melalui beberapa fasa pertumbuhan dan penyempurnaan. Firman Allah s.w.t.:

وَقَدْ خَلَقَكُمْ أَطْوَارًا ﴿١٤﴾

"Padahal Dia telah menciptakan kamu secara berperingkat-peringkat (bertahap-tahap)."

(Surah Nuh: Ayat 14)

Tafsiran (أطوارا) "*secara berperingkat-peringkat atau bertahap-tahap*" di dalam ayat ini ialah seperti yang disebutkan dalam firman Allah s.w.t.:

وَلَقَدْ خَلَقْنَا ٱلْإِنسَٰنَ مِن سُلَٰلَةٍ مِّن طِينٍ . ثُمَّ جَعَلْنَٰهُ نُطْفَةً فِى قَرَارٍ مَّكِينٍ . ثُمَّ خَلَقْنَا ٱلنُّطْفَةَ عَلَقَةً فَخَلَقْنَا ٱلْعَلَقَةَ مُضْغَةً فَخَلَقْنَا ٱلْمُضْغَةَ عِظَٰمًا فَكَسَوْنَا ٱلْعِظَٰمَ لَحْمًا ثُمَّ أَنشَأْنَٰهُ خَلْقًا ءَاخَرَ فَتَبَارَكَ ٱللَّهُ أَحْسَنُ ٱلْخَٰلِقِينَ .

"Dan demi sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia (Nabi Adam 'alaihissalâm) daripada pati tanah. Kemudian Kami jadikannya (zuriat manusia daripada percantuman) air mani (laki-laki dan perempuan) yang di simpan di tempat yang kukuh (rahim ibu). Kemudian Kami menciptakan air mani itu menjadi segumpal darah beku lalu Kami menciptakan darah beku itu menjadi seketul daging, kemudian Kami menciptakan seketul daging itu menjadi tulang-tulang kemudian Kami balut tulang-tulang itu dengan daging. Kemudian (setelah sempurna kejadian itu) Kami menjadikannya makhluk yang (berbentuk) lain (dengan ditiupkan roh ke dalamnya). Maka Maha Suci Allah sebaik-baik Pencipta."

(Surah al-Mu'minun, 23: 12 - 14)

Ayat-ayat ini menghuraikan secara terperinci evolusi sebenar kejadian manusia. Ini termasuk hal persenyawaan dan kedudukan di dalam rahim ibu. Ia sama sekali tidak membuktikan teori evolusi ciptaan Darwin yang masih cuba diperjuangkan oleh para sarjana Barat hatta saintis muslim. Hujah mereka sekadar menggunakan hasil ujikaji dan eksperimen saintifik dari aspek DNA (*Deoxyribonucleic Acid*), diadun dengan penyelewengan tafsiran ayat-ayat al-Qur'an dan kesilapan *istidlal* ayat sebagai hujah, yang akhirnya juga gagal dibuktikan kebenarannya.

Dalam pada itu, al-Qur'an terlebih dahulu telah memberitahu kepada kita apa yang telah dikenal pasti oleh sains tentang peringkat-peringkat penciptaan manusia seterusnya. Peringkat-peringkat tersebut adalah seperti yang berikut:

1. Persenyawaan

Manusia diciptakan daripada air mani sebagaimana firman Allah s.w.t.:

مِن نُّطْفَةٍ خَلَقَهُۥ فَقَدَّرَهُۥ

"Allah menciptakannya daripada (percantuman) air mani (laki-laki dan perempuan) lalu Dia menetapkan (proses perkembangan)nya."

(Surah 'Abasa: ayat 19)

Dari sini dapat dilihat bahawa kejadian manusia selepas penciptaan Nabi Adam a.s dan Hawwa tercipta melalui proses percantuman air mani antara lelaki dan perempuan. Dalam istilah ilmu sains, air mani lelaki itu dikenali dengan nama sperma atau *spermatozoa* dan bagi perempuan pula merupakan sel telur yang ada dalam tubuh mereka. Proses percantuman ini disebutkan sebagai *nutfah amshaaj* dan telah dinyatakan di dalam surah al-Insaan firman Allah s.w.t.:

إِنَّا خَلَقْنَا ٱلْإِنسَٰنَ مِن نُّطْفَةٍ أَمْشَاجٍ نَّبْتَلِيهِ فَجَعَلْنَٰهُ سَمِيعًۢا بَصِيرًا ﴿٢﴾

"Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia daripada percantuman air mani (laki-laki dan perempuan) yang Kami hendak mengujinya (dengan berbagai-bagai kewajipan), oleh itu Kami menjadikannya mendengar dan melihat."

(Surah al-Insaan, 76: 2)

Perkataan (من نطفة) bermaksud daripada setetes air; iaitu air mani dan perkataan (أمشاج) pula bermaksud bercampur. Maka jelas dalam dua perkataan ini menerangkan bahawa kejadian manusia itu melalui proses percantuman antara air mani lelaki dan perempuan (al-Qurthubi, 2000). Al-Maraghi (1998) menafsirkan bahawa sesungguhnya Allah s.w.t. telah menciptakan manusia daripada *nutfah* yang di dalamnya ada air lelaki dan air perempuan. Beliau turut menukilkan sebuah riwayat daripada Ibnu 'Abbas r.a, yang berkata *al-amshaj* adalah warna merah di dalam putih, dan putih di dalam merah. Pendapat ini dipilih oleh kebanyakan pakar bahasa. Manakala Qatadah pula berkata: *Amshaj* adalah peringkat-peringkat penciptaan: Pada satu tahap ia sebagai *Nutfah,* pada tahap lain sebagai *'Alaqah,* pada tahap selanjutnya sebagai *Mudghah* dan pada tahap kemudian ia sebagai *'Izam* (tulang temulang). Kemudian tulang-temulang itu dibungkus daging (al-Maraghi (terj.), 2001) sebagaimana firmanNya:

وَلَقَدْ خَلَقْنَا ٱلْإِنسَٰنَ مِن سُلَٰلَةٍ مِّن طِينٍ ﴿١٢﴾

"Dan demi sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia (Nabi Adam 'alaihissalâm) daripada pati tanah."

(Surah al-Mu'minun, 23: 12)

Titik permulaan penciptaan ini ataupun air mani ini juga disebutkan sebagai مَاءٍ مَّهِين di dalam firman Allah s.w.t:

ثُمَّ جَعَلَ نَسْلَهُۥ مِن سُلَٰلَةٍ مِّن مَّآءٍ مَّهِينٍ ﴿٨﴾

"Kemudian Dia menjadikan keturunannya itu daripada pati air yang hina (air mani)."

(Surah al-Sajdah, 32: 8)

Menurut al-Sya‘rawi (1997) perkataan (سلالة) bererti sesuatu yang diperas darinya. Keturunan dan pati air ini diciptakan Allah s.w.t. dari sperma lelaki dan ovum perempuan. Disifatkan dengan hina kerana ia keluar dari saluran air seni (air kencing). Air yang hina itu sungguh mengagumkan kerana dalam sperma yang dipancarkan itu terdapat jutaan sperma yang berkebolehan untuk membentuk menjadi seorang anak damit dan hanya satu darinya yang boleh membentuk menjadi seorang manusia (al-Sya‘rawi (terj.), 2006).

Al-Maraghi (1998) menerangkan bahawa di dalam ayat ini Allah s.w.t menjadikan anak keturunan Nabi Adam a.s. daripada air mani yang dipancarkan terus daripada tulang belakang lelaki dan tulang dada perempuan sebagaimana yang dapat dibuktikan oleh ilmu genetik dan kemudian berkembang biak menjadi ramai (al-Maraghi (terj.), 2001).

Beliau kemudiannya membahaskan perbincangan ini secara terperinci di dalam penjelasan firman Allah s.w.t. di dalam Surah al-Taariq:

خُلِقَ مِن مَّآءٍ دَافِقٍ ۝٦ يَخْرُجُ مِنۢ بَيْنِ ٱلصُّلْبِ وَٱلتَّرَآئِبِ ۝٧

“Dia diciptakan daripada air (mani) yang memancut (ke dalam rahim).
Yang keluar daripada tulang shulbi laki-laki dan tulang dada perempuan.”

(Surah al-Taariq, 86: 6 – 7)

Ayat ini menjelaskan bahawa manusia itu diciptakan daripada air yang terpancar dari tulang belakang dan tulang dada setiap lelaki dan perempuan. Air itu merupakan intisari kejadian manusia bila ia keluar daripada tubuh lelaki dan perempuan, dan kemudiannya terkumpul di dalam rahim wanita.

Al-Maraghi (1998) turut meminta fatwa tentang teori kehamilan dan cara-cara terbentuknya embrio kepada doktor ahli bedah ‘Abd al-Hamid al-Arabiy Bek, wakil Hospital al-Malik. Beliau menjelaskan bahawa manusia adalah ruas-ruas daripada tulang belakang lelaki dan *tara’ib*nya adalah tulang-tulang dada wanita. Makna *tara’ib* hampir-hampir terbatas pada pengertian tulang dada paling bawah. Pada minggu keenam dan ketujuh daripada kehidupan janin di dalam rahim semua organ tubuh yang utama dan bentuknya sudah terbentuk di antara dua sisi tulang rusuk. Sebahagian daripada organ itu membentuk buah pinggang dan saluran kencing dan pada sebahagian lain terbentuklah alat kelamin lelaki dan perempuan. Dalam proses pembentukannya setiap sel mani dan sel telur berada dekat dengan buah pinggang dan mengambil tempat di antara tulang belakang dan tulang rusuk. Kedudukannya di pertengahan tulang belakang berhadapan dengan tulang hingga bawah (al-Maraghi (terj.), 2001).

Dari teori yang benar ini kita memperoleh penjelasan bahawa sel mani dan sel telur dalam pertumbuhannya berhubung dengan jarring pembuluh darah yang mencabang daripada urat nadi (*aorta*) di dalam suatu tempat di atas ginjal yang berada di antara tulang belakang dan tulang rusuk. Juga berhubungan dengan urat-urat yang meneruskan dan menemui kumpulan urat saraf aorta dan urat tulang dada yang kesepuluh. Ia keluar dari jaringan saraf dalam tulang belakang di antara tulang rusuk yang kesepuluh dan kesebelas. Semua itu mengambil tempat di dalam tubuh, iaitu di antara tulang belakang dengan tulang rusuk.

Bila sel mani dan sel telur di dalam pertumbuhannya melalui pembuluh darah dan di dalam proses pengaturan melalui urat-urat, yang diyakini semua proses itu berlaku di dalam satu tempat di dalam tubuh yang terletak di antara tulang belakang dan tulang rusuk. Maka jelaslah kebenaran apa yang dikatakan oleh al-Qur'an al-Karim, yang didatangkan oleh Tuhan semesta alam dan masalah itu belum diungkap oleh ilmu pengetahuan kecuali setelah 13 abad sejak diturunkannya.

Secara ringkasnya anak tercipta daripada sperma yang dipancarkan oleh lelaki dan di dalam sperma itu terdapat sel mani yang hidup lagi halus yang hanya dapat dilihat melalui mikroskop. Sel mani tersebut terus bergerak sehingga bertemu dengan sel mani wanita yang disebut telur atau ovum. Dengan itu, apabila sel mani dan sel telur bertemu maka terbentuklah janin (*embrio*) (al-Maraghi (terj.), 2001).



Sumber: https://en.wikipedia.org/wiki/Human_fertilization

Dalam menyingkap maksud dari tulang shulbi lelaki dan tulang dada perempuan, Yusuf al-Hajj Ahmad (2010) mengatakan bahawa tulang shulbi lelaki itu meliputi tulang belakang bahagian punggung *(dorsal),* tulang belakang sekitar pangkal paha *(lumbar),* dan tulang panggul. Dari aspek neurologi (saraf) ia meliputi pusat reproduksi yang memberi perintah yang diperlukan oleh hubungan intim dan sistem reproduksi juga dikelilingi oleh bermacam jaringan saraf yang berasal dari tulang shulbi. Bahagian tulang shulbi yang bertanggungjawab terhadap saraf-saraf ini sejajar dengan tulang punggung ke-12 dan tulang lumbar pertama dan kedua, dan tulang panggul (*pelvis*) ke 2,3 dan 4.



Sumber: https://www.healthpages.org/anatomy-function/spinal-nerves/#nerve-plexus

Manakala *al-Tara'ib* iaitu tulang dada perempuan memilik pengertian yang banyak. Antara lain adalah tulang dada, dua tulang selangkang, tulang tangan dan kaki, kawasan antara dua kaki, leher dan lain-lain. Dari makna-makna tersebut, makna yang sesuai dengan fakta ilmiah dan menggunakannya sebagai landasan untuk mendukung pentafsiran adalah tulang asal kaki atau tulang-tulang yang ada di antara dua kaki. Air mani yang memancar itu merupakan sperma yang keluar dari sekeliling tulang shulbi lelaki dan tulang-tulang asal kaki. Makna ayat ini semakin jelas, kerana kebanyakan tempat dan saluran keluar cairan sperma sebagaimana yang telah dijelaskan berada di belakang kelenjar prostat *(prostate gland)*. Rembesan kelenjar *(gland secretions)* ini menjadi salah satu unsur pembentuk cairan sperma, dan semuanya berada di antara tulang shulbi dan tulang asal kaki.

Ada yang menjelaskan bahawa *tara-ib,* secara literal bererti lengkungan tulang-tulang atau tulang-tulang yang melengkung *(arch of bones)* - bersamaan dengan apa yang dikatakan dengan tulang di antara dua kaki di atas -, sehingga banyak yang menyamakan dan mengasosiasikan *tara-ib* sebagai tulang dada atau tulang rusuk. Namun secara anatomi manusia, definisi *tara'ib* ini pun dapat mengacu kepada lengkungan tulang panggul *(arch of pelvis)*. Maka hal ini tidak membuat al-Qur'an bertentangan dengan fakta saintifik. Apabila air yang memancar dari lelaki keluar dari kelenjar prostat yang terletak di dekat shulbi, maka air yang memancar dari wanita keluar dari ovarium yang terletak di kawasan otot sekitar lengkungan tulang panggul. Dari percampuran tersebut, maka terjadilah pertumbuhan janin di dalam rahim ibu.[1]

[1] Lihat: Sperma dibentuk Oleh Organ Antara Tulang Belakang dan Tulang Dada? https://sumedanx.wordpress.com/2017/03/23/sperma-dibentuk-oleh-organ-antara-tulang-belakang-dan-tulang-dada/



Sumber: https://www.hopkinsmedicine.org/health/conditions-and-diseases/pelvis-problems

2. Kedudukan Anak Damit dalam Rahim Ibu

Apabila terjadi percantuman air mani antara lelaki dan perempuan, sudah tentu ada tempat penetapan bagi air mani tersebut. Allah s.w.t. berfirman:

ثُمَّ جَعَلْنَٰهُ نُطْفَةً فِى قَرَارٍ مَّكِينٍ ﴿١٣﴾

"Kemudian Kami jadikannya (zuriat manusia daripada percantuman) air mani (laki-laki dan perempuan) yang di simpan di tempat yang kukuh (rahim ibu)."

(Surah al-Mu'minun, 23: 13)

Al-Maraghi (1998) menjelaskan bahawa dalam ayat ini setelah Allah s.w.t. menjadikan zuriat manusia daripada air mani yang terdapat daripada tulang rusuk si bapa, ia kemudian ditempatkan di dalam rahim dan diletakkan di suatu tempat yang sangat kukuh sejak dari awal kehamilan sehingga bersalin. Al-Razi (1999) turut mengatakan hal yang sama bahawa intipatinya manusia itu diciptakan daripada air mani yang keluar daripada tulang rusuk belah bapa yang terpancar ke dalam rahim wanita dan menjadilah rahim itu tempat yang kukuh baginya. Beliau turut menjelaskan bahawa perkataan (قرار) itu membawa maksud kekal dan disebutkan rahim dengan yang demikian kerana sifatnya yang kekal dan kukuh. Hal ini juga dikatakan oleh Ibnu 'Aashur (2000) bahawa ini merupakan satu fasa penciptaan apabila terjadinya percantuman air mani antara lelaki dan perempuan di dalam rahim menerusi jalan yang diketahui. Air mani itu disimpan di dalam tempat yang kukuh iaitu rahim sebagai tempat untuk memelihara dan menjaganya.

Meskipun jika dilihat dengan mata kasar dan tidak diteliti kebenarannya, fakta demikian boleh saja merupakan hal yang mustahil. Namun nyatanya tidaklah begitu. Menurut al-Maraghi (1998) lagi, orang yang mempelajari bidang pembedahan rahim dan kedudukan yang kukuh yang terletak di bahagian bawah wanita akan melihat tempat itu mempunyai dinding yang lebar dan dalam, kemudian melihat sel-sel yang lebar dan jaringan yang bulat, serta bahagian-bahagian daripada

peritoneum bagi menguatkan rahim dengan gelembung kencing dan otot yang lurus. Semuanya ini bagi memelihara keseimbangan dan menguatkan rahim serta menjaganya daripada senget atau jatuh, kemudian membesar bersamanya apabila rahim naik sejajar dengan bertambahnya usia kehamilan secara berperingkat-peringkat seperti biasa setelah bersalin.

Menurutnya lagi pada rahim terdapat cecair *aminos* dalam pundi air, sebagai tempat janin berenang. Cecair itu melindungi janin daripada perlanggaran dan kegoncangan teruk yang boleh menyakitinya. Cecair ini boleh menenangkan kekuatan perlanggaran tersebut. Di samping itu, cecair *aminos* memelihara janin dengan suhu yang sesuai dengannya, sehingga ia menjadi penghubung kepada suhu yang panas. Di samping itu juga, ia berfungsi dalam proses pembatasan leher rahim dan perluasannya ketika bersalin yang menyerupai tanduk, sebagaimana ia berfungsi dalam proses pembersihan di depan janin dengan bahan-bahan bersih yang ada padanya. Semuanya itu menyebabkan rahim semakin kukuh dan aman (al-Maraghi (terj.), 2001).

Sumber: https://www.melakafertility.com/my_book/bab-1-anatomi-normal-pada-wanita/?lang=id

Penciptaan manusia di dalam rahim ibunya turut disebutkan di dalam firman Allah s.w.t.:

خَلَقَكُم مِّن نَّفْسٍ وَٰحِدَةٍ ثُمَّ جَعَلَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَأَنزَلَ لَكُم مِّنَ ٱلْأَنْعَٰمِ ثَمَٰنِيَةَ
أَزْوَٰجٍ ۚ يَخْلُقُكُمْ فِى بُطُونِ أُمَّهَٰتِكُمْ خَلْقًا مِّنۢ بَعْدِ خَلْقٍ فِى ظُلُمَٰتٍ ثَلَٰثٍ ۚ ذَٰلِكُمُ
ٱللَّهُ رَبُّكُمْ لَهُ ٱلْمُلْكُ ۖ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ۖ فَأَنَّىٰ تُصْرَفُونَ ﴿٦﴾

"Dia telah menciptakan kamu daripada diri yang satu (Nabi Adam 'alaihissalâm), kemudian Dia menjadikan daripadanya isterinya (Hawa) dan Dia mengadakan untuk kamu lapan ekor binatang ternakan yang berpasangan (jantan dan betina). Dia menciptakan kamu dalam

kandungan ibu-ibu kamu (berperingkat-peringkat) dari dalam tiga kegelapan. Yang (melakukan) sedemikian ialah Allah Tuhan kamu, bagiNya segala kekuasaan, tiada tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, oleh itu bagaimana kamu boleh dipesongkan (daripada kebenaran)?"
(Surah al-Zumar, 39: 6)

Ayat ini menyebutkan bahawa manusia diciptakan di dalam rahim ibu dalam tempoh tiga tahap yang diistilahkan sebagai (ظلمت ثلث) *"tiga kegelapan"* merujuk kepada tiga tahap pertumbuhan anak di dalam rahim. Al-Maraghi (terj., 2001) menafsirkan bahawa manusia diciptakan secara berperingkat dalam kegelapan tiga selaput yang dicipta oleh Allah s.w.t. untuk memelihara janin dan menjaganya dari kebusukan. Manakala al-Razi (1999), Ibnu Juzay (1996) dan Ibnu 'Aashur (2000) menjelaskan dengan mudah dan mengkhususkan istilah "tiga kegelapan" merujuk kepada:

i. kegelapan perut ibu,
ii. kegelapan rahim ibu,
iii. kegelapan tembuni (*placenta*) yang menyelubungi janin.

Al-Sya'rawi (1998) mengatakan ulama berpendapat maksud "*tiga kegelapan"* itu adalah kegelapan di perut ibu, kegelapan di dalam rahim, dan kegelapan kehendak Allah. Kata *"kegelapan"* itu sendiri memiliki beberapa makna di antaranya:

i. Kegelapan kerana tidak memiliki cahaya. la berkait erat dengan malam.
ii. Malam yang sejuk dibandingkan dengan siang. Siang memiliki panas matahari dan panas tubuh menimbulkan semangat kerja. Adapun tubuh di malam hari akan tenang kerana ia memerlukan rehat untuk melangsungkan kehidupan.
iii. Kegelapan dalam ketenangan; iaitu ketenangan yang tidak ditemukan di siang hari.

Tiga pengertian ini saling berkaitan dan dapat disimpulkan bahawa kegelapan terjadi saat tidak ada cahaya, dingin dan tenang. Tiga keadaan ini diperlukan untuk perkembangan janin. Keadaan ini membuat anggota tubuh janin berkembang di dalam perut ibu. Disebabkan keadaannya yang sangat lemah, janin itu adalah makhluk yang belum sempurna ciptaannya dan tidak mampu melawan panas dan sinar serta suara yang kuat. Oleh kerana itu, Allah menciptakan keadaan yang melindungi janin itu iaitu *dalam tiga kegelapan.*

Namun menurut al-Sya'rawi (1998) lagi pemahaman mengenai (ظلمت ثلث) jelas terjadi hanya di dalam rahim ibu dan bukan di dalam perutnya, kerana Allah s.w.t. telah menyebutkan penempatan janin di dalam (قرار مكين) iaitu rahim ibu merupakan tempat yang kukuh.

Menurut kajian ilmu sains biologi pula menghuraikan pembentukan embrio terjadi dalam tiga tempat berbeza di dalam rahim, iaitu: (i) Pre-Embriotik "*Germinal*", (ii) Embriotik "*Embryonic*", dan (iii) Fetus "*Fetal*". Manakala para pakar embriologi moden juga menetapkan bahawa di sela-

sela penciptaan ini janin dilingkupi dengan tiga jenis selaput, iaitu: (i) selaput *Amnion*, (ii) selaput *Chorion*, dan (iii) selaput *Decidua*.

Terdapat juga pendapat lain kalangan pakar embriologi mengatakan bahawa "tiga kegelapan" itu adalah selaput amnion yang melindungi janin, dinding rahim dan dinding perut. Pendapat terakhir ini lebih mirip kepada pentafsiran ayat al-Qur'an yang disebutkan sebelum ini .

Sungguhpun masih ada perbezaan pendapat kalangan pakar sains moden dalam pengertian ini, kesemuanya boleh digunakan bagi menjelaskan maksud "*tiga kegelapan*" selagi tidak menjejaskan maksud asal ayat al-Qur'an. Sebagaimana ikhtilaf ulama boleh terjadi dalam pentafsiran al-Qur'an, begitu juga halnya dalam disiplin ilmu yang lain. Jika mengikut kaedah Tafsir, ikhtilaf atau berlainan pendapat itu adalah ikhtilaf yang pelbagai dan bukannya ikhtilaf yang bercanggah antara satu sama lain (اختلاف التنوع لا اختلاف التضاد). Demikian juga halnya dari perspektif ilmu sains, berlainan fakta ilmiah yang disebutkan tadi masih merujuk kepada maksud "*kegelapan*" kerana ayat al-Qur'an itu menyatakan dalam bentuk tempat, hal dan keadaan, bukan dalam bentuk objek. Hanya Allah s.w.t. yang Maha Mengetahui maksud sebenar kalamNya.

Sumber: https://en.wikipedia.org/wiki/Fetal_membranes

Pembahasan mengenai hal yang ada di dalam rahim ini jelas sekali menunjukkan kepada luasnya pengetahuan Allah s.w.t. tentang perkara yang sukar untuk dilihat oleh manusia. Allah s.w.t. telah berfirman:

وَنُقِرُّ فِي ٱلْأَرْحَامِ مَا نَشَآءُ إِلَىٰٓ أَجَلٍ مُّسَمًّى ثُمَّ نُخْرِجُكُمْ طِفْلًا

"Dan Kami menetapkan dalam rahim (ibu yang mengandung itu) apa yang Kami kehendaki hingga ke suatu masa yang tertentu, kemudian Kami mengeluarkan kamu (dari kandungan ibu kamu) berupa kanak-kanak."

(Surah al-Hajj, 22: 5)

Para ahli tafsir bersepakat bahawa apa yang telah dinyatakan di dalam ayat ini mengenai ilmu tentang apa yang ada di dalam rahim adalah milik Allah s.w.t. dan Dialah yang menetapkan apa yang dikehendakiNya sehingga ke suatu masa yang telah ditetapkan. Dia yang menetapkan tempoh kehamilan sekurang-kurangnya enam bulan atau boleh mencapai kepada sembilan bulan atau lebih dan daripada kandungan itu lahirlah seorang anak damit.

Perincian mengenai perkara ini dengan lebih jelas diterangkan di dalam tafsiran firman Allah s.w.t.:

ٱللَّهُ يَعۡلَمُ مَا تَحۡمِلُ كُلُّ أُنثَىٰ وَمَا تَغِيضُ ٱلۡأَرۡحَامُ وَمَا تَزۡدَادُۖ وَكُلُّ شَيۡءٍ عِندَهُۥ بِمِقۡدَارٍ ٨

"Allah mengetahui apa yang dikandung oleh setiap perempuan dan (mengetahui) apa yang kurang dan apa yang lebih dalam rahim (tempoh mengandung). Dan segala sesuatu di sisiNya ada ukuran(nya)."

(Surah al-Ra'd, 13: 8)

Ibnu Juzay (1996) menyimpulkan bahawa pengetahuan tentang apa yang ada di dalam rahim merupakan antara lima perkara yang tidak diketahui melainkan hanya Allah s.w.t. sahaja. Dia yang mengetahui sama ada janin yang di dalam rahim ibu itu seorang lelaki atau perempuan, sempurna kejadiannya ataupun cacat, cantik ataupun hodoh dan lain-lain lagi. Allah jugalah yang mengetahui sama ada anak itu akan selamat dilahirkan atau tidak, ataupun tempoh kehamilannya kurang daripada sembilan bulan ataupun lebih. Semua itu telah ditetapkan olehNya yang Maha Kuasa.

Menurut al-Maraghi (1998) statistik dan penelitian yang dilakukan di beberapa buah rumah sakit di London menunjukkan bahawa janin tidak dapat menetap di dalam rahim ibu dan terus hidup lebih dari 305 hari. Sementara itu, penelitian di beberapa buah rumah sakit di Berlin menunjukkan bahawa janin dapat menetap dan hidup di dalam rahim tidak lebih dari 308 hari. Atas dasar itu, mahkamah syari'ah menetapkan, bahawa tempoh 'iddah wanita yang diceraikan tidak lebih daripada satu tahun *Qamariyyah* iaitu 345 hari. Ini adalah menurut pendapat Mazhab Maliki (al-Maraghi (terj.), 2001).



Sumber: https://cherokeewomenshealth.com/2022/11/stages-of-pregnancy-third-trimester/

Jadi boleh saja seorang wanita itu dikurniakan zuriat anak dan mengandungnya di dalam rahimnya selama enam bulan atau lebih, ataupun boleh saja seorang wanita itu mengandung dan kemudiannya mengalami keguguran ataupun boleh saja seorang wanita itu meskipun sudah banyak ikhtiarnya dengan suaminya, masih saja tidak dikurniakan cahaya mata sebagai penghibur hatinya dan keluarga kerana semua itu sesuai dengan kehendak dan ketentuan Allah s.w.t. kepadanya.

Dengan kuasa Allah, menurut kajian sains moden muncullah istilah hamil di luar rahim atau lebih dikenali dalam bahasa inggeris sebagai *Ectopic Pregnancy.* Kehamilan ektopik ini merupakan kehamilan di luar rahim. 1 hingga 2 peratus kehamilan adalah kehamilan ektopik. Daripada jumlah ini, 98 peratus merupakan kehamilan ektopik dalam tiub fallopian. Kehamilan ektopik lain termasuklah rongga abdomen, ovari, cornu rahim dan serviks. Di dalam kehamilan ektopik, embrio tidak sampai ke rahim, sebaliknya ia tertanam dalam lapisan tiub fallopian dan menyebabkan pendarahan. Saiz embrio yang semakin membesar menyebabkan tiub fallopian meregang dan lalu pecah. Ini boleh menyebabkan pendarahan yang teruk dalam abdomen dan mengancam nyawa maka diagnosis awal dan rawatan amat diperlukan.[2] Jelas disini, apa yang tidak ditetapkan oleh Allah s.w.t. untuk kekal di dalam rahim tidaklah akan berkembang menjadi satu ciptaan manusia yang hidup.

Sumber: http://www.myhealth.gov.my/kehamilan-ektopik/

[2] Lihat: Kehamilan Ektopik. http://www.myhealth.gov.my/kehamilan-ektopik/

3. Fasa Kejadian Anak Damit

Setelah Allah s.w.t memberitahu kepada kita tentang permulaan peringkat kejadian manusia, pada ayat yang lain pula Allah s.w.t. menjelaskan dengan lebih terperinci dan lengkap mengenai peringkat-peringkat kejadian manusia seterusnya ataupun fasa kejadian anak damit sewaktu janin berada di dalam rahim ibu. Perincian ini disebutkan dalam firman Allah s.w.t.:

ثُمَّ خَلَقْنَا ٱلنُّطْفَةَ عَلَقَةً فَخَلَقْنَا ٱلْعَلَقَةَ مُضْغَةً فَخَلَقْنَا ٱلْمُضْغَةَ عِظَٰمًا
فَكَسَوْنَا ٱلْعِظَٰمَ لَحْمًا ثُمَّ أَنشَأْنَٰهُ خَلْقًا ءَاخَرَ ۚ فَتَبَارَكَ ٱللَّهُ أَحْسَنُ ٱلْخَٰلِقِينَ ﴿١٤﴾

"Kemudian Kami menciptakan air mani itu menjadi segumpal darah beku lalu Kami menciptakan darah beku itu menjadi seketul daging, kemudian Kami menciptakan seketul daging itu menjadi tulang-tulang kemudian Kami balut tulang-tulang itu dengan daging. Kemudian (setelah sempurna kejadian itu) Kami menjadikannya makhluk yang (berbentuk) lain (dengan ditiupkan roh ke dalamnya). Maka Maha Suci Allah sebaik-baik Pencipta."

(Surah al-Mu'minun, 23: 14)

Selepas terciptanya air mani, Allah s.w.t. menukarkan air mani itu menjadi darah yang beku dan daripada darah beku itu diciptakan seketul daging yang dapat dikunyah. Daging itu diciptakan dengan bahagian-bahagiannya yang dihuraikan oleh Allah s.w.t. dan dari bahagian-bahagian tersebut terbentuklah tulang-tulang yang kemudiannya diseliputi dengan daging seumpama kain yang menutupi tubuh. Setelah sempurna kejadiannya yang demikian, Allah s.w.t. menciptakannya sebagai makhluk lain yang berbeza daripada awal permulaan ciptaannya dengan peniupan roh ke dalam tubuhnya. Asalnya adalah umpama haiwan yang sebelumnya menyerupai benda mati dan dengan peniupan roh kemudian ia boleh berbicara, mendengar dan melihat (al-Maraghi (terj.), 2001).

Di sini dapat kita lihat dengan jelas bahawa janin akan melalui empat peringkat awal pertumbuhan di dalam rahim ibu. Setelah sampai kepada peringkat akhir kejadiannya yang sempurna, Allah s.w.t. kemudian menciptakannya sebagai seorang makhluk yang berbeza rupanya daripada awal kejadiannya di dalam rahim ibu iaitu lengkap dengan rupa dan tersusun segala pancaindera pada tubuhnya. Itulah yang dikenali sebagai seorang manusia.

Perincian-perincian demikian sebagaimana yang dinyatakan di dalam al-Qur'an telah diperakui oleh kajian sains.

Sumber: https://www.freepik.com/free-vector/stages-human-embryonic-development_10805385.htm#query=fetal%20development&position=1&from_view=keyword&track=ais

4. Penentuan Jantina

Dalam hal penentuan jantina janin di dalam rahim ibu juga ada disebutkan di dalam al-Qur'an sebagaimana firman Allah s.w.t.:

أَلَمْ يَكُ نُطْفَةً مِّن مَّنِيٍّ يُمْنَىٰ ﴿٣٧﴾ ثُمَّ كَانَ عَلَقَةً فَخَلَقَ فَسَوَّىٰ ﴿٣٨﴾ فَجَعَلَ مِنْهُ الزَّوْجَيْنِ الذَّكَرَ
وَالْأُنثَىٰ ﴿٣٩﴾

"Bukankah dia berasal daripada air mani yang dipancarkan (ke dalam rahim)?
Kemudian air mani itu menjadi segumpal darah beku lalu Allah menciptakannya dan menyempurnakan (kejadiannya sebagai manusia)?
Lalu Dia menjadikan daripada manusia itu pasangan laki-laki dan perempuan."

(Surah al-Qiyamah, 75: 37 – 39)

Jelas di dalam ayat ini bahawa Allah s.w.t. menciptakan manusia daripada air mani yang kemudian berkembang di dalam rahim ibu menjadi seorang manusia dan telah ditentukan daripada manusia itu pasangan lelaki dan perempuan. Al-Razi (1999) menafsirkan bahawa perkataan "pasangan" membawa maksud kepada dua jenis iaitu lelaki dan perempuan.

Mungkin topik ini sedikit menyentuh sedikit sensitiviti dalam masyarakat umum. Tetapi ia sangat penting untuk diajarkan bertujuan menyisihkan kesamaran perihal perkara-perkara berkaitan dengannya. Ini termasuk isu LGBT yang cuba dihalalkan oleh penemuan ilmu sains. Allah s.w.t. berfirman dalam satu potongan ayat ringkas namun penuh dengan mutiara makna yang tidak terhingga banyaknya:

وَلَيْسَ ٱلذَّكَرُ كَٱلْأُنثَىٰ

"… dan anak laki-laki tidak sama dengan anak perempuan…"

(Surah Aali 'Imraan, 3: 36)

Ibnu 'Aashur (2000) mengatakan bahawa penafian persamaan antara lelaki dan perempuan ini bermaksud jenis maskulin sekali-sekali tidak akan sama dengan jenis feminin. Apatah lagi dalam hal jantina manusia. Ayat ini bukti jelas menafikan kewujudan jantina yang bertentangan dengan *tabi'i* kejadian manusia. Ayat-ayat lain juga ada menyebutkan perkara ini seperti dalam surah al-Nisaa' 4: 1, surah al-Insan, 76: 1 – 2, dan surah al-Hujurat, 49: 13. Selain itu, penentuan jantina sebenar di dalam rahim ibu hanya Allah s.w.t. yang Maha Mengetahui. Oleh itu, sungguh pun kemajuan sains dan teknologi mampu meneropong imej kejadian anak di dalam rahim ibu melalui alat *ultrasound*, ada saja kesalahan yang boleh terjadi.

Al-Nabulsi (terj., 2011) mengatakan bahawa para ulama bersepakat perempuan itu sama dengan lelaki dalam hal hukum syariat, pemuliaan dan tanggungjawab. Ertinya, ia memiliki keistimewaan dan ciri khas dalam hal struktur tubuhnya, keistimewaan dalam struktur kejiwaannya, keistimewaan dalam struktur sosialnya, keistimewaan dalam daya pertimbangannya dan dalam sifat pertimbangannya. Al-Nabulsi juga menyebutkan kesimpulan kajian pakar perubatan bahawa postur tubuh perempuan lebih pendek dari postur tubuh lelaki. Bahkan rata-rata perbezaan ketika masa pertumbuhan adalah sepuluh sentimeter. Begitu juga halnya dalam timbangan. Tulang kerangka perempuan lebih ringan daripada tulang kerangka lelaki di mana susunan kerangkanya membuatnya sebagai orang yang lebih sedikit bergerak. Otot-otot yang dimilikinya juga lebih lemah daripada otot-otot yang dimiliki oleh lelaki. Sejumlah perbezaan ini jelas menunjukkan bahawa Allah s.w.t. itu Maha Teliti dalam sesuatu ciptaan.

Seterusnya sebelum munculnya ilmu genetik sehinggalah abad ke dua puluh, kebanyakan kebudayaan secara umumnya percaya bahawa jantina seorang anak damit itu ditentukan oleh wanita dan mereka yang melahirkan anak perempuan akan dipersalahkan. Namun di dalam al-Qur'an, 13 abad dahulu sebelum berkembangannya ilmu genetik, kepercayaan karut ini telah ditolak dan asal usul jantina tidak datang daripada wanita akan tetapi sebenarnya daripada air mani lelaki sendiri.

Untuk menepis kepercayaan karut tersebut dapat dilihat di dalam firman Allah s.w.t.:

وَأَنَّهُۥ خَلَقَ ٱلزَّوۡجَيۡنِ ٱلذَّكَرَ وَٱلۡأُنثَىٰ ﴿٤٥﴾ مِن نُّطۡفَةٍ إِذَا تُمۡنَىٰ ﴿٤٦﴾

"Dan sesungguhnya Dia yang menciptakan pasangan laki-laki dan perempuan. Daripada air mani apabila dipancarkan (ke dalam rahim)."

(Surah al-Najm, 53: 45 – 46)

Bagi menjelaskan ayat ini, Ibnu ‘Aashur (2000) menerangkan bahawa perkataan (الزوجين) yang bermaksud pasangan adalah pasangan lelaki dan perempuan dari kalangan manusia. Ini kerana ada sebahagian pasangan lelaki dan perempuan tidak diciptakan daripada air mani, bahkan daripada telur seperti beberapa jenis haiwan dan yang selainnya. Terdapat dua penjelasan di sini mengapakah digunakan perkataan (الزوجين) dan frasa (الذكر والأنثى) dan bukan dengan penggunaan (خَلَقَهُ) iaitu *“penciptaan manusia daripada nutfah”* sepertimana yang disebutkan di dalam firman Allah s.w.t.:

فَلْيَنْظُرِ الْإِنْسانُ مِمَّ خُلِقَ خُلِقَ مِنْ ماءٍ دافِقٍ

“*Maka hendaklah manusia memikirkan daripada apa dia diciptakan. Dia diciptakan daripada air (mani) yang memancut (ke dalam rahim)*”.

(Surah al-Thaariq, 86: 5 – 6)

Penjelasan yang pertama menyatakan bahawa pengkhususan ini adalah untuk melahirkan rasa syukur apabila disebutkan bagi setiap lelaki itu seorang pasangan isteri sepertimana yang disebutkan di dalam firman Allah s.w.t. di dalam surah al-Ruum:

وَمِنْ آياتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْواجاً لِتَسْكُنُوا إِلَيْها

“Dan antara tanda-tanda kekuasaanNya bahawa Dia menciptakan bagi kamu isteri-isteri daripada jenis kamu sendiri supaya kamu cenderung dan merasa senang kepadanya.”

(Surah al-Ruum, 30: 21)

Manakala penjelasan yang kedua pula, ayat ini menunjukkan kepada pernyataan bahawa bagi setiap pasangan itu sesetengahnya daripada *nutfah* ataupun air mani yang menciptakan manusia. Bagi lelaki itu *nutfah* dan bagi perempuan juga *nutfah* sepertimana yang telah diriwayatkan di dalam sebuah hadith sahih: Nabi s.a.w. bersabda: Jika air mani lelaki mendahului air mani perempuan, maka anaknya akan menyerupai ayahnya dan jika air mani perempuan mendahului air mani lelaki, maka anaknya akan menyerupai ibunya.” [HR al-Bukhari].

Justeru itu, di sini jelaslah bahawa bagi setiap lelaki dan perempuan itu *nutfah. Nutfah* seperti yang kita sedia maklum sebelum ini adalah sperma bagi lelaki dan sel telur bagi perempuan. Manusia sebelumnya percaya bahawa *nutfah* itu adalah air mani lelaki sahaja sehinggalah al- Qur’an meleraikan kesalahfahaman ini kepada mereka yang mahu menelitinya.

Hal yang disebutkan oleh al-Qur'an ini adalah benar dan kajian saintifik pun mengakuinya. Harun Yahya (2006) menyatakan kebenaran wahyu al-Qur'an ini telah disahkan secara saintifik oleh perkembangan di dalam ilmu genetik dan mikrobiologi. Telah difahami kini bahawa jantina ditentukan oleh sperma lelaki dan telur wanita tidak memainkan sebarang peranan di dalam penentuan ini. Apa yang menentukan jantina adalah kromosom-kromosom. Daripada 46 kromosom yang menentukan struktur manusia, dua dikenali sebagai kromosom seks. Kedua-dua kromosom ini disebutkan sebagai XY pada lelaki dan XX pada wanita, kerana kromosom-kromosom ini mirip dengan huruf-huruf ini. Kromosom Y membawa gen-gen lelaki dan kromosom X membawa gen-gen wanita. Pembentukan seorang manusia bermula dengan penyatuan salah satu daripada kromosom-kromosom ini yang wujud berpasangan di dalam lelaki dan wanita. Ketika pengovuman di dalam wanita, sel jantina berpecah kepada dua, setiap satunya membawa kromosom X. Di dalam lelaki, sel jantina berpecah kepada dua sperma, satu membawa kromosom X dan yang satu lagi membawa kromosom Y. Jika kromosom X di dalam wanita bersatu dengan satu sperma yang membawa kromosom X, bayi yang diperoleh adalah perempuan; jika ia bersatu dengan satu sperma yang membawa kromosom Y, bayi tersebut adalah lelaki. Oleh itu, jantina bayi bergantung kepada kromosom manakah yang bersatu dengan telur wanita. Sejajarlah apa yang dihuraikan ini seperti penjelasan tafsir serta hadith Nabi s.a.w. yang telah disebutkan di atas.



Sumber: https://www.sciencedirect.com/topics/immunology-and-microbiology/human-chromosome

5. Kelahiran dan Umur Manusia

Perihal keadaan seorang anak damit itu setelah dilahirkan dan umurnya jelas disebutkan di dalam firman Allah s.w.t.:

ٱللَّهُ ٱلَّذِى خَلَقَكُم مِّن ضَعْفٍ ثُمَّ جَعَلَ مِنۢ بَعْدِ ضَعْفٍ قُوَّةً ثُمَّ جَعَلَ مِنۢ بَعْدِ قُوَّةٍ
ضَعْفًا وَشَيْبَةً ۚ يَخْلُقُ مَا يَشَآءُ ۖ وَهُوَ ٱلْعَلِيمُ ٱلْقَدِيرُ ﴿٥٤﴾

"Allah yang menciptakan kamu daripada keadaan lemah, selepas berkeadaan lemah itu Dia menjadikan kamu berkeadaan kuat (muda), setelah itu Dia menjadikan kamu lemah semula dan

tua beruban. Dia menciptakan apa yang dikehendakiNya, dan Dia Maha Mengetahui lagi Maha Berkuasa."

(Surah al-Ruum, 30: 54)

Al-Razi (1999) menerangkan bahawa yang dimaksudkan dengan (من ضعف) adalah keadaan manusia ketika ia masih lagi dalam kandungan sebagai janin dan kemudian seorang anak damit yang dilahirkan dan kemudian yang menyusu daripada susu ibunya dan kemudian dia berhenti menyusu dan itulah keadaan lemah yang dimaksudkan. Kemudian manusia berubah dan menjadi kuat (قوة) dan ini adalah keadaan bila manusia mencapai kematangan, peralihan kepada zaman remaja dan seterusnya menjadi dewasa. Manusia berada pada fasa usia muda dan sangat bersemangat. Setelah itu, mereka kembali lemah dan kini beruban. Ini menunjukkan kepada meningkatnya usia dan perubahan dari segi tenaga serta daya tahan tubuh.

Ibnu 'Aashur (2000) mengatakan (الضعف) itu adalah kelemahan dan kelembutan dan ia adalah asas permulaan penciptaan manusia. Manusia mula diciptakan di dalam kandungan ibunya dan kemudian tumbuh besar menjadi seorang anak damit sehingga mencapai kematangan penuh. Beliau kemudian menyimpulkan bahawa ayat ini merupakan gambaran kebesaran Allah s.w.t. tentang hari kebangkitan sepertimana manusia diciptakan secara berperingkat iaitu bermula dari keadaan yang lemah dan berakhir juga di dalam keaadan yang lemah seperti itulah juga Allah s.w.t. akan menciptakan manusia kembali setelah kematian dan itu tidaklah menakjubkan daripada sekarang. Adapun keadaan tua dan beruban merupakan petanda kematian.

Al-Sya'rawi (1997) turut mengatakan ada yang menyangka bahawa dia tidak merasa lemah kerana tidak pernah melihat dirinya berada di dalam keadaan lemah ketika diciptakan. Hal itu kita katakan adalah betul dan benar kita tidak menyaksikan kejadian itu di dalam diri kita sendiri. Akan tetapi, kita dapat menyaksikannya daripada pengalaman orang lain. Bagaimana orang itu diciptakan dari air mani, berubah menjadi janin di dalam rahim ibu dan dilahirkan dalam keadaan yang sangat kecil dan lemah; kakinya tidak dapat berjalan, tangannya tidak dapat memukul dan giginya tidak dapat menggigit. Namun Allah s.w.t. memelihara dan membesarkannya dengan kehendakNya sehingga menjadi kuat dan kemudian menjadi lemah kembali akibat usia tua. Dengan demikian, keadaan lemah dapat dilihat dan disaksikan oleh setiap manusia. Tidak pada dirinya, tapi pada orang lain.

Ayat ini merupakan penjelasan tentang peringkat kehidupan manusia dengan gambaran atau rupa bentuk yang berubah-rubah. Allah s.w.t. menjelaskan kejadian manusia bermula dari tahap yang lemah kemudian menjadi kuat dan akhirnya menjadi lemah semula. Semua itu adalah fitrah kejadian manusia yang terjadi dengan perubahan masa.

Penjelasan ayat ini tidak memerlukan kepada pembuktian kajian saintifik kerana bukti kekuasaan Allah ini adalah zahir di depan mata. Perkara ini dapat disaksikan di setiap yang hidup dan juga yang telah meninggal dunia.

Sumber: https://www.freepik.com/premium-vector/life-cycle-man-visualization-stages-male-body-growth-development-ageing_12622804.htm#query=human%20life%20stages&position=7&from_view=search&track=ais#position=7&query=human%20life%20stages

6. Penciptaan Manusia dalam Ahsan Taqwim

Penciptaan manusia dalam keadaan "*ahsan taqwim*" merupakan kemuliaan yang dikurniakan Allah s.w.t. terhadap zuriat Nabi Adam a.s. dengan rupa bentuk yang baik, berakal fikiran dan keadaan yang mulia.
Allah s.w.t. berfirman:

لَقَدْ خَلَقْنَا ٱلْإِنسَٰنَ فِىٓ أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ ﴿٤﴾

"Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya (dan berkelengkapan sesuai dengan keadaannya)."

(Surah Al-Tiin, 95: 4)

Wahbah al-Zuhayli (1998) menjelaskan Allah s.w.t. bersumpah bahawa Dia telah menciptakan manusia dengan sebaik-baiknya; dari segi fizikal dan juga fungsi anggota tubuh badan serta pancaindera. Juga dari segi memiliki keistimewaan berupa akal dan pikiran, perencanaan dan hikmah, dan berdiri tegak. Ciptaan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya bukanlah terhad kepada keindahan luarannya sahaja bahkan juga dari sudut mental atau rohani adalah dalam sebaik-baik keadaan (al-Zuhayli (terj.), 2000).

Ibnu 'Aashur (2000) turut menerangkan ayat tersebut bahawa Allah s.w.t. membentuk manusia dalam bentuk diri yang bersesuaian dengan apa yang diciptakan untuknya dari segi persiapan sistem dan tamadunnya. Bukanlah bentuk rupa manusia dari luarannya yang diambil kira oleh Allah s.w.t. dan tidaklah Allah s.w.t. bersumpah dengan perkara yang demikian. Nabi Muhammad s.a.w. telah bersabda: "*Sesungguhnya Allah s.w.t. tidak melihat kepada jasad kamu dan juga tidak pada rupa bentuk kamu akan tetapi Dia melihat kepada hati kamu*." [HR Muslim]

Dalam perihal tafsiran ini Allah s.w.t. juga berfirman di dalam ayat lain:

ٱلَّذِىٓ أَحۡسَنَ كُلَّ شَىۡءٍ خَلَقَهُۥ وَبَدَأَ خَلۡقَ ٱلۡإِنسَٰنِ مِن طِينٍ ۝٧

"Yang menciptakan tiap-tiap sesuatu dengan sebaik-baiknya (sesuai dengan tujuan penciptaannya), dan Dia memulakan penciptaan manusia (Nabi Adam 'alaihissalâm) daripada tanah."

(Surah al-Sajdah, 32: Ayat 7)

Al-Maraghi (1998) menyatakan bahawa dari ayat ini jelas difahamkan Allah s.w.t. yang mengatur segala urusan itu dan Dialah yang mengetahui semua perkara ghaib yang tersimpan jauh di dalam lubuk hati seseorang. Dia juga menciptakan setiap sesuatu itu dengan teliti, teratur dan penuh sempurna. Manakala al-Sabuni (t.th.) menukilkan perumpamaan sebahagian ulama dalam tafsiran ayat ini. Mereka berkata bahawa seandainya anda membayangkan gajah mempunyai kepala seperti kepala unta, kelinci mempunyai kepala seperti kepala singa, manusia mempunyai kepala seperti kepala keledai, tentu anda tahu hal itu mengandung cacat yang besar, tidak sesuai dan tidak relevan. Namun jika anda tahu bahawa leher unta panjang dan bibirnya belah agar mudah menelan rumput ketika berjalan, gajah seandainya gadingnya tidak panjang maka tidak dapat duduk di tanah dengan badannya yang besar untuk makan dan minum, jika anda tahu hal tersebut maka anda yakin bahawa itulah perbuatan Allah s.w.t. yang meyakinkan segala sesuatu dan anda berkata: Maha Berkah Allah, Pencipta terbaik (al-Sabuni (terj.), 2020).

Semua yang telah disebutkan ini sesuai dengan firman Allah s.w.t. di dalam ayat yang lain:

ٱلَّذِى خَلَقَكَ فَسَوَّىٰكَ فَعَدَلَكَ . فِىٓ أَىِّ صُورَةٍ مَّا شَآءَ رَكَّبَكَ

"Yang telah menciptakan engkau lalu menyempurnakan kejadianmu dan menjadikan (susunan tubuh) mu seimbang. Dalam bentuk apa sahaja yang dikehendakiNya, Dia menyusun kejadianmu."

(Surah al-Infithaar, 82: 7 – 8)

Al-Qurtubi (2000) menafsirkan bahawa Allah s.w.t. telah mengaturkan penciptaan manusia dari setetes air mani dan menyempurnakan kejadian manusia di dalam perut ibunya dengan menjadikannya memiliki dua tangan, dua kaki, sepasang mata serta seluruh anggota tubuh manusia diciptakan dengan lurus, sepadan dan seimbang.

Beliau menukilkan dari Ikrimah dan Abu Shalih bahawa maksud firman Allah s.w.t.: *"Dalam bentuk apa sahaja yang dikehendakiNya, Dia menyusun kejadianmu."* ialah jika Allah menghendaki, Dia menyusun tubuh dalam bentuk manusia, bentuk keldai, bentuk kera ataupun

dalam bentuk babi. Manakala Makhul pula berkata: “Jika Dia menghendaki, Dia menjadikanmu perempuan, dan jika Dia menghendaki, Dia menjadikanmu laki-laki”. Mujahid pula menafsirkan bahawa ayat itu membawa maksud “dalam bentuk yang serupa, baik dari ayah, ibu, bapa saudara, ibu saudara ataupun yang lainnya”.

Perincian yang telah dihuraikan dengan secara langsung menjawab permasalahan mengenai isu berkaitan dengan orang yang dilahirkan istimewa seperti cacat anggota atau kurang sempurna. Adakah Allah s.w.t. itu berlaku tidak adil kerana menciptakan manusia sebahagiannya dalam keadaan cacat atau kurang upaya, walhal Dia menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya?

Allah s.w.t. berfirman:

فَإِنَّا خَلَقْنَاكُم مِّن تُرَابٍ ثُمَّ مِن نُّطْفَةٍ ثُمَّ مِنْ عَلَقَةٍ ثُمَّ مِن مُّضْغَةٍ مُّخَلَّقَةٍ وَغَيْرِ مُخَلَّقَةٍ لِّنُبَيِّنَ لَكُمْ

“Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu daripada tanah kemudian daripada (percantuman) air mani (laki-laki dan perempuan), kemudian daripada segumpal darah beku, kemudian daripada seketul daging yang sempurna kejadiannya dan yang tidak sempurna supaya Kami menjelaskan kepada kamu (kekuasaan Kami).”

(Surah al-Hajj, 22: 5)

Dalam mendefinisikan (مخلقة وغير مخلقة) *“sempurna kejadiannya dan yang tidak sempurna”*, al-Razi (1999) berkata bahawa (مضغة) adalah segumpal daging kecil yang dapat dikunyah dan para ahli tafsir berlainan pendapat mengenainya. Pendapat yang pertama mengatakan maksud ayat tersebut adalah sempurna keadaan penciptaannya dan juga tidak sempurna yang mana Allah s.w.t. telah membahagikan (مضغة) itu kepada dua bahagian iaitu; (i) sempurna rupanya, perasaan dan perancangan, dan (ii) yang kurang dalam perkara demikian. Maka jelaslah bahawa setelah Dia menjadikannya seketul daging, Dia menciptakannya sebagai manusia yang sempurna tanpa kekurangan dan ada pula yang sebaliknya. Ini adalah pendapat Qatadah dan al-Dahhak. Allah s.w.t. menciptakan segumpal daging itu berbeza. Bukankah Dia yang menyempurnakan ciptaan jauh dari kecacatan dan juga sebaliknya? Perbezaan ini sudah pasti dalam bentuk ciptaan manusia. Manusia berbeza dalam bentuk ciptaan dari sudut rupa paras, bentuk, ketinggian dan kesempurnaan serta kekurangan mereka.

Manakala pendapat kedua mengatakan (مخلقة) itu adalah seorang anak damit yang dilahirkan hidup dan (وغير مخلقة) pula adalah janin yang keguguran. Pendapat ketiga pula mengatakan (مخلقة) yang

ada rupa bentuk dan (وغير مخلقة) yang tidak ada rupa dan ia adalah sisa daging yang tidak ada perancangan serta rupa bentuk. Ini bersandarkan dengan apa yang diriwayatkan oleh Anas bin Malik dari Nabi s.a.w. bersabda: "Sesungguhnya Allah s.w.t. menugaskan satu malaikat di dalam rahim. Malaikat itu berkata, 'Ya Rabb, sperma! Ya Rabb, segumpal darah!, Ya Rabb, segumpal daging! 'Maka apabila Allah berkehendak menetapkan ciptaan-Nya, Malaikat itu bertanya, 'Apakah laki-laki atau wanita, celaka atau bahagia, bagaimana dengan rezeki dan ajalnya? 'Maka ditetapkanlah ketentuan takdirnya selagi berada dalam perut ibunya." [HR al-Bukhari]

Pendapat yang terakhir, al-Qaffal berkata bahawa (التخليق) "*penciptaan*" diambil daripada perkataan (الخلق). Apa sahaja fasa yang mengikutinya dan penciptaan berterusan di atasnya selepas penciptaan, maka itulah yang dinamakan penciptaan kerana penciptaannya berterusan contohnya penciptaan pancaindera. Mereka berkata bahawa apa yang disempurnakan adalah penciptaan dan apa-apa yang belum selesai bukanlah penciptaan kerana fasa penciptaan tidak berlaku kepadanya.

Pendapat yang pertama lebih dekat maksudnya yang sebenar kerana Allah s.w.t. berfirman di awal ayat: *"Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu"* dan ini merujuk kepada manusia. Maka yang sempurna dan yang tidak sempurna kejadiannya hendaklah dinisbahkan kepada yang akan menjadi manusia. Yang demikian itu tidak termasuk kandungan yang keguguran kerana boleh jadi kandungan yang keguguran dan makhluk tidak sempurna termasuk dalam penciptaan. Jadi mengapakah tidak dinisbahkan itu sebagai keguguran? Ini bersandarkan dengan firman Allah s.w.t. pada ayat seterusnya yang berbunyi: *"Dan Kami menetapkan dalam rahim (ibu yang mengandung itu) apa yang Kami kehendaki."* Ini merupakan bukti bahawa apa yang tidak ditetapkan di dalam rahim adalah kehamilan yang mengalami keguguran. Maka ketahuilah bahawa itu tidak menghalang kesahihan apa yang disebutkan tentang embrio yang dicipta dan tidak dicipta, kerana setelah Dia menyempurnakan penciptaan sebahagian dan mengurangkan ciptaan yang lainnya, tidak semestinya Dia melengkapkannya kerana di dalam rahim ada yang Allah s.w.t. tetapkan dan ada juga yang tidak ditetapkan. Akan tetapi jika telah nampak unsur ciptaan manusia, dianggaplah juga sebagai kehamilan yang keguguran.

Ibnu Juzay (1996) mengambil pendekatan yang mudah dan ringkas dalam mendefinisikan ayat ini iaitu (مخلقة) bermaksud penciptaan yang sempurna ciptaannya dan (وغير مخلقة) bermaksud penciptaan yang tidak sempurna ciptaannya seperti kehamilan yang keguguran. Meskipun istilah "keguguran" di sini tidak diperincikan sebagaimana yang disebutkan oleh al-Razi (1999), tidaklah ada percanggahan dari segi pentafsiran antara keduanya. Ini merupakan salah satu contoh ikhtilaf yang pelbagai antara ahli tafsir yang telah disebut sebelum ini.

Maka jelas di sini dapat kita lihat bahawa adanya penciptaan yang sempurna dan tidak sempurna ini merupakan perancangan dan kebijaksanaan Allah s.w.t. terhadap penciptaan manusia.

Keagungan dan kekuasaan Allah s.w.t. adalah pada hemahNya dan kita tidak akan mampu mengecapi walau sedikitpun daripada ilmuNya.

Tambahan lagi, adapun daripada hasil kajian saintifik cacat lahir atau *birth defects* yang mana keadaan anak damit di dalam kandungan ibu mengalami masalah dalam pembentukan dan perkembangan organ tubuh terjadi disebabkan oleh beberapa faktor saintifik. Antaranya faktor genetik, perilaku gaya hidup, penggunaan ubat dan bahan kimia tertentu, jangkitan selama mengandung ataupun campuran dari berbagai faktor tersebut. Faktor genetik itu berlaku dari kedua ibu bapa yang memiliki risiko cacat lahir dan kemudian menularkan kelainan genetik kepada anak damit. Manakala faktor non-genetik pula agak susah untuk dikenalpasti tapi kebiasaannya berpunca dari gaya hidup yang kurang sihat seperti merokok, penggunaan ubat terlarang, meminum minuman keras sewaktu mengandung dan terdedah dengan bahan kimia yang beracun.[3]

Stillbirth ataupun lahir mati juga merupakan satu keadaan di mana anak damit itu tidak sempurna dilahirkan. *Stillbirth* membawa maksud bila anak damit tidak menunjukkan tanda-tanda kehidupan di dalam rahim. Ia berbeza dengan keguguran dari segi tempoh masa kerana *stillbirth* berlaku di akhir waktu kehamilan iaitu pada 20 hingga 37 minggu, manakala keguguran terjadi sebelum waktu kehamilan mencapai usia 20 minggu. Penyebab sebenar berlaku *stillbirth* masih tidak dikenalpasti akan tetapi beberapa faktor komplikasi kehamilan dapat menyebabkan perkara ini terjadi seperti preeklamsia yang mana terjadinya peningkatan tekanan darah tinggi dan kandungan protein yang tinggi di dalam urin, jangkitan sewaktu kehamilan, masalah pada tali pusat, terdapatnya risiko pembekuan darah, tempoh kehamilan yang terlalu lama dan juga masalah kesihatan yang tertentu yang dialami oleh ibu seperti lupus, diabetes, penyakit jantung dan penyakit tiroid.[4]

Fakta-fakta saintifik dibuktikan dengan ayat-ayat al-Qur'an seperti ini menyangkal dakwaan ketidakadilan Allah s.w.t. menjadikan manusia sebahagiannya dalam keadaan cacat dan kurang upaya.

Sumber: https://fuse.education.vic.gov.au/Resource/LandingPage?ObjectId=1ea04ad8-686c-41ac-87d7-278257b8acca&SearchScope=All

[3] Lihat: Cacat Lahir Pada Bayi *(Birth Defects)* *https://www.honestdocs.id/cacat-lahir-birth-defects*
[4] Lihat: Berbagai Faktor yang Menyebabkan Lahir Mati *(stillbirth)* https://www.ai-care.id/ibu-dan-anak/penyebab-lahir-mati-still-birth, dan lihat juga: *Stillbirth* *https://my.clevelandclinic.org/health/diseases/9685-stillbirth*

7. Penciptaan Manusia dalam Keadaan Dha'ifan

Sebelum ini telah diceritakan mengenai keadaan manusia yang diciptakan asalnya lemah kemudian menjadi kuat dan kemudian lemah kembali. Allah s.w.t. juga ada berfirman tentang keadaan manusia diciptakan bersifat lemah dalam perihal nafsu syahwat. FirmanNya:

يُرِيدُ ٱللَّهُ أَن يُخَفِّفَ عَنكُمْ ۚ وَخُلِقَ ٱلْإِنسَٰنُ ضَعِيفًا ﴿٢٨﴾

"Allah hendak meringankan (memudahkan hukum-hukum syara') kepada kamu, kerana manusia itu dijadikan bersifat lemah (tidak kuat menahan keinginan nafsu syahwat)."

(Surah al-Nisaa', 4: 28)

Sayyid Tantawi (1998) menjelaskan apa yang dimaksudkan dengan ayat ini adalah Allah s.w.t. menghendaki untuk meringankan apa yang disyari'atkan atau apa yang ditetapkan dari hukum-hukumNya serta apa yang dipertanggungjawabkan kepada hambaNya mengikut kekuatan dan kemampuan mereka agar bertambah ketaatan, permohonan dan syukur seorang hamba itu. Beliau juga mengatakan manusia itu diciptakan bersifat lemah kerana mereka tidak sabar dalam menghadapi kesusahan pada jalan ketaatan. Maka dengan rahmat Allah s.w.t. diringankanlah tanggungjawab ini. Keringanan dan kemudahan ini merupakan kecemerlangan syari'at Islam dan al-Qur'an telah menerangkan dalam kebanyakan ayat seperti dalam surah al-Baqarah ayat 185, surah al-Hajj ayat 78 dan surah al-'Araaf ayat 157. Nabi s.a.w. juga bersabda di dalam sebuah hadith daripada Abu Hurairah r.a.: "Sesungguhnya agama Islam itu mudah. Barangsiapa yang menjadikan agama itu keras maka agama itu akan mengalahkannya." [HR al-Bukhari & al-Nasa'i].

Ibnu Juzay (1996) berpendapat ayat ini menyentuh mengenai keringanan dalam perihal mengahwini perempuan. Ibnu 'Aashur (2000) juga mengatakan pendapat yang sama kerana berdasarkan dengan hukum-hukum yang dibahaskan sebelumnya adalah mengenai memurahkan perkahwinan. Kemudian Ibnu Juzay (1996) juga mengatakan bahawa maksudnya adalah umum kepada semua perkara yang diringankan oleh Allah s.w.t. bagi hambaNya dan menjadikan agama Islam itu mudah. Beliau juga menerangkan bahawa manusia itu diciptakan bersifat lemah kerana tidak dapat menahan godaan wanita berdasarkan konteks ayat namun lafaznya adalah lebih umum.

Dapat dilihat di sini selain daripada mempunyai fizikal yang diciptakan dalam keadaan yang lemah seperti yang dijelaskan sebelum ini, secara mental dan nurani manusia itu juga diciptakan bersifat lemah dengan godaan dan harus sentiasa memperbaharui keimanan dengan ibadah dan kebaikan.

Penyusuan Susu Ibu

Perbahasan mengenai penyusuan susu ibu ini merupakan satu topik sampingan namun perlu disentuh kerana berkait rapat dengan keadaan atau keperluan anak damit selepas dilahirkan.

Terdapat di dalam permasalahan ini manfaat ilmiah yang perlu dititik beratkan lebih-lebih lagi dalam perkembangan anak damit.

Allah s.w.t. berfirman:

وَٱلْوَٰلِدَٰتُ يُرْضِعْنَ أَوْلَٰدَهُنَّ حَوْلَيْنِ كَامِلَيْنِ ۖ لِمَنْ أَرَادَ أَن يُتِمَّ ٱلرَّضَاعَةَ ۚ وَعَلَى
ٱلْمَوْلُودِ لَهُۥ رِزْقُهُنَّ وَكِسْوَتُهُنَّ بِٱلْمَعْرُوفِ ۚ لَا تُكَلَّفُ نَفْسٌ إِلَّا وُسْعَهَا ۚ لَا تُضَآرَّ وَٰلِدَةٌۢ
بِوَلَدِهَا وَلَا مَوْلُودٌ لَّهُۥ بِوَلَدِهِۦ ۚ وَعَلَى ٱلْوَارِثِ مِثْلُ ذَٰلِكَ ۗ فَإِنْ أَرَادَا فِصَالًا عَن تَرَاضٍ
مِّنْهُمَا وَتَشَاوُرٍ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِمَا ۗ وَإِنْ أَرَدتُّمْ أَن تَسْتَرْضِعُوٓا۟ أَوْلَٰدَكُمْ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ
إِذَا سَلَّمْتُم مَّآ ءَاتَيْتُم بِٱلْمَعْرُوفِ ۗ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ وَٱعْلَمُوٓا۟ أَنَّ ٱللَّهَ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿٢٣٣﴾

"Dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak-anak mereka selama dua tahun genap bagi sesiapa yang hendak menyempurnakan penyusuan itu. Dan kewajipan bapa menanggung nafkah makan minum dan pakaian mereka dengan cara yang patut. Seseorang tidak dibebani (dengan kewajipan) melainkan apa yang terdaya olehnya. Janganlah menjadikan seorang ibu itu menderita kerana anaknya dan jangan pula seorang bapa itu menderita kerana anaknya. Dan ahli waris juga menanggung kewajipan tersebut (memberi makan dan pakai sekiranya si bapa tiada). Maka sekiranya suami isteri mahu menghentikan penyusuan (sebelum dua tahun) dengan persetujuan dan perundingan antara keduanya maka tidaklah menjadi dosa atas keduanya. Dan sekiranya kamu mahu supaya anak kamu menyusu (kepada perempuan lain) maka tidak ada dosa atas kamu memberikan bayaran (upah) yang kamu ingin berikan itu dengan cara yang patut. Dan bertaqwalah kepada Allah serta ketahuilah sesungguhnya Allah Maha Melihat apa yang kamu kerjakan."

(Surah al-Baqarah, 2: 233)

Secara ringkasnya ayat ini menceritakan tentang perihal penyusuan anak damit berkaitan dengan hukum, kadar masa, penyapihan dan tanggungjawab bapa yang disebutkan di dalam penjelasan mengenai perceraian.

Menurut al-Sya'rawi (1997) tafsiran ayat *"Dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak-anak mereka selama dua tahun genap"* tidaklah keluar dalam bentuk perintah seperti: "Wahai para ibu susuilah anak-anak kamu", akan tetapi ia datang dalam bentuk informasi ataupun pemberitahuan. Ini kerana perintah dapat dipatuhi atau dilanggar, manakala informasi merupakan sesuatu yang biasa dilakukan tanpa perlu dilanggar dan diperdebatkan. Seorang bapa juga bertanggungjawab menanggung nafkah untuk ibu dan anaknya serta tidak pula dibebani melainkan dengan kadar kemampuannya sahaja. Hal ini ditegaskan di dalam ayat selepasnya yang membawa maksud:

"*Janganlah menjadikan seorang ibu itu menderita kerana anaknya dan jangan pula seorang bapa itu menderita kerana anaknya.*"

Ayat ini turut menyentuh akan tanggungjawab ahli waris dalam menanggung kewajipan tersebut sekiranya si bapa telah tiada. Allah s.w.t. dalam masa yang sama menjamin hak anak damit untuk menyusu saat bapanya masih hidup dan ketika dia telah tiada. Selain itu, bila sampai masa kedua ibu bapa ingin menyapih sebelum sampai kadar masa dua tahun atas sebab-sebab tertentu dengan perundingan dan persetujuan, hal ini adalah dibolehkan dan tidak berdosa kepada mereka. Walhal dibolehkan untuk mencari ibu susu yang lain dan memberinya upah yang setimpal kerana ibu susu ini membutuhkan dana untuk menyusui anak dan menjaganya dengan penuh amanat dan rasa tanggungjawab.

Di sini dapat kita lihat kasih sayang Allah s.w.t. dalam menjaga hak anak damit yang baru lahir. Ibunya bertanggungjawab untuk menyusuinya, bapanya perlu menanggung nafkahnya, ahli waris bapanya ketika dia tiada juga bertanggungjawab ke atasnya dan disarankan untuk mencari ibu susu jika mereka ingin anaknya disusukan oleh orang lain atas sebab-sebab yang tertentu (al-Sya'rawi (terj.), 2006).

Al-Maraghi (1998) mengatakan penyusuan susu ibu ini diwajibkan ke atas ibu kerana air susunya merupakan air susu yang terbaik menurut pendapat para doktor. Seorang anak sebenarnya terbentuk daripada darah ibunya ketika dalam kandungannya, lalu ketika dia dilahirkan, darah tersebut berubah menjadi susu sebagai bahan makanan untuknya selepas berpisah daripada rahim ibunya. Susu ibu merupakan makanan yang sesuai untuk anak damit yang sepadan dengan usianya. Jika dia terpaksa disusui oleh perempuan lain, wajib diteliti dahulu kesihatan dan akhlak perempuan tersebut kerana susunya akan memberi kesan kepada tubuh anak, akhlak dan sopan santunnya. Dalam konteks ini, sememangnya telah dibuktikan pengaruh reaksi kejiwaan dan fikiran pada anak yang disusui itu jauh lebih besar daripada pengaruh tubuh (fizikal) dari perempuan yang menyusui anak itu. Bahkan pertuturan ibu yang menyusui berpengaruh kepada pertuturan anak yang disusui. Jika begitu, bagaimana pula dengan pengaruh akal, perasaan dan pembawaan jiwanya? Setentunya akan sama memberi kesan (al-Maraghi (terj.), 2001).

Di samping itu, antara hikmah membataskan tempoh penyusuan adalah untuk memberi perhatian terhadap kepentingan anak. Ini disebabkan susu itu yang paling sesuai menurut tahap umur tersebut, selain kerana dia sangat memerlukan kasih sayang dan perhatian yang penuh. Namun terdapat pengecualian mengenai pembatasan waktu ini, ia terjadi jika ibu bapa melihat adanya kemaslahatan sekiranya kadar masa penyusuan dikurangkan. Ini disebabkan mereka ini yang mememerhatikan kesihatan anaknya. Memang ada anak-anak yang tidak memerlukan susu, tetapi cukup dengan memakan makanan halus yang lainnya sebelum mencapai tahap usia dua tahun.

Fakta ini turut ditemui oleh kajian santifik moden. Para saintis menemui manfaat yang banyak dalam penyusuan susu ibu terhadap anak damit. Di dalam tubuh setiap ibu, susu dihasilkan berdasarkan dengan keperluan anaknya sendiri, dan susu ini memberikan khasiat dengan cara yang tidak dapat diberikan oleh makanan tambahan lain.

Adapun penggunaan bahan makanan lain selain daripada susu ibu tidak memenuhi keperluan bayi sepenuhnya kerana tiada bahan makanan lain yang mempunyai antibodi-antibodi yang diperlukan untuk sistem imun anak damit. Contohnya adalah susu lembu. Di dalam susu lembu terdapat jumlah kasein yang lebih tinggi daripada susu ibu. Kasein ialah satu protein yang terdapat di dalam susu beku (masam). Bahan ini berpecah kepada kepingan-kepingan yang besar di dalam perut yang menyebabkan masalah penghadaman. Oleh itu, susu lembu itu lebih sukar untuk dihadam berbandingkan susu ibu yang memiliki sedikit sahaja daripada bahan ini.

Selain itu, salah satu ciri susu ibu yang paling penting ialah ia melindungi anak damit daripada jangkitan. Sel-sel pelindung (antibodi) yang berpindah daripada susu ibu kepada anaknya menyebabkan dia boleh melawan bakteria yang tidak pernah dilihatnya sebelum ini. Perlindungan yang diberikan oleh susu ibu daripada jangkitan yang ringan sehingga yang serius adalah sangat penting untuk beberapa bulan pertama dan manfaatnya bertambah bergantung kepada jangka masa penyusuan. Para saintis telah menemui manfaat susu ibu sangat berfaedah sehingga anak damit berumur dua tahun. Kajian menunjukkan bahawa antibodi, hormon, vitamin dan mineral di dalam susu ibu telah ditentukan oleh keperluan anak damit di dalam kandungan ibu. (Harun Yahya, (terj.), 2006)

Bab 3
KEJADIAN ANGGOTA DAN PANCAINDERA MANUSIA

Pendahuluan

Allah s.w.t. mencipta semua manusia dengan sempurna semua bahagian badannya, seperti kepala, tangan, kaki, rambut dan sebagainya. Tambahan pula, organ dalaman seperti jantung, hati, usus perut, ginjal dan lain-lain melakukan pelbagai perkara. Selain itu, terdapat bahagian rohaninya yang Allah s.w.t. gabungkan roh, yang merupakan asas kehidupan manusia. Allah s.w.t. telah mencipta manusia dengan sempurna.

Terdapat banyak mukjizat yang menunjukkan kebesaran Allah di dalam kehidupan seharian diri kita. Tubuh kita termasuk di antaranya. Oleh itu, perbincangan tentang kejadian manusia dari sudut pandangan al-Qur'an dan fakta saintifik tertumpu kepada unsur fizikal seperti yang berikut:

Akal Manusia

Akal adalah anugerah terbesar dan paling berharga yang diberikan oleh Allah s.w.t. kepada manusia. Akal manusia mempunyai keupayaan untuk mengenal Allah dengan cara menggambarkan ciptaannya. Mereka juga boleh mendapat arahan untuk mengenal pasti sifat-sifatnya melalui amanah dan hikmah yang Dia berikan kepada mereka. Menjadi jelas bahawa semua itu ada yang mencipta, mengatur dan membentuknya apabila manusia memikirkan dan merenungkan segala sesuatu yang berkaitan dengan penciptaannya.

Dengan peningkatan pengetahuan akal, daya jangkau dan kekuatannya untuk mengerakkan bahagian badan yang lain turut meningkat. Kajian menunjukkan bahawa manusia memerlukan dan menggunakan 120 juta sel setiap saat. Di dalam otak manusia terdapat 14 billion sel penutup (*covering cells*) dan 144 billion sel inti (*core cells*) yang fungsinya masih tidak diketahui (Rothwell, 1982).

Walau bagaimanapun, akal manusia sangat terhad dan mereka boleh membuat kesilapan dalam pemikiran mereka. Ini kerana terdapat situasi tertentu yang menghalang manusia daripada berfikir dengan betul dan memerlukan seseorang yang boleh membantu, memimpin, dan mengajarnya. Oleh itu, Allah s.w.t. mengutus para nabi dan rasul serta kitab suciNya untuk membimbing dan memandu manusia ke jalan yang benar.



Akal memainkan peranan penting dalam mengendalikan tindakan dan keputusan yang diambil oleh seluruh badan atau jasad manusia. Dalam membuat keputusan dan bertindak, adalah penting untuk menggunakan akal yang sihat dan pertimbangan yang matang. Seseorang boleh mengendalikan diri mereka dengan bijak dan mengambil tindakan yang betul untuk mencapai matlamat atau mengelakkan kesalahan. Allah s.w.t. berfirman:

﴿قُل لَّوۡ شَآءَ ٱللَّهُ مَا تَلَوۡتُهُۥ عَلَيۡكُمۡ وَلَآ أَدۡرَىٰكُم بِهِۦۖ فَقَدۡ لَبِثۡتُ فِيكُمۡ عُمُرٗا مِّن قَبۡلِهِۦٓۚ أَفَلَا تَعۡقِلُونَ ١٦﴾

"*Katakanlah: "Kalau Allah menghendaki nescaya aku tidak membacakannya kepada kamu dan Allah tidak (pula) memberitahukannya kepada kamu. Sesungguhnya aku telah tinggal bersama kamu beberapa lama sebelumnya maka tidakkah kamu mahu menggunakan akal untuk berfikir?*"
(Surah Yunos Ayat 16)

Menurut al-Sya'rawi (1997) fungsi akal diambil dari mana kata "akal" itu diambil. Akal diambil dari kata عَقَّال البَعِير iaitu tali yang mengikat kedua kaki unta hingga ia tidak bangkit berdiri, sehingga kita boleh mengawal gerakan dan tenaganya apabila ia berjalan tanpa arah dan tujuan, maka kita ikat kedua kakinya agar ia dapat tenang dan berehat.

Jadi, akal datang untuk mengatur segala potensi, kerana segala potensi memiliki kecenderungan kepada sesuatu. Mata memiliki kemampuan untuk melihat segala sesuatu, lalu akal berkata kepadanya: "Tidak perlu kamu menyaksikan hal tersebut, kerana pemandangannya akan menyakitkanmu". Telinga suka untuk mendengar segala perkataan, lalu akal berkata kepadanya: "Jangan dengar, kerana itu dapat membahayakanmu".

Sehubungan dengan itu, akal mengawal seluruh jasad. Begitu juga kata hikmah diambil dari kata (الحَكَمة), ia merupakan tali kekang yang diletakkan di mulut kuda agar dia tidak menjadi liar, hingga gerakannya tertahan dan dia tidak berjalan kecuali ke arah yang kamu inginkan. Allah berkehendak agar manusia mampu membezakan segala sesuatu baik atau buruknya dengan akal dan hikmah, agar mampu menyeimbangkan segala potensi jiwa.

Ibnu ‘Aashuur (2000) menyatakan bahawa lafaz “تَعْقِلُونَ” dipilih kerana akal adalah tahap pertama persepsi. Walau bagaimanapun, objek kepada perkataan “تَعْقِلُونَ” sama ada ia dibuang kerana telah difahami dari makna ucapan sebelumnya. Oleh itu, ini bermaksud *tidakkah kamu mahu menggunakan akal untuk berfikir* bahawa sesungguhnya gabungan keadaan buta huruf dan diutus dengan kitab yang indah kesusasteraan dan maknanya ini adalah keadaan siapa yang Allah anugerahkan risalahNya ke atasnya. Keadaan seperti itu biasanya tidak berlaku kepada sesiapa pun, dan tidak ada yang pernah berada dalam keadaan seperti itu melainkan setelah belajar daripada ulama, menela‘ah kitab-kitab terdahulu, berdebat dengan ulama, dan berdialog dengan ahli sastera daripada kalangan penyair dan pemidato dalam tempoh masa yang lama. Atau pun menempatkan perkataan “تَعْقِلُونَ” pada tempat kata kerja tak transitif yang tidak memerlukan objek. Maka ia membawa maksud adakah kamu tidak berfikiran logik atau waras; bermaksud maka ketahuilah bahawa keadaan seperti itu tidak lain adalah daripada wahyu Allah s.w.t.

Oleh itu, menurut al-Maraghi (1998) tidak munasabah untuk berfikir tentang orang yang telah hidup dalam kalangan kamu selama empat puluh tahun tanpa membaca sebuah kitab, tidak pernah menerima sebarang ilmu daripada sesiapa, dan tidak pernah menganut agama. Selain itu, Baginda tidak mempelajari apa-apa tentang teori kesusasteraan atau komunikasi, sama ada dalam puisi, prosa, pidato, atau sebagai cara untuk membanggakan pengetahuannya.

Selain itu, menurut al-Razi (1999) orang-orang kafir ini telah melihat Rasulullah s.a.w. sejak masa awal hidupnya hingga saat itu. Mereka mengetahui situasinya dan bahwa dia tidak pernah membaca buku atau belajar dari guru. Selepas empat puluh tahun, dia akhirnya membawa buku Yang Agung ini kepada mereka, ini mengandungi maklumat yang sangat penting. Walaupun para ulama yang paling hebat, mereka tidak dapat menentangnya jika mereka tahu tentang ilmu fiqh, hukum-hukum, akhlak, dan sejarah orang-orang yang terdahulu. Selain itu, semua orang yang berfikiran sihat, termasuk ahli balaghah, sedar bahawa hal seperti ini hanya boleh berlaku melalui ilham dan wahyu Allah s.w.t. Dikatakan bahawa Al-Qur’an bukanlah wahyu yang datang daripada perselisihan pendapat saya atau ciptaan saya; jika Allah menghendaki, saya tidak akan

membacakannya kepadamu dan tidak akan memberitahu kamu hukumnya. Sebagai petunjuk kepada bukti yang telah kami tunjukkan, katakan: Saya telah hidup di antara kamu seumur hidup sebelum itu. Dikatakan: “Tidakkah kamu faham bahawa buku yang begitu baik tidak boleh datang dari tangan seseorang yang tidak belajar, tidak menjadi pelajar, tidak membaca buku, dan tidak terlibat dalam perdebatan?”. Dia sedar bahawa ia hanya boleh dicapai melalui jalan wahyu, dan tidak mempunyai pengetahuan yang diperlukan membahayakan kesihatan mental.

Allah memberikan akal kepada mereka yang mempunyai keupayaan untuk membezakan antara perkara yang baik dan buruk dalam urusan dunia mereka. Akal tidak dimiliki oleh orang gila atau orang yang tidak mampu membezakan kebenaran daripada kebatilan. Firman Allah s.w.t.:

إِنَّ شَرَّ ٱلدَّوَآبِّ عِندَ ٱللَّهِ ٱلصُّمُّ ٱلۡبُكۡمُ ٱلَّذِينَ لَا يَعۡقِلُونَ ٢٢

“*Sesungguhnya sejahat-jahat makhluk yang melata di sisi Allah ialah yang tuli lagi bisu, iaitu yang tidak mahu menggunakan akal fikiran*”.

(Surah Al-Anfal Ayat 22)

Terdapat kajian menunjukkan bahawa asal manusia adalah kera dan terdapat banyak persamaan di antara kedua-duanya. Teori ini nyata salah seperti yang diungkapkan oleh al-Sya‘rawi (1997) berkenaan dengan ayat ini. Menurut beliau kajian tersebut berpendapat bahawa kera adalah asal manusia. Maka semua makhluk mempunyai tingkatan yang saling berkaitan. Tingkatan pertama dan seterusnya berkaitan antara satu sama lain. Teori bahawa setiap tingkat evolusi makhluk berhenti pada batasan tertentu merosakkan teori Darwin. Allah berfirman maksudnya: “*Dan tiap-tiap sesuatu itu Kami ciptakan berpasangan*” (Surah al-Dzaariyaat,51: 49) bermakna bahawa Allah mencipta semua makhluk, dan tidak ada satu jenis yang berasal dari jenis lain.

Kita menunjukkan bukti logik ini kepada mereka yang tidak beragama: mengapa manusia tidak mempunyai pengaruh alam semula jadi daripada kera pertama. Atas sebab apakah jenis sisa kera lain tidak boleh menjadi manusia? Ini menghancurkan teori Darwin.

Oleh yang demikian, Allah memberitakan bahawa seluruh makhluk yang berada di bawah manusia tidak memiliki pendahuluan hingga dapat menuai hasil. Dia tidak memiliki alternatif dalam pilihan. Binatang sebagai makhluk yang tertinggi tidak memiliki pilihan kerana ia tidak memiliki akal pikiran.

Sebaliknya manusia memiliki kemampuan untuk melakukan pilihan. Sebagai contoh bila kita mengganggu kucing, nescaya ia menyerang dan melukaimu. Manusia yang berakal bila disakiti akan bertindak dengan berbagai tindakan yang berbeza, ada yang membalas setimpal, ada yang memaafkan dan ada pula yang menahan marah. Allah berfirman maksudnya: "*Dan orang-orang yang menahan kemarahannya serta memaafkan (kesalahan) orang. Dan Allah mengasihi orang-orang yang berbuat kebaikan*" (Surah Aali 'Imraan, 3: 134). Ini membuktikan bahawa setiap makhluk (selain manusia) berlaku hukum tersendiri untuk dilaluinya sesuai kehendak Allah.

Orang akan bertanya: "Bagaimana Allah berfirman dalam ayat tersebut yang maksudnya "*Sesungguhnya sejahat-jahat makhluk yang melata di sisi Allah…*", sedangkan seluruh binatang bersifat terpaksa? Jawapannya bila manusia melaksanakan tugas makhluk yang tingkatannya lebih rendah daripadanya, maka dia lebih hina daripada makhluk itu. Ini kerana binatang bekerja sesuai dengan nalurinya, bukan akal fikiran. Mereka tidak dapat memilih alternatif lain. Maka apabila manusia menghentikan akal fikiran saat bekerja, dan apabila dia menolak untuk mendengar wahyu, bukankah hal itu lebih buruk daripada binatang? Ketika mendengar "baik dan buruk" kita teringat akan firman Allah s.w.t. yang bermaksud: "*Maka sesiapa yang mengerjakan kebaikan sekalipun seberat zarrah, nescaya dia akan melihat (ganjaran)nya. Dan sesiapa mengerjakan kejahatan sekalipun seberat zarrah, nescaya dia akan melihat (balasan)nya*" (Surah al-Zalzalah, 99: 7-8). Ketika baik lawannya buruk, maka manusia akan memilih yang baik kerana ia bermanfaat, dan meninggalkan yang buruk kerana ia berbahaya. Akan tetapi kata baik antonimnya tidak selalu buruk, melainkan di sana ada dua kebaikan; satu sangat baik sekali dan yang lain baik saja (al-Sya'rawi, (terj.), 2006).

Menurut Sayyid Tantawi (1998) seburuk buruk yang merayap di muka bumi ini di sisi Allah dalam ketetapanNya ialah mereka yang pekak untuk mendengar kebenaran dan yang bisu untuk mendengarnya. Mereka juga adalah orang yang tidak berakal, yang tidak dapat membezakan antara kebenaran dan kebatilan. Allah s.w.t. menggambarkan mereka dengan cara ini walaupun

mereka mendengar dan berbicara kerana mereka tidak memanfaatkan fungsi pancaindera mereka. Malah mereka menggunakannya untuk tujuan yang merugikan dan berbahaya. Maka kewujudan pancaindera tersebut pada mereka sama seperti tiada.

Hal ini juga seperti dinyatakan oleh al-Maraghi (1998) bahawa orang yang dianggap paling buruk adalah mereka yang tidak mahu menggunakan akal, mulut, dan telinga mereka dengan betul. Seolah-olah mereka kehilangan deria dan potensi mereka, menjadikan mereka seperti makhluk yang tidak sempurna kerana tidak mempunyai deria. Selain itu, mereka mungkin dijangkiti penyakit sehingga kemungkinan untuk menggunakannya berkurangan. Oleh itu, pancaindera itu dicipta untuk mereka gunakan, tetapi mereka sendiri yang merosakkannya kerana tidak menggunakannya dengan betul.

Walau bagaimanapun, untuk memperoleh banyak pelajaran, menambah pengetahuan dan meningkatkan keutamaannya, seorang hamba perlu merenung, berfikir dan mengingat-ingat. Orang yang tidak banyak belajar pasti kurang pengetahuan. Orang yang tidak mempunyai banyak ilmu tidak bermakna mereka bodoh, mereka mempunyai banyak kekurangannya, dan mereka tidak dapat menikmati kebaikan dan hikmah. Allah s.w.t. menekankan betapa pentingnya akal dalam menuntut ilmu melalui firmanNya:

فَخَلَفَ مِنۢ بَعۡدِهِمۡ خَلۡفٞ وَرِثُواْ ٱلۡكِتَٰبَ يَأۡخُذُونَ عَرَضَ هَٰذَا ٱلۡأَدۡنَىٰ وَيَقُولُونَ سَيُغۡفَرُ لَنَا وَإِن يَأۡتِهِمۡ عَرَضٞ مِّثۡلُهُۥ يَأۡخُذُوهُۚ أَلَمۡ يُؤۡخَذۡ عَلَيۡهِم مِّيثَٰقُ ٱلۡكِتَٰبِ أَن لَّا يَقُولُواْ عَلَى ٱللَّهِ إِلَّا ٱلۡحَقَّ وَدَرَسُواْ مَا فِيهِۗ وَٱلدَّارُ ٱلۡأٓخِرَةُ خَيۡرٞ لِّلَّذِينَ يَتَّقُونَۚ أَفَلَا تَعۡقِلُونَ ١٦٩

"*Maka mereka kemudiannya digantikan oleh generasi (yang jahat) yang mewarisi Kitab (Taurat). Mereka mengambil harta benda dunia yang rendah nilainya ini sambil berkata: "Nanti kami akan diampuni." Padahal jika datang kepada mereka harta benda dunia seperti itu pasti mereka akan mengambilnya juga. Bukankah perjanjian setia telah diambil daripada mereka di dalam Kitab (Taurat) bahawa mereka tidak boleh memperkatakan terhadap Allah melainkan yang benar sahaja? Mereka pula telah mempelajari apa yang terkandung di dalamnya? Dan (mereka mengetahui bahawa) negeri Akhirat itu lebih baik bagi orang-orang yang bertaqwa. Tidakkah kamu mahu menggunakan akal (untuk berfikir)?*"

(Surah al-A'raaf, 7: 169)

Sehubungan dengan ayat ini, al-Sya‘rawi (1997) menyatakan bahawa perkataan “دَرَسَ” merujuk kepada tahap ilmu yang lebih dalam. Seperti frasa “فلان درس الفقه” bermaksud berterusan untuk memastikan pengetahuan fiqh meresap ke dalam otaknya. Tidak seperti membaca buku sekali. Sementara “تَعَلَّمَ” atau menuntut ilmu bermaksud memperoleh pengetahuan dan “دَرَّسَ” atau orang yang mendalami ilmu dan menggunakannya, menjadikan ilmu itu satu kemahiran. Di sini, dia telah menguasai pengetahuan sehingga ia meresap ke dalam dirinya.

Resapan ilmu itu, apabila ia berkaitan dengan perkara abstrak, ia adalah serupa dengan kemahiran dalam materi yang juga memerlukan latihan berulang. Orang yang mahir dalam menganyam benang menjadi kain tidak boleh mencapai tahap itu tanpa belajar dan berlatih secara terus menerus.

Maka mereka memahami apa yang terkandung di dalamnya walaupun mereka telah mengetahuinya. Mereka telah mempelajarinya dengan teliti sehingga mereka benar-benar memahami apa yang ada di dalamnya. Oleh itu, Bani Israel melakukan kemaksiatan bukan kerana mereka lupa perjanjian. Akan tetapi itulah sebabnya, walaupun mereka mempelajari kitab Taurat dengan teliti, mereka mengambil harta benda yang lebih rendah di dunia.

Oleh itu, ia perlu mengimbangi kehidupan di dunia ini dengan kehidupan di akhirat dan yang lebih baik bagi mereka yang bertakwa adalah akhirat, apakah yang kamu tidak faham? “وَلَلدَّارُ الآخِرَةُ خَيْرٌ للذينَ يَتَّقُونَ أَفَلا تَعْقِلُونَ” (Surah al-An‘aam, 6: 32). Ini adalah peringatan bahawa sebelum melakukan sesuatu pekerjaan, penting untuk melihat kesan positif dan negatifnya, dan kemudian meninggalkannya, walaupun dia mendapat banyak tetapi memberi kesan negatif. Ketahuilah kesan perbuatan baik dan buruk dengan akal fikiran. Kamu akan mendapati bahawa melakukan sesuatu yang baik adalah lebih berfaedah apabila kamu mempertimbangkannya secara logik.

Selain itu, dalam Islam, “tadabbur alam” ialah idea yang mengacu kepada pertimbangan dan pemerhatian mendalam tentang alam semesta sebagai bukti dan tanda kebesaran Allah s.w.t. Seperti yang dinyatakan dalam al-Qur’an bahawa akal atau keupayaan untuk berfikir secara rasional adalah penting untuk proses tadabbur alam sepertimana Allah s.w.t. berfirman:

وَهُوَ ٱلَّذِي يُحۡيِۦ وَيُمِيتُ وَلَهُ ٱخۡتِلَٰفُ ٱلَّيۡلِ وَٱلنَّهَارِۚ أَفَلَا تَعۡقِلُونَ ٨٠

“*Dan Dialah yang menghidupkan dan mematikan dan Dialah yang (berkuasa) menentukan pertukaran malam dan siang. Maka tidakkah kamu mahu menggunakan akal (untuk berfikir)?*”
(Surah al-Mu’minun, 23: 80)

Al-Maraghi (1998) menyatakan bahawa adakah kamu tidak pernah berfikir tentang cara semua ini dibuat supaya kamu tahu bahawa ini dicipta oleh Allah s.w.t Yang Maha Mengetahui dan Maha Kuasa atas segala-galanya? Setiap sesuatu yang Dia cipta tunduk kepadaNya dan berada di bawah kekuasaanNya menunjukkan bahawa Dia Maha Esa. Menurut al-Sya‘rawi (1997) ayat tersebut merupakan teguran agar menggunakan akal dalam mengkaji alam kerana hal itu akan menghantarkan kita kepada Allah s.w.t.. Tapi sayang, ramai orang menggunakan akalnya untuk menyusun rencana sebuah kejahatan. Tapi tetap saja ada celah dan jejak yang ditinggalkannya sebagai bukti kejahatannya.

Allah s.w.t. berfirman:

قُلِ ٱنظُرُواْ مَاذَا فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِۚ وَمَا تُغۡنِي ٱلۡأٓيَٰتُ وَٱلنُّذُرُ عَن قَوۡمٖ لَّا يُؤۡمِنُونَ ١٠١

"*Katakanlah (wahai Nabi Muhammad kepada orang-orang kafir itu): "Perhatikanlah apa yang ada di langit dan di bumi (yang membuktikan keesaan dan kekuasaan Allah)." Dan tidaklah bermanfa'at segala tanda (keesaan dan kebesaran Allah) dan rasul-rasul yang memberi peringatan kepada kaum yang tidak beriman*".

(Surah Yunus, 10:101)

Ayat ini menguatkan lagi peranan akal dalam memerhatikan keajaiban yang diciptakan Allah s.w.t. di muka bumi ini sebagaimana yang disebutkan oleh al-Sya‘rawi (1997). Menurut beliau, manusia juga memerhatikan bila matahari dan bulan terbit dan terbenam, bila terjadi gerhana penuh atau sebahagian, manusia akan menemukan aturan yang sangat terperinci Yang Maha Pencipta. Bintang bergerak pada tempatnya tanpa bertemu antara satu sama lain sehingga boleh merosakkan peranan dan fungsi bulan dan bumi. Bintang tidak akan berhenti kerana kehabisan bahan bakarnya. Tidak mungkin juga bagi matahari bertembung dengan bulan. Malam pun tidak dapat mendahului siang, masing-masing beredar pada garis edarnya sebagaimana disebutkan dalam surah Yaasiin ayat 40. Dalam kehidupan ini pula, kita melihat ketelitian suatu ciptaan Allah yang kadarnya lebih kecil daripada langit, matahari atau pun bulan. Dengan itu, wajar bagi kita memuliakan Allah Yang Maha Pencipta. Manusia menghargai kepentingan mesin telegraf dan telefon, maka bagaimana dengan Allah Pencipta alam ini?!

Selain daripada peranan akal dalam tadabbur alam, daya ingatan juga memiliki kepentingan dalam kehidupan manusia. Ini kerana ingatan kita terhadap apa yang telah kita pelajari, pelbagai maklumat, dan pengalaman masa lalu akan membantu kita menangani cabaran baru yang akan kita hadapi di masa hadapan. Memori juga membantu kita mengumpul data dan memahami realiti baharu. Ini adalah kemajuan besar dalam sains dan kebudayaan manusia. Daya ingatan juga sangat penting dari aspek agama dalam kehidupan manusia, baik dari segi ilmiah mahu pun praktikal.

Memori atau daya ingatan tidak dapat dinafikan mempunyai peranan yang besar dan penting dalam kehidupan kita. Ini adalah kesimpulan yang dibuat oleh para ulama dari firman Allah s.w.t.:

﴿وَلَوۡ نَشَآءُ لَمَسَخۡنَٰهُمۡ عَلَىٰ مَكَانَتِهِمۡ فَمَا ٱسۡتَطَٰعُواْ مُضِيّٗا وَلَا يَرۡجِعُونَ ٦٧﴾

"*Dan kalaulah Kami menghendaki, Kami berkuasa mengubah bentuk kejadian mereka di tempat mereka berada sehingga mereka tidak dapat mara ke hadapan dan juga tidak dapat undur ke belakang*".

(Surah Yaasiin, 36: 67)

Di dalam ayat ini, Allah s.w.t. menjelaskan bagaimana keadaan dan rupa manusia berubah mengikut kehendakNya. Dalam pada itu juga terdapat kaitan dengan ingatan manusia seperti yang dinyatakan oleh beberapa ahli tafsir. Antaranya Sayyid Tantawi (1998) menyatakan bahawa "perubahan" atau "pengalihan" adalah proses mengubah kewujudan makhluk dan menggantikannya dari satu keadaan ke keadaan yang lain, serta dari satu bentuk ke bentuk yang lain. Dalam kata lain, dengan kekuasaan Allah s.w.t. Dia dapat mengubah penampilan manusia kepada penampilan lain yang mungkin jauh lebih buruk, seperti mengubah mereka menjadi kera atau binatang, tetapi mereka masih tetap berada pada tempat mereka saat itu, dan mereka tidak dapat pergi ke tujuan mereka disebabkan perubahan tersebut. Mereka juga tidak dapat kembali ke bentuk asal.

Ini mengacu kepada konsep bahwa Allah s.w.t. dengan kekuasaanNya memiliki kemampuan untuk mengubah makhlukNya sesuai dengan kehendakNya. Dalam konteks ayat ini, jika Allah menghendaki, Dia dapat mengubah penampilan atau keadaan makhluk manusia tanpa perlu memindahkan mereka dari tempat tinggal mereka saat itu. Ini adalah salah satu contoh dari kekuasaan Allah s.w.t. dalam menciptakan dan mengubah makhluk sesuai dengan kehendakNya.

Sebuah artikel ilmiah mengenai ingatan menyebutkan bahawa jika seseorang hidup selama enam puluh tahun, mereka akan menyimpan lebih daripada enam puluh billion gambar dalam ingatan mereka. Terdapat ribuan buku yang diperlukan untuk menyalin dan menulis semua maklumat ini. Buku-buku ini menyimpan semua maklumat yang kita tidak ketahui sehingga kini di dalam otak kita. Oleh itu, beberapa teori baru berpendapat bahawa ingatan tidak terletak di otak kerana ia berkaitan dengan dunia kejiwaan.

Sebahagian daripada maklumat yang datang kepada manusia disimpan di tempat yang dekat untuk menjadikannya mudah untuk dikaji dan diingat. Sementara yang lain disimpan di tempat yang jauh, dan yang lain di tempat pertengahan. Sebahagiannya tidak disimpan sama sekali kerana jika dilakukan, ia akan bertaburan mengikut jenisnya. Oleh itu, kita masih ingat apa yang kita hidu, apa yang kita lihat, wajah kita, warna, minyak wangi, nama-nama, dan sebagainya. Para ilmuwan menyatakan bahawa ingatan akan melakukan proses simbolisasi dengan cepat jika kita ingin menarik ingatan tentang sesuatu atau mengetahuinya. Memori dan daya ingatan dianggap oleh para ilmuwan sebagai kamus berjalan. Satu kenyataan yang mengejutkan bahawa sel saraf tidak terbahagi-bahagi atau mati. Orang akan kehilangan semua pengalaman jika sel saraf terbahagi-bahagi dan mati. Maka memori dan daya ingatan adalah jelas sebuah tanda kebesaran Ilahi. (al-Nabulsi, 2011)

Kesimpulannya, akal adalah anugerah yang luar biasa yang Allah berikan kepada manusia. Melalui potensi akal mampu mengenal, mengkaji tentang diri, alam dan Allah s.w.t. Oleh itu, manusia boleh mengambil iktibar dan teladan daripada kisah-kisah para rasul seperti yang dinyatakan dalam ayat:

وَإِنَّكُمۡ لَتَمُرُّونَ عَلَيۡهِم مُّصۡبِحِينَ ١٣٧ وَبِٱلَّيۡلِۗ أَفَلَا تَعۡقِلُونَ ١٣٨

"*Dan sesungguhnya kamu (wahai musyrikin Mekah) berulang alik melintasi (kesan-kesan tempat tinggal) mereka pada awal pagi. Dan pada waktu malam. Maka tidakkah kamu mahu menggunakan akal (untuk berfikir)?*".

(Surah al-Saaffaat, 37:137-138)

Juga ayat firman Allah s.w.t.:

يَٰقَوۡمِ لَآ أَسۡـَٔلُكُمۡ عَلَيۡهِ أَجۡرًاۖ إِنۡ أَجۡرِيَ إِلَّا عَلَى ٱلَّذِي فَطَرَنِيٓۚ أَفَلَا تَعۡقِلُونَ

"*Wahai kaumku! Aku tidak meminta ganjaran (upah) daripada kamu bagi seruanku (menyampaikan agama Allah) itu. Ganjaranku (upahku) hanyalah daripada Allah yang telah menciptakanku, maka tidakkah kamu mahu menggunakan akal (untuk berfikir)?*"

(Surah Hud, 11: 51)

Hati atau Jantung

Jantung adalah organ yang paling penting di dalam tubuh manusia dan bergantung kepadanya. Oleh itu, jantung adalah pemimpin tubuh. Ia juga boleh memberi perintah dan larangan, dan seluruh anggota hanya perlu patuh kepadanya. Oleh itu, jantung ditugaskan oleh Allah s.w.t. untuk mengeluarkan darah yang mengandungi sari makanan, yang kemudiannya diserap ke dalam setiap organ yang diperlukan. Sementara limpa, hempedu dan ginjal membantu jantung. Oleh yang demikian, jantung, hati, perut, limpa, paru-paru, rahim, dan usus adalah organ yang diatur oleh Allah s.w.t.. Semua dicipta oleh Allah dengan bentuk, ukuran dan tujuan tertentu.

Jantung adalah alat yang hebat. Ia sangat kuat untuk mengatasi tekanan yang cepat dan tidak pernah letih. Jantung adalah otot yang paling kuat apabila ia datang kepada hal fizikal, pekerjaan dan pelaksanaan. Dalam keadaan tertekan, jumlah denyutan jantung boleh mencapai 180. Jantung boleh mengepam lapan ribu liter, atau lapan meter perkubik darah dalam satu hari. Jantung mempunyai kapasiti untuk mengepam darah yang cukup bagi mengisi gudang berukuran setinggi gedung pencakar langit sepanjang hayat.

Jantung juga menghasilkan antara 60 dan 80 denyutan setiap minit. Selain itu, setiap hari jantung mengepam lapan ribu liter darah jumlah yang sama dengan satu tong dan jantung berdenyut seratus

ribu kali. Para ilmuan telah menjalankan eksperimen mengenai pengepaman jantung terhadap darah pada orang dewasa. Selain itu, telah ditunjukkan bahawa jantung telah mengepam kira-kira lima puluh enam juta gelen, dengan satu gelen setara dengan lima meter. Jantung mula berfungsi sepenuhnya sejak bulan kedua kehidupan janin dan akan terus berfungsi sepenuhnya sehingga apabila jantung tidak dapat berhenti bekerja, lupa, tidur, duduk, bosan, dan mengeluh. Oleh itu, ia terus bekerja tanpa henti, tanpa gangguan, tanpa bantuan atau arahan (Guyton, A. C., & Hall, J. E 2015).

Selain itu, ini menunjukkan bahawa manusia telah dimuliakan dan diistemewakan oleh Allah s.w.t. sebagaimana firmanNya:

أَفَلَمۡ يَسِيرُواْ فِي ٱلۡأَرۡضِ فَتَكُونَ لَهُمۡ قُلُوبٞ يَعۡقِلُونَ بِهَآ أَوۡ ءَاذَانٞ يَسۡمَعُونَ بِهَاۖ فَإِنَّهَا لَا تَعۡمَى ٱلۡأَبۡصَٰرُ وَلَٰكِن تَعۡمَى ٱلۡقُلُوبُ ٱلَّتِي فِي ٱلصُّدُورِ ٤٦

"*Maka mengapa mereka (orang-orang kafir) itu tidak mengembara di bumi (supaya dapat melihat kesan-kesan kebinasaan kaum-kaum yang ingkar itu) sehingga hati (akal) mereka dapat memikirkannya atau telinga mereka dapat mendengar (mengambil i'tibar daripadanya)? Maka sesungguhnya bukanlah mata itu yang buta tetapi mata hati yang ada di dalam dada itulah yang buta*".

(Surah Hajj, Ayat 46)

Dalam ayat ini, "قُلُوب" diertikan sebagai akal atau hati suci yang dimiliki oleh manusia, yang membolehkan mereka mengerti dan memahami apa yang mereka lihat atau lakukan. Walaupun mata mereka buta, hati nurani mereka boleh merasakan baik atau buruk sesuatu yang mereka lihat.

Segala sesuatu yang dilakukan oleh manusia memerlukan kerja hati dan akal yang sihat kerana hati juga mempunyai keupayaan untuk melihat, merasakan, dan memahami sama ada perbuatan itu benar atau tidak. Akal pula bertanggungjawab untuk melaksanakan perbuatan yang hendak dilakukan oleh manusia. Sesungguhnya bukan mata manusia yang buta yang menghalang manusia daripada melihat perkara baik atau buruk, akan tetapi hati mereka yang buta.

Menurut Ibnu ‘Aashuur (2000) “قُلُوب” digunakan untuk menggambarkan pembahagian fikiran secara retorik dari sudut *Majaz Mursal*, kerana jantung memberikan aliran darah kepada organ asas dan penting, dan terutamanya otak yang merupakan anggota akal fikiran. Oleh kerana itu Allah berkata: “*mereka dapat memikirkannya*”. Sesungguhnya alat untuk berfikir adalah otak, akan tetapi ucapan ini biasanya dikenali dalam kalangan ahli bahasa. Kemudian dihubungkan dengan fakta saintifik, maka Allah s.w.t. berkata: “*mereka dapat memikirkannya*” menunjukkan bahawa “قُلُوب” adalah akal.

Terdapat juga ayat-ayat lain yang berkenaan dengan hati manusia seperti firman Allah s.w.t.:

مَا كَذَبَ ٱلْفُؤَادُ مَا رَأَىٰٓ ١١

“*Tiadalah hati (Nabi Muhammad Shallallâhu ‘alaihi wasallam) mendustakan apa yang dilihatnya*”.

(Surah al-Najm, 53:11)

إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَذِكْرَىٰ لِمَن كَانَ لَهُۥ قَلْبٌ أَوْ أَلْقَى ٱلسَّمْعَ وَهُوَ شَهِيدٌ ٣٧

“*Sesungguhnya pada yang demikian itu terdapat peringatan bagi sesiapa yang mempunyai hati (akal untuk berfikir) atau yang menggunakan pendengarannya sedangkan dia menyaksikannya*”.

(Surah Qaf, 50: 37)

Sesungguhnya jantung tubuh manusia adalah salah satu daripada keajaiban yang diciptakan oleh Allah s.w.t. Dengan kewujudannya, ia boleh mengepam darah yang membawa makanan dan bahan bakar kepada setiap sel, jaringan, organ dan sistem melalui jaringan pembuluh darah yang panjangnya lebih daripada 150 kilometer. Oleh itu, jantung mewakili hakikat manusia. Salah satu perkara yang paling menakjubkan ialah Allah menentukan jantung manusia, kesihatannya, dan cara kerjanya berjalan (al-Nabulsi, 2011).

Pendengaran dan Penglihatan

Kelahiran bayi adalah permulaan penantian selepas beberapa bulan yang telah ditetapkan oleh Allah s.w.t. untuk janin yang dikandung. Kelahiran seorang bayi adalah anugerah yang besar kerana ia melahirkan seorang individu yang mempunyai banyak pancaindera, seperti penglihatan dan pendengaran.

Anatomi sistem indera penglihatan ialah bidang yang mempelajari bagaimana sistem tubuh indera penglihatan dibina, sama ada ia terdiri daripada organ dan bahagiannya. Mata, organ atau bahagiannya dalam sistem indera penglihatan, terletak di dalam orbit tengkorak.



Anatomi sistem indera pendengaran pula ialah bidang yang mempelajari cara system tubuh indera pendengaran dibina, termasuk telinga. Maka telinga, alat pendengaran yang terletak di kanan-kiri kepala manusia, adalah organ mendengar.



Terdapat banyak ayat al-Qur'an menyebutkan bahawa Allah s.w.t. telah memberikan indera pendengaran dan penglihatan kepada manusia. Al-Qur'an juga menekankan bahawa saluran-saluran ini membawa pengetahuan ke otak kita. Selalunya pendengaran disebutkan terlebih dahulu yang menunjukkan bahawa pendengaran lebih penting daripada penglihatan bagi manusia. Oleh itu, manusia yang dilahirkan dari rahim ibunya tidak mempunyai pemahaman yang mendalam tentang dunia. Dia mendapat pengetahuan melalui inderanya, terutamanya pendengaran dan penglihatan.

Anak damit yang baru dilahirkan tidak tahu apa-apa. Apabila pancainderanya mula berfungsi, pelbagai kesan dari luar mulai memberi kesan kepadanya. Pelbagai perasaan membentuk persepsi dan pemahamannya tentang dunia luar. Allah s.w.t. menyebutkan secara khusus dua pancaindera tersebut; iaitu pendengaran dan penglihatan, menunjukkan kepada kepentingannya. Begitu juga dengan peranan yang dimainkan oleh pancaindera lain secara amnya. Salah satu ciri gaya bahasa al-Qur'an ialah ia menggunakan ungkapan yang ringkas dan padat. Al-Qur'an tidak terlalu terperinci, tetapi ia cukup menjelaskan pelbagai realiti yang mendasar dan umum. Hal ini wajar kerana al-Qur'an adalah kitab petunjuk dan bukannya buku ilmu sains. Al-Qur'an hanya menyebutkan dua pancaindera pendengaran dan penglihatan tersebut sebagai nikmat yang diberikan oleh Allah kepada manusia. Allah s.w.t. berfirman:

وَهُوَ ٱلَّذِيٓ أَنشَأَ لَكُمُ ٱلسَّمۡعَ وَٱلۡأَبۡصَٰرَ وَٱلۡأَفۡـِٔدَةَۚ قَلِيلٗا مَّا تَشۡكُرُونَ ٧٨

"*Dan Dialah yang mengurniakan bagi kamu pendengaran dan penglihatan serta hati (akal fikiran, tetapi) sedikit benar kamu bersyukur*".

(Surah Mu'minun, 23: 78)

Bila diteliti redaksi al-Qur'an, biasanya didahulukan "pendengaran" dan kemudian penglihatan dan hati atau jantung. Ini menunjukkan asas pancaindera. Hidu, rasa dan sentuhan hanya sedikit manusia perlukan. Manusia perlu mendengar dan melihat bukti-bukti kekuasaan Allah s.w.t. Al-Sya'rawi (1997) mendatangkan hasil kajian ilmu sains moden yang membuktikan susunan yang disebutkan adalah sabit bersumber daripada Allah s.w.t. dan tidak mungkin saling mendahului salah satu daripada yang lain. Organ pertama yang berfungsi pada manusia adalah telinga dan mata, yang bekerja sejak hari ke 3-10 setelah kelahiran. Dari kedua-dua organ tersebut muncul keadaan sebenar yang perlu dicerna oleh akal.

Suatu mukjizat bagi Ashab al-Kahfi bahawa Allah s.w.t. mematikan pendengaran mereka sehingga mereka dapat tidur tanpa terganggu oleh suara-suara di sekitar gua. Andai pendengaran mereka tetap berfungsi, tidak mungkin mereka boleh tidur selama itu, kerana pasti akan terganggu oleh suara-suara. "*Maka Kami tutup telinga (tidurkan) mereka bertahun-tahun lamanya di dalam gua itu*" (Surah al-Kahfi, 18: 11)

Mukjizat lain dalam al-Qur'an menunjukkan bahawa semua ayat yang berbicara tentang "السَّمْع" iaitu pendengaran mendahului "البَصَر" iaitu penglihatan, kecuali dalam satu ayat tentang hari kiamat:

﴿ وَلَوۡ تَرَىٰٓ إِذِ ٱلۡمُجۡرِمُونَ نَاكِسُواْ رُءُوسِهِمۡ عِندَ رَبِّهِمۡ رَبَّنَآ أَبۡصَرۡنَا وَسَمِعۡنَا فَٱرۡجِعۡنَا نَعۡمَلۡ صَٰلِحًا إِنَّا مُوقِنُونَ ١٢ ﴾

"*Dan (alangkah ngerinya) kalau engkau (wahai Nabi Muhammad) melihat orang-orang yang berdosa itu menundukkan kepala mereka di hadapan Tuhan mereka (sambil merayu-rayu): "Ya*

Tuhan kami! Kami telah melihat dan mendengar maka kembalikanlah kami (ke dunia) supaya kami mengerjakan amalan salih, sesungguhnya kami sekarang telah yakin".

(Surah al-Sajdah, 32: 12)

Dalam ayat ini penglihatan didahulukan atas pendengaran kerana di akhirat nanti apa yang kita lihat terlebih dahulu mengejutkan kita berbanding dengan apa yang kita dengar. Ini merupakan bukti betapa cermatnya redaksi ayat-ayat al-Qur'an (al-Sya'rawi (terj.) 2006).

Allah s.w.t. memberi kita pendengaran yang membolehkan kamu mendengar semua suara. Deria penglihatan membolehkan kita melihat pelbagai cahaya, warna dan bentuk. Begitu juga, akal fikiran mempunyai keupayaan untuk menggunakannya untuk memahami setiap perkara yang memberi manfaat dan membawa kita kepada kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Ketiga-tiga deria ini disebut secara khusus kerana ia, sama ada pancaindera atau akal, dilakukan untuk mengetahui situasi semasa. Sememangnya, penyelidikan para ahli perubatan telah menunjukkan bahawa bayi yang baru dilahirkan mula mendengar tetapi belum dapat melihat pada tiga hari pertama selepas kelahiran. Selepas itu, hanya penglihatannya yang boleh melihat dan akal fikirannya yang boleh berfikir (al-Maraghi, terj., 2001).

Ini juga membuktikan bahawa ketiga-tiga deria tersebut adalah antara nikmat dan kekuasaan agung Allah seperti yang dinyatakan oleh Ibnu Juzay (1996) dan Sayyid Tantawi (1998). Pendengaran, penglihatan, dan hati "الأفئدة" disebutkan secara khusus kerana manfaat besar yang terkandung di dalamnya. Oleh itu, manusia wajib bersyukur terhadap Penciptanya dan sesiapa yang bersyukur kepadaNya bermaksud mentauhidkanNya serta mengikuti RasulNya s.a.w. Penyebutan ketiga-tiga deria itu merupakan antara nikmat yang banyak dan menetapkan bukti bahawa manusia disebarkan di bumi. Walau bagaimanapun, manusia kurang bersyukur kepada Allah s.w.t., sebagaimana yang direkodkan di dalam firmanNya:

ثُمَّ سَوَّىٰهُ وَنَفَخَ فِيهِ مِن رُّوحِهِۦ ۖ وَجَعَلَ لَكُمُ ٱلسَّمْعَ وَٱلْأَبْصَٰرَ وَٱلْأَفْـِٔدَةَ ۚ قَلِيلًا مَّا تَشْكُرُونَ ٩

"*Kemudian Dia menyempurnakan kejadiannya dan meniupkan padanya roh (ciptaan)Nya dan Dia mengurniakan bagi kamu pendengaran dan penglihatan serta hati (akal fikiran. Tetapi) kamu bersyukur hanya sedikit sahaja*".

(Surah al-Sajdah, 32: 9)

Menurut tafsiran al-Maraghi (1998) berkenaan dengan ayat ini bahawa kemudian Allah memberikan pendengaran yang kamu dapat gunakan untuk mendengar suara dan penglihatan untuk kamu gunakan melihat benda-benda dan hati yang dapat kamu gunakan bagi membezakan antara yang baik dengan yan buruk, antara yang benar dengan yang dusta. Oleh itu, perkembangan

manusia bermula dengan anak damit yang masih merah yang hanya dapat mendengar dalam tiga hari dan kemudian mula melihat dan membezakan objek di sekeliling.

Kajian fisiologi kontemporari menunjukkan bahawa retina mata anak damit kurang peka terhadap cahaya semasa lahir. Kemudian berkembang sehingga fungsinya menjadi sempurna kira-kira pada akhir tahun pertama. Anak damit tidak langsung menunjukkan respons terhadap cahaya yang kuat selepas lahir. Walau bagaimanapun, sejak hari kedua dia mulai belajar menunjukkan respons terhadap pelbagai jenis cahaya dengan memejamkan kedua matanya atau memutar kepalanya ke belakang untuk mengelak daripada cahaya yang kuat. Apabila anak damit berumur enam bulan, perkembangan retina kedua-dua matanya telah sempurna. Untuk kali pertama dia melihat sesuatu yang bergerak atau diam dan kedua-dua matanya bergerak secara tidak serasi. Kadang-kadang, mata kanannya melihat sesuatu, manakala mata kirinya melihat sesuatu yang berbeza, sehingga ternampak kedua-dua matanya seolah-olah juling kepada orang yang melihatnya. Kemahiran si anak untuk mengerakkan kedua-dua matanya secara serentak meningkat secara beransur-ansur sehingga boleh menggerakkan kedua-duanya pada satu arah apabila mereka memandang sesuatu.(Francesca Simion, Lucia Regolin, Hermann Bulf, 2008).

Menurut kajian lain yang dijalankan oleh para saintis, terdapat sepuluh tingkatan dalam jaringan mata. Di dalamnya juga terdapat 144 juta alat yang menerima cahaya. Seribu jaringan urat saraf membentuk urat saraf mata yang mengalir dari mata ke otak (Guyton, A. C., & Hall, J. E 2015).

Selain itu, pupil mata berwarna ini boleh menyusut dan meluas jika cahaya sedikit. Jika cahaya begitu terang sekali, kewujudannya akan semakin berkurangan. Oleh itu, anda mungkin tidak menyedari bahawa pupil mata menyusut dan meluas. Buktinya ialah jika kita tiba-tiba berpindah

dari tempat yang terang ke tempat yang kurang terang, kita hanya akan melihat selaput pelangi mata yang tidak diinginkan (al-Nabulsi, 2011).

Begitu juga penjelasannya di dalam ayat yang lain Allah s.w.t. berfirman:

وَٱللَّهُ أَخۡرَجَكُم مِّنۢ بُطُونِ أُمَّهَٰتِكُمۡ لَا تَعۡلَمُونَ شَيۡـٔٗا وَجَعَلَ لَكُمُ ٱلسَّمۡعَ وَٱلۡأَبۡصَٰرَ وَٱلۡأَفۡـِٔدَةَ لَعَلَّكُمۡ تَشۡكُرُونَ ٧٨

"*Dan Allah mengeluarkan kamu dari perut ibu kamu dalam keadaan tidak mengetahui sesuatu apa pun dan Dia mengurniakan kepada kamu pendengaran dan penglihatan serta hati (akal fikiran) supaya kamu bersyukur*".

(Surah al-Nahl, 16: 78)

Sementara itu, jaringan telinga, yang menyerupai jaringan mata, mempunyai tiga puluh ribu sel pendengaran yang bertanggungjawab untuk menghantar suara yang paling halus. Di dalam otak juga terdapat alat yang mengukur masa yang diperlukan untuk suara sampai ke kedua-dua telinga. Tingkatan masa ini menyingkap suara manusia.

Seorang anak damit yang baru lahir memberi respons kepada suara keras tetapi tidak kepada suara yang lemah, menurut kajian fisiologi kontemporari. Selain itu, kajian ini menunjukkan bahawa gambar tidak jelas di mata anak damit yang baru lahir sehingga berusia enam bulan, kerana pembentukan retina barunya selesai pada akhir bulan keenam kelahiran. Si anak belum dapat melihat dengan jelas sehingga separuh kedua tahun pertama usianya, tetapi kita dapat melihat bahawa dia menjawab suara keras tetapi tidak menjawab suara lemah. Indera pendengarannya juga mengalami beberapa evolusi. Apabila dia berumur satu tahun, dia boleh membezakan pelbagai tingkat suara. Apabila dia berumur tiga tahun, keupayaannya untuk membezakan suara berkembang dengan cepat sehingga dia sempurna pada usia ketiga belas.

Kemudian, melalui perantaraan sistem dalam otak, suara yang sampai kepadanya menjadi lebih jelas. Otak dapat menyingkap arah suara semasa berusaha untuk mengetahui tingkatan dan perbezaannya (al-Nabulsi, 2011).

Al-Qur'an menggalakkan penggunaan pancaindera untuk mengelakkan melakukan dosa, berdasarkan penjelasan kedua anatomi tersebut. Firman Allah s.w.t.:

﴿وَضَرَبَ ٱللَّهُ مَثَلًا رَّجُلَيۡنِ أَحَدُهُمَآ أَبۡكَمُ لَا يَقۡدِرُ عَلَىٰ شَيۡءٖ وَهُوَ كَلٌّ عَلَىٰ مَوۡلَىٰهُ أَيۡنَمَا يُوَجِّههُّ لَا يَأۡتِ بِخَيۡرٍ هَلۡ يَسۡتَوِي هُوَ وَمَن يَأۡمُرُ بِٱلۡعَدۡلِ وَهُوَ عَلَىٰ صِرَٰطٖ مُّسۡتَقِيمٖ ٧٦﴾

"*Dan Allah membuat (pula) satu perbandingan mengenai dua orang laki-laki, yang seorang bisu, tidak dapat melakukan sesuatu dan dia menjadi beban kepada penjaganya, ke mana saja dia diarahkan pergi, dia tidak dapat mendatangkan kebaikan (kerana dia tidak memahami apa yang dikatakan kepadanya dan tidak dapat menyatakan apa yang difikirkannya). Adakah dia (yang demikian sifatnya) sama seperti orang (yang boleh berkata-kata serta dapat) menyuruh orang ramai melakukan keadilan dan dia sendiri pula tetap berada di atas jalan yang lurus? (Tentu tidak)*".

(Surah al-Nahl, 16: 76)

Firman Allah s.w.t. lagi:

﴿فَقَالَ ٱلۡمَلَؤُاْ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ مِن قَوۡمِهِۦ مَا هَٰذَآ إِلَّا بَشَرٞ مِّثۡلُكُمۡ يُرِيدُ أَن يَتَفَضَّلَ عَلَيۡكُمۡ وَلَوۡ شَآءَ ٱللَّهُ لَأَنزَلَ مَلَٰٓئِكَةٗ مَّا سَمِعۡنَا بِهَٰذَا فِيٓ ءَابَآئِنَا ٱلۡأَوَّلِينَ ٢٤﴾

"*Maka ketua-ketua yang kafir daripada kaumnya berkata: "Orang ini tidak lain hanyalah seorang manusia seperti kamu, dia hendak melebihkan (dirinya) daripada kamu (menjadi ketua dan kamu menjadi pengikutnya). Dan kalau Allah menghendaki (mengutuskan seorang rasul) tentulah Dia menurunkan malaikat (menjadi rasulNya), kami tidak pernah mendengar (seruan) seperti ini di kalangan bapa-bapa (dan datuk nenek) kami yang dahulu kala*".

(Surah al-Mu'minun, 23: 24)

Roh

Roh dan jasad manusia tidak terpisah atau berdiri dengan sendirinya. Identiti dan keperibadian manusia terbentuk daripada kedua-duanya bergabung dalam kesatuan yang serasi. Di dalam al-Qur'an, perkataan "roh" mempunyai pelbagai makna. Dalam hal ini, roh adalah unsur tertinggi yang menyediakan manusia untuk memiliki sifat-sifat yang suci dan luhur. Dengan penciptaan ini, manusia berbeza daripada makhluk lain dan bersedia untuk mengetahui dan menggunakannya. Allah s.w.t. berfirman:

﴿وَيَسۡـَٔلُونَكَ عَنِ ٱلرُّوحِۖ قُلِ ٱلرُّوحُ مِنۡ أَمۡرِ رَبِّي وَمَآ أُوتِيتُم مِّنَ ٱلۡعِلۡمِ إِلَّا قَلِيلٗا﴾

"*Dan mereka bertanya kepadamu (wahai Nabi Muhammad) tentang (hakikat) roh. Katakan-lah: "Roh itu adalah daripada urusan Tuhanku dan kamu tidak dikurniakan ilmu pengetahuan melainkan hanya sedikit sahaja*".

(Surah al-Israa', 17: 85)

Roh yang akan dicabut dari jasad kita pada satu ketika, menurut al-Sya‘rawi (1997), bertanggungjawab untuk menggerakkan kehidupan. Roh boleh dicabut pada masa tertentu dalam kehidupan kita di dunia, seperti semasa kita masih dalam kandungan ibu atau semasa kita berusia lanjut. Pengetahuan manusia tidak mencukupi untuk memahami hakikat roh. Maka Allah berfirman: وَمَآ أُوتِيتُم مِّنَ العلم إِلَّا قَلِيلاً "*dan tidaklah kalian diberi pengetahuan kecuali sedikit*".

Rahsia alam sekitar dan rahsia tubuh manusia terus digali oleh para ilmuwan dan pengkaji. Apabila kita melihat perkembangan penemuan ahli perubatan dan astronomi, kita dapat melihat kesesuaian antara substansi ayat dengan apa yang sebenarnya berlaku. Kita juga dapat melihat keajaiban ciptaan Tuhan.

Roh bukanlah bentuk fizikal. Ia berkaitan dengan tubuh dalam fungsinya sebagai pengatur dan panduan. Hujjatul Islam al-Ghazali (2001) dan al-Raghib al-Asfahani (1412H) menyokong pendapat ini.

Menurut Ibnu ‘Aashuur (2000) lafaz "roh" merujuk kepada entiti tersembunyi yang tersebar di seluruh tubuh manusia yang boleh dilihat melalui persepsi dan pemikiran manusia. Ia tinggal di dalam tubuh manusia semasa fasa janin, kira-kira 120 hari selepas sperma masuk ke dalam rahim. Konteks ini adalah apa yang dinyatakan dalam firman Allah s.w.t.: "*Kemudian apabila Aku menyempurnakan (kejadiannya) serta Aku meniupkan padanya roh (ciptaan)Ku*" (Surah Saad, 38: 72). Ini juga disebut sebagai "لِلنَّفْس" iaitu jiwa, sebagaimana firman Allah s.w.t.:

﴿ يَٰٓأَيَّتُهَا ٱلنَّفۡسُ ٱلۡمُطۡمَئِنَّةُ ٢٧ ﴾

"*Wahai jiwa yang tenang!*".

(Surah al-Fajr, 89:27)

Perintah Ilahi mencipta makhluk yang mulia tanpa sebab yang biasa, dan roh itu berasal daripada Allah s.w.t. sebagaimana firmanNya:

﴿ وَكَذَٰلِكَ أَوۡحَيۡنَآ إِلَيۡكَ رُوحٗا مِّنۡ أَمۡرِنَا ﴾

"*Dan demikian juga Kami mewahyukan kepadamu (wahai Nabi Muhammad) roh (al-Qur’an yang menghidupkan hati) dengan perintah Kami…*".

(Surah al-Shuuraa, 42: 52]

Juga firman Allah:

﴿ وَرُوحٌ مِّنۡهُ ﴾

"*…dan (dengan tiupan) roh daripadaNya…*".

(Surah al-Nisaa', 4: 171)

Dalam ayat yang lain Allah berfirman:

﴿ثُمَّ سَوَّىٰهُ وَنَفَخَ فِيهِ مِن رُّوحِهِۦۖ وَجَعَلَ لَكُمُ ٱلسَّمۡعَ وَٱلۡأَبۡصَٰرَ وَٱلۡأَفۡـِٔدَةَۚ قَلِيلٗا مَّا تَشۡكُرُونَ ٩﴾

"*Kemudian Dia menyempurnakan kejadiannya dan meniupkan padanya roh (ciptaan)Nya dan Dia mengurniakan bagi kamu pendengaran dan penglihatan serta hati (akal fikiran. Tetapi) kamu bersyukur hanya sedikit sahaja*".

(Surah al-Sajdah, 32: 9)

Menurut ayat ini, roh dan pergerakan diberikan kepada janin selepas ia terbentuk. Sifat roh tidak diketahui oleh sesiapa pun; satu-satunya perkara yang manusia tahu ialah apabila ruh ditiupkan, dia mendapat kehidupan. Ini seperti yang dinyatakan oleh al-Maraghi (1998) bahawa apabila bayi dilahirkan, Allah s.w.t. menyempurnakan bentuknya, melengkapkannya dengan anggota badan, dan kemudiannya ia menjadi manusia yang utuh dan baik. Roh kemudiannya diberikan kepadanya. Dengan kehadiran roh, dia boleh bergerak dan menunjukkan tanda-tanda kehidupan. Dia juga boleh bercakap dan menangis (al-Maraghi, (terj.), 2001).

Kesimpulannya perkataan "roh" mempunyai pelbagai bentuk dan peranan. Misalnya roh yang menghubungkan kehidupan badan atau jasmani, sebagaimana firman Allah s.w.t.:

﴿فَإِذَا سَوَّيۡتُهُۥ وَنَفَخۡتُ فِيهِ مِن رُّوحِي فَقَعُواْ لَهُۥ سَٰجِدِينَ ٢٩﴾

"*Kemudian apabila Aku sempurnakan (kejadian)nya serta Aku tiupkan padanya roh (ciptaan)Ku, maka tunduklah kamu kepadanya dengan bersujud (memberi hormat)*".

(Surah al-Hijr, 15: 29)

Apabila roh ini berpisah daripada badan, maka dia akan berpisah dengan kehidupan. Tubuh akan berubah menjadi kaku. Allah s.w.t. berfirman:

﴿فَلَوۡلَآ إِذَا بَلَغَتِ ٱلۡحُلۡقُومَ ٨٣﴾

"*Maka mengapa jika ketika (roh) sampai ke kerongkongan (orang yang hampir mati)*".

(Surah al-Waq'iah, 56: 83)

Anggota Badan Yang Lain

Sel-sel perasa kulit manusia mempunyai bentuk yang berbeza menurut kajian fisiologis moden. Fungsinya adalah untuk menerima pelbagai perasaan, seperti panas, dingin, sentuhan, tekanan, atau sakit. Al-Qur'an menunjukkan terdapat organ perasa kulit yang khusus untuk merasakan sakit. Sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini, al-Qur'an menunjukkan alat-alat indera yang direka untuk merasakan sakit pada kulit manusia. Misalnya, jika kulit seseorang terbakar, menyebabkan kerosakan kulit, ia tidak akan lagi mengalami kesakitan. Oleh itu, Allah s.w.t. mengganti kulit orang kafir yang terbakar dengan kulit baharu supaya mereka terus mengalami luka bakar, seperti yang dinyatakan dalam firman Allah s.w.t.:



﴿إِنَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ بِـَٔايَٰتِنَا سَوۡفَ نُصۡلِيهِمۡ نَارٗا كُلَّمَا نَضِجَتۡ جُلُودُهُم بَدَّلۡنَٰهُمۡ جُلُودًا غَيۡرَهَا لِيَذُوقُواْ ٱلۡعَذَابَۗ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ عَزِيزًا حَكِيمٗا ٥٦﴾

"*Sesungguhnya orang-orang yang kafir (yang mengingkari) ayat-ayat (tanda-tanda dan keterangan) Kami, Kami akan memasukkan mereka dalam api neraka. Setiap kali kulit mereka hangus, Kami gantikan dengan kulit yang lain supaya mereka dapat merasa azab itu. Dan sesungguhnya Allah adalah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana*".

(Surah al-Nisaa', 4: 56)

Al-Maraghi (1998) menjelaskan bahawa Allah s.w.t. telah menyediakan seksaan neraka yang membakar dan menghapuskan tubuh mereka sehingga mereka tidak dapat merasakan seksaan yang hebat. Allah s.w.t. mengganti kulit mereka dengan kulit baru setiap kali kulit mereka hangus sehingga tidak lagi dapat merasakan seksa dan kehidupan. Profesor 'Abd al-'Aziz Basha (1938) dalam bukunya الإسلام والطب الحديث atau "*Islam dan Perubatan Moden*" menyatakan bahawa bahagian tubuh manusia yang boleh dirasa adalah kulit. Anggota tubuh yang terletak di lapisan bawah kulit, seperti daging, tidak mempunyai rasa apa-apa. Oleh itu, seorang doktor mengetahui bahawa lapisan kulit yang terbakar akan sangat sakit. Allah s.w.t. memberitahu kita bahawa setiap kali Jahannam membakar daging yang mempunyai lapisan kulit, lapisan itu segera digantikan

dengan kulit yang baru, menyebabkan orang yang diseksa sentiasa sakit dan menderita sehingga yang diseksa terus-menerus merasakan sakit dan azab yang pedih.

Ayat ini jelas menunjukkan bahawa Allah s.w.t. mempunyai hikmah sebelum manusia dapat mengetahuinya. Kemudian Allah s.w.t. menerangkan sebab-sebab yang disebutkan di atas dengan firmanNya: (لِيَذُوقُوا الْعَذَابَ) iaitu agar mereka mengalami penderitaan selama-lamanya. Oleh kerana kulitnya masih hidup, manusia boleh merasakan seksaan itu. Ini melengkapkan kepercayaan orang yang percaya bahawa apabila seseorang melatih dirinya dengan penyeksaaan di dunia, rasa sakit itu tidak lagi dirasakan kerana dia sudah biasa, seperti yang berlaku kepada mereka yang telah mengalami penyakit bertahun-tahun (al-Maraghi, (terj.), 2001).

Kajian fisiologis moden telah menunjukkan bahawa ada sel-sel perasa pada kulit yang bertanggungjawab untuk merasakan sakit. Rasa sakit hilang apabila kulit hangus dan sel-selnya hancur. Oleh itu, kulit orang kafir ditukar dengan kulit yang baru setiap kali ia hangus oleh Allah supaya mereka terus mengalami kesakitan dan azab kerana kekafirannya. Ayat lain menyatakan bahawa kulit adalah alat indera sentuhan yang membantu manusia memahami sesuatu. Di sisi lain, kelenjar peluh, yang bertanggungjawab untuk mengawal tahap kepanasan badan, terletak di bawah permukaan kulit dengan lima belas juta alat adaptor. Di setiap kelenjar peluh terdapat adaptor yang boleh mengawal suhu panas dan kelembapan. (Guyton, A. C., & Hall, J. E 2015).

Ayat lain juga menyatakan bahawa kulit manusia mempunyai alat indera yang unik dan sel-sel perasa terdapat padanya.

Setiap orang mempunyai cap jari yang berbeza. Dalam aspek siasatan, keunikan padanya memberikan kelebihan. Abu Hassan (2005) mengatakan bahawa aplikasi sains forensik yang banyak digunakan oleh pihak polis adalah cap jari bagi mengesahkan bukti. Penjenayah tidak mempunyai keupayaan untuk menafikan cap jarinya. Sejak abad kesembilan belas, cap jari telah digunakan dan kini cap jari boleh dirujuk dan dibandingkan dengan komputer. Cap jari kita tidak

berubah walaupun kita semakin tua (Zul Hilmei, 2017). Sehubungan itu, ayat 3-4 surah al-Qiyaamah memberikan penjelasan lanjut tentang cap jari. Firman Allah s.w.t.:

أَيَحۡسَبُ ٱلۡإِنسَٰنُ أَلَّن نَّجۡمَعَ عِظَامَهُۥ ٣ بَلَىٰ قَٰدِرِينَ عَلَىٰٓ أَن نُّسَوِّيَ بَنَانَهُۥ ٤

"*Adakah manusia itu menyangka bahawa Kami sekali-kali tidak akan dapat mengumpulkan (kembali) tulang-tulangnya (dan menghidupkannya semula)?*".

(Surah al-Qiyamah, 75: 3 – 4)

Zaghlul al-Najjar (2007) juga menjelaskan bahawa uji kaji yang dilakukan mendapati setiap sel hidup mampu untuk tahu dan sedar. Bahkan ia juga mampu meneliti, memerhati dan menyimpan maklumat yang dilakukan oleh manusia.

Al-Maraghi (1998) menyimpulkan bahawa Allah s.w.t. dapat mengumpulkan semula tulang-temulang dan menyusunnya dengan sempurna serta mengembalikan seperti dalam keadaan asal selepas tulang-temulang itu bercerai-berai dan bertebaran di dasar lautan atau di padang pasir yang luas, atau di mana-mana tempat. Allah juga dapat meratakan hujung kedua-dua tangan dan kaki manusia lalu jadikan kedua-duanya itu menjadi satu, seperti kuku unta, keldai dan sebagainya. Lalu dia makan dan minum sebagaimana makan dan minumnya binatang-binatang itu. Bantahan ini merupakan suatu kerugian yang amat besar kepada mereka sebagai celaan terhadap kejadiannya dan kerana mereka tidak melaksanakan tanggungjawab yang telah disediakan dalam kehidupan mereka.

Allah s.w.t. berfirman:

ٱلۡيَوۡمَ نَخۡتِمُ عَلَىٰٓ أَفۡوَٰهِهِمۡ وَتُكَلِّمُنَآ أَيۡدِيهِمۡ وَتَشۡهَدُ أَرۡجُلُهُم بِمَا كَانُواْ يَكۡسِبُونَ ٦٥

"*Pada hari itu Kami mengunci mulut mereka, dan tangan mereka memberitahu Kami (kesalahan masing-masing) dan kaki mereka pula menjadi saksi tentang apa yang mereka telah usahakan*".

(Surah Yaasiin, 36: 65)

Ayat di atas merujuk kepada situasi yang dihadapi oleh orang kafir dan munafik pada hari kiamat apabila mereka tidak mengakui perbuatan jahat mereka yang telah mereka lakukan di dunia ini. Mereka bahkan melakukan sumpah untuk menafikan kejahatan mereka. Allah s.w.t. kemudiannya mengunci mulut mereka dan meminta semua ahli keluarga mereka bercakap dan bersaksi atas tindakan mereka (Ibnu Kathir, 2000).

Sebagaimana dinyatakan oleh al-Sya'rawi (1997) bahawa apabila Allah s.w.t. mengunci mulut mereka, ini tidak bermakna Dia memaksa tangan mereka untuk bercakap. Sebaliknya, tangan bercakap secara sukarela tanpa dipaksa dan kaki turut mendengar menjadi saksi apa yang dicakapkan oleh tangan. Ini menunjukkan bahawa pelaku terpaksa patuh terhadap bukti. Islam tidak mengiktiraf pengakuan paksa. Hal ni juga berlaku untuk manusia di akhirat.

Imam al-Razi (1999) pula menjelaskan bahawa jika tangan dan kaki dipaksa untuk bercakap dan menjadi saksi, maka ia adalah satu hukuman yang tidak boleh diterima dan diiktiraf. Semua perbuatan manusia di dunia bergantung pada tangan yang berfungsi sebagai jurucakap. Oleh itu, ia mempunyai pemahaman yang lebih baik tentang fungsinya. Untuk menjadi saksi, mesti berada dalam kalangan anggota lain yang melihat dari jauh dan tidak terlibat dalam kerja tangan. Oleh itu, kaki adalah saksi yang paling layak.

Walaupun manusia tidak menyedari bahawa mereka telah melakukan kejahatan, akibat kejahatan itu berbekas pada tangan mereka dan kaki mereka menyaksikannya tanpa disedari (Zul Hilmei, 2017).

Namun pada hari kiamat nanti, orang kafir mengingkari kejahatan yang mereka lakukan semasa hidup di dunia dan berani bersumpah bahawa mereka tidak pernah melakukannya. Allah s.w.t. berfirman:

﴿ ثُمَّ لَمۡ تَكُن فِتۡنَتُهُمۡ إِلَّآ أَن قَالُواْ وَٱللَّهِ رَبِّنَا مَا كُنَّا مُشۡرِكِينَ ٢٣ ﴾

"*Kemudian tidaklah ada fitnah (jawapan bohong) mereka kecuali mereka mengatakan: "Demi Allah Tuhan kami, tidaklah kami mempersekutukan Allah (dengan sesuatu yang lain)*".

(Surah al-An'aam, 6: 23)

Allah s.w.t. mengunci mulut mereka sehingga mereka tidak dapat berkata apa-apa. Kemudian, mereka diminta untuk menceritakan setiap tindakan yang mereka lakukan. Di sini, perkataan diberikan kepada tangan, manakala kesaksian diberikan kepada kaki kerana tangan memang

mempunyai keupayaan untuk melakukan sesuatu. Oleh itu, perbuatan seseorang selalunya dinisbahkan kepada tangannya (al-Maraghi, 1998) seperti firmanNya:

«يَوْمَ يَنْظُرُ الْمَرْءُ ما قَدَّمَتْ يَداهُ»

"*…hari seseorang melihat apa yang telah dilakukan oleh kedua tangannya…*"

(Surah al-Naba', 78: 40)

«وَما عَمِلَتْهُ أَيْدِيهِمْ»

"*…dan daripada hasil usaha tangan mereka…*"

(Surah Yaasiin, 36: 35)

«بِما كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ»

"*…disebabkan apa yang dilakukan oleh tangan-tangan manusia…*".

(Surah al-Ruum, 30: 41)

Oleh itu, kita boleh mendapatkan cap jari untuk mengaitkan tuduhan ke atas penjenayah kerana tangan tidak sama. Setiap kesalahan sudah jelas di dunia fizikal ini, apatah lagi di alam roh. Ini kerana setiap dosa atau kebaikan disimpan di dalam jiwa sebelum mati. Sudah tentu, semua perbuatan yang tercetak dalam jiwa, baik atau buruk, akan dilihat pada hari pembalasan nanti, seperti dalam firman Allah s.w.t.:

«اقْرَأْ كِتابَكَ كَفى بِنَفْسِكَ الْيَوْمَ عَلَيْكَ حَسِيباً»

"*(Lalu Kami berfirman kepadanya): "Bacalah kitab (catatan amal perbuatan) mu, cukuplah dirimu sendiri pada hari ini sebagai penghitung (menilai terhadap dirimu sendiri)*".

(Surah al-Israa', 17: 14)

Oleh itu, jiwa adalah rekod yang tidak pernah menipu dan berdusta. Apabila lidah tidak lagi berkata-kata, anggota tubuh yang lain sebaliknya boleh berkata-kata. Ini bermaksud mereka boleh menunjukkan semua tindakan yang telah dilakukan oleh individu itu.

Bab 4
KEJADIAN MENTAL MANUSIA

Isu Kesihatan Mental

Perbahasan mengenai kejadian manusia dari perspektif al-Qur'an dan fakta saintifik pada kebiasaannya hanya tertumpu kepada unsur fizikal. Walhal manusia mempunyai dua unsur utama iaitu fizikal (jasmani) dan spiritual (rohani). Maka kajian *Tafsir 'Ilmi* MABIMS kejadian manusia ini dirasakan perlu menyentuh sedikit hal mental dan kejiwaan manusia secara umum. Mental berkaitan dengan akal, pemikiran, atau proses intelektual. Begitu juga kejiwaan yang biasa disebutkan dengan "*spiritual*" berkaitan dengan rohani atau jiwa yang bukan bersifat fizikal.

Lebih-lebih lagi semasa dan selepas pandemik COVID-19, kesihatan mental menjadi isu kesihatan global. Organisasi Kesihatan Sedunia (WHO) menggambarkan kesihatan mental sebagai "*a state of mental well-being that enables people to cope with the stresses of life, realize their abilities, learn well and work well, and contribute to their community. It is an integral component of health and well-being that underpins our individual and collective abilities to make decisions, build relationships and shape the world we live in. Mental health is a basic human right and it is crucial to personal, community and socio-economic development*".
(https://www.who.int/news-room/fact-sheets/detail/mental-health-strengthening-our-response/?gclid=EAIaIQobChMIkN6f843BggMVuhF7Bx0qUAf4EAAYASAAEgK2mvD_BwE).

Oleh kerana itu, penulisan bab ini menumpukan perhatian kajian kepada stigma dan salah faham yang berkaitan dengan kesihatan dan penyakit mental. Ini kerana isu kesihatan dan penyakit mental dan kaitannya dengan amalan beragama sering menimbulkan kekeliruan dan salah faham. Maka beberapa persoalan berkaitan dengan isu ini akan cuba dijawab seadanya.

Adakah al-Qur'an menyebutkan tentang kesihatan dan penyakit mental?

Al-Qur'an adalah kitab suci dalam agama Islam yang mengandungi banyak petunjuk, hukum, dan akhlak. Ia juga membahas pelbagai aspek kehidupan manusia, termasuk kesihatan fizikal dan juga mental. Al-Qur'an ada menyebutkan tentang penyakit berkaitan mental atau kondisi jiwa yang mempengaruhi keseimbangan dan kesihatan psikologi individu.

Antara contoh penyebutan penyakit mental di dalam al-Qur'an ialah seperti masalah kecemasan, depresi, atau rasa putus asa yang dapat mempengaruhi keadaan jiwa seseorang. Ia memberikan wawasan tentang cabaran mental yang dihadapi seseorang dan mendorong umat Islam untuk mencari pertolongan dan sokongan ketika menghadapi keadaan tersebut. Penyakit mental adalah masalah yang kompleks, dan pendekatan medikal atau perubatan dan juga psikologi sangat diperlukan untuk menghadapinya.

Terdapat beberapa konsep penting dalam Islam yang berkaitan dengan aspek kognitif dan

emosional manusia. Beberapa konsep yang relevan termasuk "العقل" (al-'Aql), "اللُّبَ" (al-Lub), "الفؤاد" (al-Fu'ad), dan "القلب" (al-Qalb). Konsep-konsep ini membentuk dasar bagi pemahaman Islam tentang akal fikiran, perasaan, dan keadaan jiwa manusia.

Memahami konsep-konsep ini membantu kita menjalani kehidupan yang seimbang dari segi kognitif, emosional, dan spiritual. Dalam konteks kesihatan mental, Islam mendorong individu untuk menjaga keseimbangan antara akal fikiran, perasaan, dan iman, serta mencari sokongan ketika menghadapi masalah jiwa. Dengan yang demikian, kita dapat menjalani kehidupan yang sihat secara menyeluruh, termasuk dalam hal kesihatan mental.

Para ulama berbeza pendapat dalam definisi akal dengan pelbagai frasa takrifan. Imam al-Ghazali (2001) berkata bahawa manusia berbeza pendapat mengenai tahap akal dan hakikatnya. Merujuk kepada definisi yang diberikan oleh al-Jurjani (1983) bahawa "*al-'Aql*" iaitu akal adalah hakikat sesuatu yang berasingan daripada materi dalam dirinya sendiri, ia dibandingkan dengan tindakan, iaitu jiwa yang merujuk kepada aspek seseorang yang mengatakan "Aku". Dikatakan juga bahawa akal adalah hakikat rohani yang diciptakan oleh Allah yang berkaitan dengan tubuh manusia. Ada juga pendapat lain yang mengatakan bahawa akal adalah cahaya di dalam hati yang dapat mengenal pasti kebenaran dan kebatilan. Pendapat lain lagi mengatakan bahawa akal adalah hakikat sesuatu yang berasingan daripada materi yang berkaitan dengan badan dalam hal perancangan dan tindakan.

Allah s.w.t. berfirman:

 أَفَلَمۡ يَسِيرُواْ فِي ٱلۡأَرۡضِ فَتَكُونَ لَهُمۡ قُلُوبٞ يَعۡقِلُونَ بِهَآ أَوۡ ءَاذَانٞ يَسۡمَعُونَ بِهَاۖ فَإِنَّهَا لَا تَعۡمَى ٱلۡأَبۡصَٰرُ وَلَٰكِن تَعۡمَى ٱلۡقُلُوبُ ٱلَّتِي فِي ٱلصُّدُورِ ٤٦

"*Maka mengapa mereka (orang-orang kafir) itu tidak mengembara di bumi (supaya dapat melihat kesan-kesan kebinasaan kaum-kaum yang ingkar itu) sehingga hati (akal) mereka dapat memikirkannya atau telinga mereka dapat mendengar (mengambil i'tibar daripadanya)? Maka sesungguhnya bukanlah mata itu yang buta tetapi mata hati yang ada di dalam dada itulah yang buta*".

(Surah al-Hajj, 22: 46)

FirmanNya lagi:

قوله تعالى وَلَٰكِنَّ ٱللَّهَ حَبَّبَ إِلَيۡكُمُ ٱلۡإِيمَٰنَ وَزَيَّنَهُۥ فِي قُلُوبِكُمۡ وَكَرَّهَ إِلَيۡكُمُ ٱلۡكُفۡرَ وَٱلۡفُسُوقَ وَٱلۡعِصۡيَانَۚ أُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلرَّٰشِدُونَ

"…*tetapi Allah menjadikan kamu cinta kepada keimanan serta menjadikannya indah dalam hati kamu dan menjadikan kamu benci kepada kekufuran dan perbuatan fasiq serta perbuatan derhaka. Mereka (yang bersifat demikian) itulah orang yang tetap berada dalam kebenaran*".

(Surah al-Hujuraat, 49: 7)

Sementara "*al-Qalb*" atau hati atau jantung, menurut al-Jurjani (1983) juga bahawa "*al-Qalb*" adalah suatu hakikat kehalusan *Rabbani* yang berhubung dengan hati jasmani sanubari yang berbentuk terletak di bahagian kiri dada manusia. Kehalusan tersebut bermaksud hakikat sebenar manusia dan dikenali sebagai "النفس الناطقة" iaitu jiwa yang bercakap. Manakala "roh" pula adalah batinnya dan "النفس الحيوانية" iaitu jiwa haiwan yang merupakan komponennya.

Konsep lafaz "*al-Lub*" pula bermaksud akal yang murni daripada segala pencemaran. Ada yang mengatakan bahwa ia adalah apa yang tajam dalam akal. Maka setiap "*lubb*" adalah akal, dan bukan sebaliknya. Oleh karena itu, Allah menggantung segala hukum yang hanya dapat dicapai oleh akal yang cerdas kepada golongan *Ulul Albab*. Allah s.w.t. berfirman:

وَمَا يَذَّكَّرُ إِلَّآ أُوْلُواْ ٱلۡأَلۡبَٰبِ ٢٦٩

"*Dan tiadalah yang dapat mengambil pengajaran melainkan orang-orang yang mempunyai akal (yang dapat memikir dan memahaminya)*".

(Surah al-Baqarah, 2: 269)

Perkataan "*Fu'ad*" pula merujuk kepada "*Qalb*". Dinamakan demikian kerana kepanasan dan meluapnya. Ada yang mengatakan bahawa *Fu'ad* adalah selaput jantung. Yang lain mengatakan bahawa *Fu'ad* adalah bahagian dalam hati. Hati memiliki lubabnya sendiri, dan *Fu'ad* yang halus cenderung merasa lebih cepat. Sementara *Fu'ad* yang keras adalah seperti hati yang keras tidak memberikan respons terhadap sesuatu.

"*Fu'ad*" disebutkan di dalam al-Qur'an dengan pelbagai konteks maksud dan berjumlah sekitar 16 ayat. Semuanya merujuk kepada makna kehalusan *Rabbani*, dan bukan menunjukkan kepada organ fizikal yang merupakan bahagian daripada jantung. Firman Allah s.w.t.:

وإِنَّ السَّمْعَ وَالْبَصَرَ وَالْفُؤَادَ كُلُّ أُوْلَئِكَ كَانَ عَنْهُ مَسْؤُولاً

"*Sesungguhnya pendengaran dan penglihatan serta hati, semuanya itu akan dipertanggungjawabkan mengenainya*".

(Surah al-Israa', 17: 36)

FirmanNya lagi:

﴿وَاللهُ أَخْرَجَكُم مِّنْ بُطُونِ أُمَّهَاتِكُمْ لا تَعْلَمُونَ شَيْئاً وَجَعَلَ لَكُمُ السَّمْعَ وَالأَبْصَارَ وَالأَفْئِدَةَ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ﴾

"*Dan Allah mengeluarkan kamu dari perut ibu kamu dalam keadaan tidak mengetahui sesuatu apa pun dan Dia mengurniakan kepada kamu pendengaran dan penglihatan serta hati (akal fikiran) supaya kamu bersyukur*".

(Surah al-Nahl, 16: 78)

Ibnu Kathir (2000) menyatakan dalam tafsiran ayat ini bahawa Allah memberi mereka pendengaran yang digunakan untuk mendengar suara, penglihatan yang digunakan untuk melihat segala yang terlihat, serta akal "*al-Af'idah*", iaitu akal yang berpusat di dalam hati, yang digunakan untuk pemahaman yang benar. Ibnu 'Aashuur (2000) pula menjelaskan bahawa "*al-Af'idah*" adalah bentuk jamak dari "*al-Fu'ad*", yang bermaksud hati, tetapi sering kali digunakan untuk merujuk kepada akal mengikut maksud dalam konteks ayat ini.

وَنُقَلِّبُ أَفْـِٔدَتَهُمْ وَأَبْصَٰرَهُمْ كَمَا لَمْ يُؤْمِنُواْ بِهِۦٓ أَوَّلَ مَرَّةٖ وَنَذَرُهُمْ فِي طُغْيَٰنِهِمْ يَعْمَهُونَ ١١٠

"*Dan Kami memalingkan hati dan penglihatan mereka sebagaimana mereka tidak beriman kepadanya (al-Qur'an) pada permulaannya dan Kami membiarkan mereka dalam kesesatan mereka, terumbang-ambing tanpa arah tujuan*".

(Surah al-An'aam, 6: 110)

Al-Qur'an membincangkan perihal penyakit mental dan sering dikaitkan dengan psikoterapi al-Qur'an. Ia mengajar kita cara mengamalkan ajaran agama untuk menghilangkan gangguan mental seperti cemas, bimbang, depresi dan sebagainya. Al-Qur'an telah menyebut istilah-istilah "ilmu kejiwaan" dalam pelbagai cara yang boleh digunakan untuk merujuk kepada bidang kontemporari yang mempelajari tentang sifat, aturan, amarah, dorongan dan keperluan jiwa, kekuatan dan kelemahan, serta keluhuran dan keburukan jiwa.

Dalam karangan buku yang membawa topik ilmu kejiwaan Islam, terdapat beberapa jenis jiwa atau diri manusia. Di dalam al-Qur'an, Allah s.w.t. menyebutkan tiga jenis jiwa yang dikenali dengan lafaz istilah "ٱلنَّفْس"; iaitu:

(1) ***Al-Nafs Ammarah bi al-Suu'*** **(ٱلنَّفْسَ لَأَمَّارَةُۢ بِٱلسُّوٓءِ)**; iaitu nafsu yang selalu menyuruh melakukan kejahatan. Allah s.w.t. berfirman:

وَمَآ أُبَرِّئُ نَفْسِيٓۚ إِنَّ ٱلنَّفْسَ لَأَمَّارَةُۢ بِٱلسُّوٓءِ إِلَّا مَا رَحِمَ رَبِّيٓۚ إِنَّ رَبِّي غَفُورٞ رَّحِيمٞ

"*Dan tidaklah aku (berani) mensucikan diriku (daripada dosa), sesungguhnya nafsu itu selalu menyuruh melakukan kejahatan kecuali orang-orang yang telah dikurniakan rahmat (terpelihara daripada dosa) oleh Tuhanku. Sesungguhnya Tuhanku Maha Pengampun lagi Maha Pengasih*".

(Surah Yusuf, 12: 53)

Berkenaan ayat ini, al-Sya‘rawi (1997) menyatakan bahawa nafsu selalu dan gemar mendorong kepada kejahatan secara amnya. Akan tetapi di saat Allah s.w.t. menjelaskan bahawa jiwa dan nafsu adalah pendorong yang kuat untuk melakukan kejahatan, Allah s.w.t. sangat penyayang. Dengan penjelasan ini, kita memperoleh pemahaman tentang sifat jiwa dan nafsu. Dia tidak dikenali sebagai "*Aamirah*" istilah yang bermaksud memerintahkan seseorang untuk melakukan sesuatu yang buruk dan kemudian menyelesaikannya.

Taklif Allah secara keseluruhan berisikan perintah dan larangan. Kadang kita memandang perintah-Nya sebagai beban yang memberatkan jiwa, dan larangan-Nya mencegah kita dari perbuatan yang terkadang sangat menggiurkan, seperti sabda Nabi s.a.w.:

حُفْت الجَنَّةُ بالمكَارِه وَحُفْت النَّارُ بالشَّهَوَاتِ

"*Syurga dipenuhi dengan kebencian dan neraka dipenuhi dengan syahwat*".

(HR Ahmad, Muslim dan Tirmizi dari Anas)

Oleh itu, walaupun maksiat boleh menjadi sangat menguntungkan, akal budi adalah satu-satunya cara untuk membezakan mana yang benar dan salah. Kenikmatan tidak baik apabila ia berakhir dengan penyesalan. Orang akan mengalami kesusahan selama berabad-abad, walaupun mereka mungkin merasakan keseronokan untuk seketika. Oleh kerana mereka melihat pahala ketaatan dan seksa kemaksiatan, orang yang berakal tidak akan pernah ingin melakukan ajakan nafsu. Nabi s.a.w. bersabda:

لَا يَزْنِي الزَّانِي حِينَ يَزْنِي وَهُوَ مُؤْمِنٌ، وَلَا يَسْرِقُ حِينَ يَسْرِقُ وَهُوَ مُؤْمِنٌ، وَلَا يَشْرَبُ الْخَمْرَ حِينَ يَشْرَبُهَا وَهُوَ مُؤْمِنٌ

"Tidaklah seorang pengzina itu berzina sedangkan dia dalam keadaan dia beriman. Tidaklah seorang pencuri itu mencuri sedangkan dia dalam keadaan dia beriman dan tidaklah seorang peminum arak itu meminum arak dalam keadaan dia beriman."

[HR al-Bukhari & Muslim]

Pelaku jenayah biasanya menutupi iman mereka apabila mereka melakukan perkara yang tidak baik. Sebelum dia mempunyai peluang untuk bertaubat dan menerima pengampunan, dia tidak meletakkan iman dalam hati sanubarinya. Dalam erti kata lain, Allah Maha Penyayang kerana Dia-lah yang memberikan kekebalan kepada manusia supaya mereka tidak terjebak dalam penyakit kemaksiatan atau kembali ke dalam lubang kemaksiatan. Ini selaras dengan ayat lain firman Allah s.w.t.:

﴿وَنُنَزِّلُ مِنَ ٱلْقُرْءَانِ مَا هُوَ شِفَآءٌ وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ وَلَا يَزِيدُ ٱلظَّٰلِمِينَ إِلَّا خَسَارًا ٨٢﴾

"*Dan Kami menurunkan daripada al-Qur'an suatu penawar (bagi penyakit rohani dan jasmani) dan rahmat bagi orang-orang yang beriman, dan al-Qur'an itu tidaklah menambah kepada orang-orang yang zalim (orang-orang kafir) selain kerugian*".

(Surah al-Israa', 17: 82)

Al-Qur'an bukan sahaja ubat penawar, tetapi ia juga rahmat. Ia melindungi jiwa manusia daripada penyakit jiwa. Al-Maraghi (1999) menyatakan kerana nafsu manusia mempunyai pelbagai dorongan kehendak zahir dan batin, dan kerana ia telah diberikan pelbagai kekuatan dan alat untuk mencapai kenikmatan, termasuk kecenderungan yang dibisikkan oleh syaitan kepadanya, nafsu manusia sering membawa kepada perbuatan jahat.

(2) ***Al-Nafs al-Lawwaamah*** **(ٱلنَّفْس ٱللَّوَّامَة)**; iaitu jiwa yang mencela dirinya sendiri. Firman Allah s.w.t.:

﴿وَلَآ أُقْسِمُ بِٱلنَّفْسِ ٱللَّوَّامَةِ ٢﴾

"*Dan Aku bersumpah dengan an-Nafsullawwamah (jiwa yang mencela dirinya sendiri)*".
(Surah al-Qiyaamah, 75: 02)

Di dalam ayat ini Allah bersumpah dengan hari kiamat dan keadaan kengerian yang besar dengan nafsu yang menginginkan ketinggian, iaitu nafsu yang menyesali perbuatan jahat. Apakah sebabnya ia melakukannya, menyesalinya, dan tidak memperbanyakkannya? Ini disebabkan oleh fakta bahawa nafsu itu masih tidur walaupun dalam ketaatan yang bersungguh-sungguh; oleh itu, kamu akan dibangkitkan dan dihisab mengikut apa yang kamu lakukan.

Al-Farra' menyatakan bahawa tidak ada nafsu yang baik atau buruk melainkan ia mencela dirinya sendiri. Jika ia melakukan sesuatu yang baik, ia bertanya: mengapa aku tidak memperbanyakkannya? Sebaliknya, jika ia melakukan sesuatu yang tidak baik, ia berkata, "seandainya aku tidak melakukannya" (al-Maraghi, 1998).

Menurut Sayyid Tantawi (1998) النفس اللوامة ialah jiwa yang suka menyalahkan; iaitu jiwa yang jujur dan bertakwa yang menyalahkan dirinya sendiri atas apa yang telah diabaikan. Walaupun ia berbuat baik, ia berharap ia dapat melakukan lebih banyak lagi, dan jika ia berbuat jahat, ia berharap ia dapat mengurangkan kesan buruknya.

Allah s.w.t. berfirman:

﴿إِنَّ ٱلْإِنسَٰنَ خُلِقَ هَلُوعًا ١٩ إِذَا مَسَّهُ ٱلشَّرُّ جَزُوعًا ٢٠ وَإِذَا مَسَّهُ ٱلْخَيْرُ مَنُوعًا ٢١﴾

"*Sesungguhnya manusia itu diciptakan bersifat gelisah lagi bakhil. Apabila dia ditimpa kesusahan, dia berkeluh kesah. Dan apabila dia mendapat kebaikan, dia kedekut*".
(Surah al-Ma'aarij, 70: 19-21)

(3) ***Al-Nafs al-Mutma'innah*** **(ٱلنَّفۡسُ ٱلۡمُطۡمَئِنَّةُ)**; iaitu jiwa yang tenang, sebagaimana firman Allah s.w.t.:

﴿يَٰٓأَيَّتُهَا ٱلنَّفۡسُ ٱلۡمُطۡمَئِنَّةُ ٢٧ ﴾

"*(Dikatakan kepada orang-orang yang beriman:) "Wahai jiwa yang tenang!" "Kembalilah kepada Tuhanmu dalam keadaan redha lagi diredhaiNya." "Maka masuklah ke dalam golongan hamba-hambaKu (yang salih)." "Dan masuklah ke dalam syurgaKu*".

(Surah al-Fajr, 89: 27 – 30)

Orang yang mempunyai jiwa yang tenang dengan iman, amal salih dan berpegang dengan janji Allah tanpa ragu-ragu akan dikatakan kepada mereka: "Kembalilah kamu kepada keredhaan Allah dan syurgaNya dengan keadaan redha dengan nikmat pemberian tersebut dan Allah redha dengan amalan kamu di dunia". Para ahli tafsir mengatakan bahawa ucapan dan panggilan ini akan berlaku ketika waktu hampir mati (al-Zuhayli, (terj.), 2001).

Selain itu, ada jiwa yang bersih daripada segala-galanya yang tidak berguna, kotoran, aib, dan sifat yang hina. Diri yang suci adalah apabila seseorang melaksanakan atau memberi tanggungjawabnya dan menerima apa yang menjadi haknya tanpa bertindak zalim, kasar atau sewenang-wenang. Allah s.w.t. berfirman:

﴿فَٱنطَلَقَا حَتَّىٰٓ إِذَا لَقِيَا غُلَٰمٗا فَقَتَلَهُۥ قَالَ أَقَتَلۡتَ نَفۡسٗا زَكِيَّةَۢ بِغَيۡرِ نَفۡسٖ لَّقَدۡ جِئۡتَ شَيۡـٔٗا نُّكۡرٗا ٧٤ ﴾

"*Maka (setelah keluar dari perahu itu) mereka berdua berjalan sehingga apabila bertemu dengan seorang budak laki-laki (yang sedang bermain-main) lalu Nabi Khidhir membunuhnya. Nabi Musa berkata: "Patutkah engkau membunuh jiwa yang bersih (daripada dosa) bukan kerana (dia membunuh) orang lain? Demi sesungguhnya engkau telah melakukan sesuatu yang mungkar*".

(Surah al-Kahfi, 18: 74)

﴿وَنَفۡسٖ وَمَا سَوَّىٰهَا ٧ فَأَلۡهَمَهَا فُجُورَهَا وَتَقۡوَىٰهَا ٨ قَدۡ أَفۡلَحَ مَن زَكَّىٰهَا ٩ ﴾

"*Demi jiwa dan penyempurnaan (kejadiannya). Maka Allah mengilhamkan kepada jiwa itu (jalan) kefasikan dan ketaqwaannya. Sesungguhnya berjayalah orang yang mensucikan jiwanya*".

(Surah al-Shams, 91: 7-9)

Adakah ayat al-Qur'an yang khusus diturunkan kepada Nabi s.a.w. kerana Baginda menghadapi depresi?

Terlebih dahulu perlu kita tahu apa itu "Depresi". Depresi atau "*depression*" dalam erti kata lain "kemurungan" menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007) membawa maksud keadaan apabila seseorang mengalami rasa kecewa dan putus asa yang diiringi dengan gejala seperti sukar tidur, lembap berfikir dan rasa bersalah yang keterlaluan yang tidak setimpal dengan kesalahan yang dilakukan.

Kemurungan juga merupakan salah satu sindrom gangguan emosi yang menyebabkan ketidakselesaan yang subjektif atau mengganggu kebolehan seseorang untuk berfungsi secara normal atau kedua-duanya sekali. Gangguan ini menyebabkan hilangnya minat untuk melakukan aktiviti yang biasa dilakukan, cenderung merasa sedih yang melampau, hilang daya tumpuan, kerap berfikiran negatif dan pesimis terhadap masa depan, merosot produktiviti kerja, lebih suka menyendiri, sentiasa merasa gelisah dan hilangnya selera makan yang menyebabkan penurunan berat badan dan tidak bermaya. (Azizi Yahaya & Tan Soo Yin, 2007)

Masyarakat kini sering kali mengaitkan hal ehwal semasa dengan ayat-ayat di dalam al-Qur'an dan sekarang timbul andaian dari kalangan khalayak awam bahawa Baginda s.a.w. juga pernah menghadapi depresi; gangguan emosi yang tular kini. Andaian ini adalah bersandarkan dengan penurunan surah al-Dhuhaa dan surah al-Kauthar.

Mereka menyangka bahawa dua surah ini menceritakan keadaan Nabi s.a.w. yang menghadapi depresi dan di dalamnya terdapat penawar kepada penyakit kejiwaan. Walhal sebenarnya tidaklah begitu. Perlu kita teliti terlebih dahulu kebenaran perincian tafsiran kedua-dua surah tersebut.

Firman Allah s.w.t.:

وَٱلضُّحَىٰ ۝١ وَٱلَّيۡلِ إِذَا سَجَىٰ ۝٢ مَا وَدَّعَكَ رَبُّكَ وَمَا قَلَىٰ ۝٣ وَلَلۡأٓخِرَةُ خَيۡرٞ لَّكَ مِنَ
ٱلۡأُولَىٰ ۝٤ وَلَسَوۡفَ يُعۡطِيكَ رَبُّكَ فَتَرۡضَىٰٓ ۝٥ أَلَمۡ يَجِدۡكَ يَتِيمٗا فَـَٔاوَىٰ ۝٦
وَوَجَدَكَ ضَآلّٗا فَهَدَىٰ ۝٧ وَوَجَدَكَ عَآئِلٗا فَأَغۡنَىٰ ۝٨ فَأَمَّا ٱلۡيَتِيمَ فَلَا تَقۡهَرۡ ۝٩
وَأَمَّا ٱلسَّآئِلَ فَلَا تَنۡهَرۡ ۝١٠ وَأَمَّا بِنِعۡمَةِ رَبِّكَ فَحَدِّثۡ ۝١١

"Demi waktu Dhuhâ.
Demi malam apabila sunyi.
(Sesungguhnya) Tuhanmu (wahai Nabi Muhammad) tidak meninggalkan engkau dan tidak (pula) membenci (kepadamu sebagaimana tuduhan kaum musyrikin).
Dan sesungguhnya (kehidupan) akhirat adalah lebih baik bagimu daripada (kehidupan) dunia.

Dan sesungguhnya Tuhanmu pasti akan memberikan kurniaNya kepadamu (di dunia dan di akhirat) sehingga engkau akan redha (berpuas hati).
Bukankah Dia mengetahui engkau seorang yatim lalu Dia melindungimu.
Dan mendapati engkau dalam keadaan bingung lalu Dia mengurniakan petunjuk.
Dan mendapati engkau dalam kekurangan lalu Dia memberi kecukupan.
Oleh itu, terhadap anak yatim, janganlah engkau berlaku sewenang-wenangnya.
Dan terhadap orang yang meminta-minta, janganlah engkau mengherdiknya.
Dan terhadap ni'mat Tuhanmu, hendaklah engkau menyatakannya (sebagai tanda kesyukuran)."
(Surah al-Dhuhaa, 93: 1 – 11)

Sayyid Qutb (2001) mengatakan secara keseluruhan surah ini ditujukan kepada Rasulullah s.a.w. sebagai satu pesanan dari Allah s.w.t. bagi memenuhi hatinya dengan kesenangan, ketenangan, kepuasan dan kenikmatan. Semua itu merupakan tiupan rahmat dan kasih sayang bagi hatinya yang merana dan jiwanya yang keletihan.

Terdapat beberapa riwayat yang menyebutkan bahawa surah ini diturunkan untuk menolak tanggapan orang-orang Musyrik yang menganggap Nabi s.a.w. telah diabaikan oleh Allah s.w.t. kerana Baginda s.a.w. sudah lama tidak menerima wahyu dan Jibril pula sudah lama tidak datang kepada Baginda s.aw. Dinukilkan dari al-Suyuti (2010) dalam kitabnya *Lubaab al-Nuquul fi Asbaab al-Nuzuul,* Imam al-Bukhari dan Muslim meriwayatkan dari Jundub bahawa Baginda s.a.w. merasa kurang sihat sehingga Baginda s.a.w. tidak bangun untuk solat malam selama semalam atau dua malam. Kemudian datanglah seorang wanita yang berkata: *"Hai Muhammad, aku melihat syaitanmu (maksud syaitan di sini ialah Jibril) telah meninggalkan engkau."* Dalam riwayat lain yang diriwayatkan oleh Said bin Mansur dan al-Faryabi dari Jundub pula mengatakan bahawa Jibril tidak datang kepada Nabi s.a.w. untuk beberapa lama dan orang-orang Musyrik seraya berkata: *"Muhammad telah ditinggalkan."* Seterusnya al-Hakim meriwayatkan dari Zaid bin Arqam mengatakan bahawa Nabi s.a.w. sudah berhari-hari tidak didatangi oleh Jibril lalu berkatalah Ummu Jamil isteri kepada Abu Lahab: *"Aku tidak membuat kesimpulan lain kecuali sahabatmu Jibril telah meninggalkanmu dan marah kepadamu."* Justeru itu, turunlah ayat 1 hingga 3 daripada surah al-Dhuha untuk menolak tuduhan orang-orang Musyrik yang menyangka Allah s.w.t. telah membiarkan Baginda s.a.w. dan membencinya.

Firman Allah s.w.t.:

وَٱلضُّحَىٰ ﴿١﴾ وَٱلَّيۡلِ إِذَا سَجَىٰ ﴿٢﴾ مَا وَدَّعَكَ رَبُّكَ وَمَا قَلَىٰ ﴿٣﴾

"Demi waktu Dhuhâ.
Demi malam apabila sunyi.
(Sesungguhnya) Tuhanmu (wahai Nabi Muhammad) tidak meninggalkan engkau dan tidak (pula) membenci (kepadamu sebagaimana tuduhan kaum musyrikin)."

Menurut al-Maraghi (2001) dan Ibnu Kathir (2008) Allah s.w.t. bersumpah di dalam dua ayat pertama tersebut dengan dua tanda kekuasaannya iaitu waktu Dhuha ketika cahaya memancar dan waktu malam ketika sunyi dan tenang. Manakala Ibnu ‘Aaashuur (2000) menyebutkan bahawa sumpah ini merupakan penegasan dalam menolak tuduhan orang-orang Musyrik yang menuduh terputusnya wahyu kepada Nabi s.a.w. ketika mereka melihat Nabi s.a.w. tidak menerima wahyu al-Qur’an dari malam ke malam berikutnya.

Allah s.w.t. berfirman:

مَا وَدَّعَكَ رَبُّكَ وَمَا قَلَىٰ ﴿٣﴾

“(Sesungguhnya) Tuhanmu (wahai Nabi Muhammad) tidak meninggalkan engkau dan tidak (pula) membenci (kepadamu sebagaimana tuduhan kaum musyrikin).”

(Surah al-Dhuhaa, 93: 3)

Al-Sabuni (2020) menegaskan bahawa ayat ini adalah jawapan dan isi sumpah. Para ahli tafsir yang lain juga bersepakat ayat ini adalah jawapan kepada dua sumpah tersebut dan merupakan bantahan kepada tuduhan orang-orang Musyrik yang mengatakan bahawa Nabi s.a.w. telah ditinggalkan dan dibenci oleh Allah s.w.t. kerana sekian lama tidak menerima wahyu.

Kemudian Allah s.w.t. berfirman di dalam ayat yang seterusnya:

وَلَلْآخِرَةُ خَيْرٌ لَّكَ مِنَ الْأُولَىٰ ﴿٤﴾

“Dan sesungguhnya (kehidupan) akhirat adalah lebih baik bagimu daripada (kehidupan) dunia.”

(Surah al-Dhuhaa, 93: 4)

Dinukilkan dari al-Suyuti (2010), diriwayatkan oleh al-Thabarani di dalam kitab *al-Ausath* dari Ibnu ‘Abbas berkata: Rasulullah s.a.w. bersabda: *“Diperlihatkan kepadaku kemenangan-kemenangan yang akan diperolehi oleh umatku, selepas aku wafat sehingga aku merasa sangat gembira”*. Maka turunlah ayat ini dan isnad hadith ini adalah hasan.

Ayat ini merupakan berita gembira yang dikhabarkan oleh Allah s.w.t. kepada Nabi s.a.w. Di dalam ayat ini jelas Wahbah Zuhayli (2014) bahawa masa depan Nabi s.a.w. itu lebih mulia daripada masa lalu beliau, iaitu akhirat itu lebih baik daripada dunia jika wahyu telah selesai dan ajal menjemput. Ibnu Kathir (2008) dengan ringkas mengatakan maksudnya adalah alam akhirat itu lebih baik bagimu daripada alam dunia ini. Ibnu ‘Aashuur (2000) turut sama mengatakan bahawa pengakhiran itu lebih baik daripada permulaan dan pembalasan itu lebih baik daripada awalnya. Allah s.w.t. pasti akan memberikan sesuatu yang lebih baik daripada apa yang telah diberikan kepadanya di dunia dan akhirat.

Berita gembira ini kemudian disusuli lagi dengan satu lagi berita gembira. Allah s.w.t. berfirman di dalam ayat yang seterusnya yang berbunyi:

وَلَسَوْفَ يُعْطِيكَ رَبُّكَ فَتَرْضَىٰٓ ۝٥

"Dan sesungguhnya Tuhanmu pasti akan memberikan kurniaNya kepadamu (di dunia dan di akhirat) sehingga engkau akan redha (berpuas hati)."

(Surah al-Dhuhaa, 93: 5)

Ayat ini diturunkan berkenaan dengan janji Allah s.w.t. kepada Nabi s.a.w. untuk memberikan kemenangan kepada umatnya. Maka Nabi s.a.w. pun merasa gembira disebabkan perkara itu. Dinukilkan dari al-Suyuti (2010), hadith ini diriwayatkan oleh al-Hakim dan al-Baihaqi di dalam kitab *al-Dalail.*

Menurut al-Maraghi (2001) yang dimaksudkan dengan kurnia dan nikmatNya adalah bahawasanya wahyu akan terus turun kepada Nabi s.a.w. sehingga menjadi bimbingan kepada diri Nabi s.a.w. dan umatnya demi menempuh kehidupan dunia dan akhirat. Agama Islam juga akan mengalahkan semua agama yang ada dan martabat Nabi s.a.w. itu lebih tinggi daripada martabat seluruh manusia.

Sayyid Tanthawi (1998) mengatakan bahawa ini adalah janji yang menyeluruh untuk apa yang diberikan oleh Allah s.w.t. kepada Nabi s.a.w. daripada kesempurnaan jiwa, kejelasan perintah dan ketinggian agama. Secara ringkasnya, Allah s.w.t. akan memberikan semua kebaikan dunia dan akhirat, segala yang menggembirakan dan memuaskan hati Nabi s.a.w., seperti kemenangan yang besar, penaklukan yang jelas, kekuasaan di bumi, kebenaran yang tinggi di tangan rasulNya, dan di tangan sahabat-sahabat sejati Baginda s.a.w., dan kedudukan yang besar di akhirat. Hanya Allah s.w.t. sahaja yang luas pengetahuanNya seperti kedudukan yang terpuji dan syafa'at. Dengan itu Nabi s.a.w. akan benar-benar berpuas hati dengan apa yang telah Allah berkati.

Setelah dinyatakan janji agung ini, Allah s.w.t. kemudian mengingatkan Nabi s.a.w. akan nikmat-nikmat yang telah Allah s.w.t. kurniakan kepada Baginda s.a.w. semasa kecil agar Baginda s.a.w. bersyukur kepada Allah s.w.t.

Allah s.w.t. berfirman:

أَلَمْ يَجِدْكَ يَتِيمًا فَـَٔاوَىٰ. وَوَجَدَكَ ضَآلًّا فَهَدَىٰ. وَوَجَدَكَ عَآئِلًا فَأَغْنَىٰ.

"Bukankah Dia mengetahui engkau seorang yatim lalu Dia melindungimu.

Dan mendapati engkau dalam keadaan bingung lalu Dia mengurniakan petunjuk.
Dan mendapati engkau dalam kekurangan lalu Dia memberi kecukupan."

(Surah al-Dhuhaa, 93: 6 – 8)

Al-Maraghi (2001), Ibnu Kathir (2008) dan Wahbah Zuhayli (2014) menceritakan bahawa Nabi s.a.w. merupakan seorang anak yatim yang ayahnya telah meninggal dunia ketika Baginda s.a.w. masih lagi di dalam kandungan ibunya. Kemudian ibunya pula meninggal dunia pada usia Baginda enam tahun dan Baginda seterusnya berada di bawah jagaan neneknya 'Abdul Muthallib sehingga beliau pun akhirnya meninggal dunia ketika usia Nabi s.a.w. mencecah lapan tahun. Nabi s.a.w. kemudian dipelihara oleh bapa saudaranya Abu Thalib yang sentiasa melindunginya, meninggikan darjatnya dan menghormatinya serta menghentikan segala bentuk gangguan daripada kaum Quraisy terhadapnya setelah Baginda s.a.w. diangkat menjadi rasul sehinggalah beliau meninggal dunia. Menurut al-Razi (1999) perkataan (فَـَٔاوَىٰ) mempunyai dua maksud iaitu menaungi dan mengasihi. Sayyid Tantawi (1998) menjelaskan bahawa Allah s.w.t. memelihara Nabi s.a.w. dengan rahmat dan kemurahanNya sejak Baginda s.a.w. seorang yatim pada waktu kecilnya.

Selain daripada itu Allah s.w.t. telah mengurniakan kepada Nabi s.a.w. nikmat petunjuk ketika Baginda s.a.w. berada dalam keadaan bingung. Maksud keadaan bingung di sini yang disepakati oleh para ahli tafsir adalah keliru dalam hal-hal hukum syara' dan bingung dalam mengetahui aqidah yang paling benar. Nabi s.a.w. dilahirkan dalam sebuah masyarakat Jahiliyyah yang beramal dengan amalan-amalan sesat, sedangkan Nabi s.a.w. tidak menyukai kepercayaan demikian, berakhlak mulia dan tidak melakukan perbuatan keji. Penerangan bagi hal ini adalah sesuai dengan firman Allah s.w.t.:

وَكَذَٰلِكَ أَوْحَيْنَآ إِلَيْكَ رُوحًا مِّنْ أَمْرِنَا ۚ مَا كُنتَ تَدْرِى مَا ٱلْكِتَٰبُ وَلَا ٱلْإِيمَٰنُ وَلَٰكِن جَعَلْنَٰهُ نُورًا نَّهْدِى بِهِۦ مَن
نَّشَآءُ مِنْ عِبَادِنَا ۚ وَإِنَّكَ لَتَهْدِىٓ إِلَىٰ صِرَٰطٍ مُّسْتَقِيمٍ

"Dan demikian juga Kami mewahyukan kepadamu (wahai Nabi Muhammad) roh (al-Qur'an yang menghidupkan hati) dengan perintah Kami. Sebelumnya engkau tidak pernah mengetahui apakah al-Qur'an itu dan tidak juga mengetahui apakah iman itu tetapi Kami menjadikan al-Qur'an sebagai cahaya yang Kami beri petunjuk dengannya sesiapa yang Kami kehendaki daripada hamba-hamba Kami. Dan sesungguhnya engkau memberi petunjuk (dengan al-Qur'an itu) ke jalan yang lurus."

(Surah al-Syuuraa, 42: 52)

Asal perkataan (العائل) membawa maksud seorang yang memiliki keluarga yang tidak mampu untuk ditanggungnya dan lafaz ini juga digunakan untuk orang yang miskin meskipun dia tidak memiliki keluarga. Sayyid Tantawi (1998) menjelaskan tafsiran ayat ini dengan mudah. Baginda s.a.w. merupakan seorang yang miskin dan ayahnya telah meninggal dunia tanpa meninggalkan

harta yang banyak kepadanya. Dia dibesarkan oleh neneknya dan kemudian bapa saudaranya, lalu Allah s.w.t. mencukupkannya dengan rahmat dan kemurahanNya dengan dua jenis kekayaan.

Yang pertama dan paling utama adalah kekayaan jiwa; Allah s.w.t. mengurniakan kepada Nabi s.a.w. jiwa yang suci dan merasa cukup dengan rezeki yang telah diberikan. Yang kedua adalah kekayaan kebendaan yang tidak memerlukan kebergantungan kepada orang lain berdasarkan hasil daripada jalan perniagaan yang dikerjakan Nabi s.a.w. sehingga tidak memerlukan seseorang untuk membelanjai hidupnya. Begitulah ayat ini menerangkan kemurahan Allah s.w.t. yang memelihara Nabi s.a.w. sedari kecil dan yatim, membimbingnya dari kesesatan dan kebingungannya, dan memperkayakannya selepas kemiskinan dan mencukupkan keperluannya.

Setelah mengingatkan tiga nikmat tersebut, Allah s.w.t. pula berwasiat dengan tiga perkara di dalam firmanNya:

فَأَمَّا ٱلْيَتِيمَ فَلَا تَقْهَرْ . وَأَمَّا ٱلسَّآئِلَ فَلَا تَنْهَرْ. وَأَمَّا بِنِعْمَةِ رَبِّكَ فَحَدِّثْ.

"Oleh itu, terhadap anak yatim, janganlah engkau berlaku sewenang-wenangnya.
Dan terhadap orang yang meminta-minta, janganlah engkau mengherdiknya.
Dan terhadap ni'mat Tuhanmu, hendaklah engkau menyatakannya (sebagai tanda kesyukuran)."
(Surah Aal-Dhuhaa, 93: 9 – 11)

Secara ringkas para ahli tafsir menerangkan bahawa ayat ini merupakan perintah Allah s.w.t. untuk melindungi, bersikap baik dan tidak mengambil mudah dalam menjaga hak-hak anak yatim. Bila ada orang meminta pertolongan, janganlah diherdik atau dihalau dengan kasar. Ini termasuk sesiapa sahaja yang bertanya tentang perihal harta atau ilmu dan bimbingan ataupun hal-hal lain dalam kehidupan. Dengan itu, hendaklah kita bersyukur ke atas semua nikmat yang telah kurniakan oleh Allah s.w.t.

Kesimpulan dari penjelasan sebelum ini difahami bahawa surah al-Dhuhaa ini pada dasarnya turun demi menyangkal tuduhan orang-orang Musyrik bahawa Allah s.w.t. telah meninggalkan Nabi s.a.w. setelah sekian lama tidak menerima wahyu daripadaNya. Isi kandungan surah ini menceritakan bahawa Allah s.w.t. itu tidak membenci dan meninggalkan Nabi s.a.w. bahkan memberikan berita gembira kepada orang yang beriman bahawa kehidupan akhirat itu lebih baik daripada kehidupan dunia. Allah mengingatkan Nabi s.a.w. terhadap segala nikmat yang telah dikurniakan dan memerintahkan untuk berlaku adil kepada anak-anak yatim, tidak berkasar dengan orang yang memerlukan pertolongan dan sentiasa mensyukuri nikmat yang telah dikurniakan.

Benar Nabi s.a.w. ada merasa sedih disebabkan lama tidak menerima wahyu dan menghadapi hinaan dan cemuhan orang-orang Musyrik terhadapnya. Namun meskipun begitu tidaklah Nabi s.a.w. merasakan sedih yang terlampau dan keadaannya tidaklah seperti apa yang didefinisikan oleh andaian masyarakat masa kini. Justeru itu, berdasarkan dengan perincian ini tidak cukup bagi kita untuk mendakwa bahawa Nabi s.a.w. itu menghadapi depresi. Penyakit mental hanya boleh didiagnosis oleh ahli pakar bidang yang berkaitan.

Begitu juga surah al-Kauthar, Allah s.w.t. berfirman:

إِنَّآ أَعۡطَيۡنَٰكَ ٱلۡكَوۡثَرَ ١ فَصَلِّ لِرَبِّكَ وَٱنۡحَرۡ ٢ إِنَّ شَانِئَكَ هُوَ ٱلۡأَبۡتَرُ ٣

"Sesungguhnya Kami telah mengurniakan kepadamu (wahai Nabi Muhammad) ni'mat yang banyak (antaranya sungai al-Kautsar di syurga).
Maka dirikanlah sembahyang kerana Tuhanmu dan sembelihlah binatang korban (kerana mensyukuri ni'mat-ni'matNya).
Sesungguhnya orang yang membenci engkau, dialah yang terputus (daripada mendapat kebaikan dunia dan akhirat)."

(Surah al-Kauthar, 108: 1 – 3)

Al-Maraghi (2001) menyebutkan bahawa surah ini diturunkan kerana orang musyrik Mekah dan orang munafik Madinah yang mencela dan mengejek Nabi s.a.w. kerana bagi mereka hanya golongan lemah sahaja yang menjadi pengikut Baginda s.a.w. dan tidak terdapat pula dari kalangan para pemimpin serta pembesar yang menjadi pengikut Baginda s.a.w.. Mereka juga mencela Nabi s.a.w. kerana putera-putera Baginda s.a.w. telah meninggal dunia dan terputuslah keturunannya. Selain itu, mereka juga bergembira dan menunggu-nunggu agar kecelakaan menimpa kaum muslimin. Oleh itu, surah ini diturunkan untuk menguatkan hati Nabi s.a.w. dan menenangkan jiwa Baginda s.a.w. dengan janji Allah s.w.t akan kebaikan yang banyak.

Dinukilkan dari al-Suyuti (2010), diriwayatkan oleh Ibnu Munzir dari Ibnu Juraij berkata bahawa ketika putera Rasulullah s.a.w. wafat, kaum Quraisy pun berkata: "Sekarang Muhammad menjadi *Abtar* (terputus keturunannya)". Maka perkara ini menyebabkan Nabi s.a.w. bersedih lalu turunlah surah ini sebagai penghibur kepadanya.

Firman Allah s.w.t.:

إِنَّآ أَعۡطَيۡنَٰكَ ٱلۡكَوۡثَرَ ١

"Sesungguhnya Kami telah mengurniakan kepadamu (wahai Nabi Muhammad) ni'mat yang banyak (antaranya sungai al-Kautsar di syurga)."

(Surah al-Kauthar, 108: 1)

Para ahli tafsir berlainan pendapat dalam menafsirkan maksud (الكوثر) di sini. Ada yang mengatakan maknanya adalah sebatang sungai di Syurga. Ada pula yang mengatakan maknanya kebaikan yang banyak. Menurut Ikrimah pula maknanya adalah wahyu dan Kitab. Manakala menurut Hasan pula maknanya adalah al-Qur'an dan menurut Mughirah pula ia adalah Islam. Ada pula yang mengatakan maknanya adalah ramai sahabat dan pengikut. Makna lain pula adalah cahaya di dalam hati dan syafa'at Nabi s.a.w. namun makna yang tepat adalah sebatang sungai di Syurga sepertimana yang disebutkan di dalam hadith Nabi s.a.w. (Ibn Juzay, 1996 & Ibn 'Aashuur, 2000)

Imam Ahmad meriwayatkan dari Anas bin Malik, dia berkata: "Rasulullah s.a.w. mengantuk sejenak lalu Baginda s.a.w. mengangkat kepalanya sambil tersenyum. Para Sahabat r.a. pun berkata: "Mengapa engkau tertawa, wahai Rasulullah s.a.w.?" Rasulullah s.a.w. menjawab: "Sesungguhnya belum lama tadi telah diturunkan satu surah kepadaku." Kemudian Rasulullah pun membaca surah ini sampai akhir ayat. Lalu Baginda s.a.w. bertanya: "Tahukah kalian apakah *al-Kautsar* itu?" Mereka menjawab: "Allah dan RasulNya yang lebih mengetahui." Baginda s.a.w. bersabda: "Ia adalah sungai yang diberikan Allah s.w.t. kepadaku di Syurga, padanya terdapat banyak kebaikan pada hari Kiamat kelak umatku akan ke hulu ke hilir ke sungai itu. Telaganya sebanyak jumlah bintang di langit. Lalu ada seorang dari mereka yang tertahan, maka aku bertanya: "Wahai Tuhanku, sesungguhnya dia termasuk umatku." Kemudian dikatakan: "Sesungguhnya engkau tidak mengetahui apa yang mereka ada-adakan sepeninggalmu." Demikianlah yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad. Hadith ini juga diriwayatkan oleh Muslim, Abu Daud dan Al-Nasa'i. (Ibnu Kathir, 2008)

Wahbah Zuhayli (2014) mengatakan bahawa Allah s.w.t. menjadikan sungai tersebut sebagai kemuliaan bagi Rasulullah s.a.w. dan umat Baginda s.a.w.. Ayat ini juga merupakan bantahan terhadap para musuh yang merendahkan Baginda s.a.w.. Hal ini juga merupakan penyifatan yang berlawanan dengan apa yang diyakini oleh orang-orang kafir yang mengatakan bahawa Allah itu bakhil.

Firman Allah s.w.t.:

فَصَلِّ لِرَبِّكَ وَٱنْحَرْ ۝٢

"Maka dirikanlah sembahyang kerana Tuhanmu dan sembelihlah binatang korban (kerana mensyukuri ni'mat-ni'matNya)."

(Surah al-Kauthar, 108: 2)

Ibnu Juzay (1996) menyebutkan bahawa orang kafir itu solat dengan siulan dan tepukan tangan dan mereka menyembelih kerana berhala. Maka Allah berfirman kepada Nabi s.a.w. yang bermaksud: *"Maka dirikanlah sembahyang kerana Tuhanmu dan sembelihlah binatang korban*

(kerana mensyukuri ni'mat-ni'matNya)." dan bukanlah disebabkan yang selain daripadaNya. Demikian ayat ini merupakan perintah untuk tauhid dan ikhlas. Ibnu 'Aashuur (2000) mengatakan solat adalah perbuatan dan perkataan yang menunjukkan pengagungan dan pujian kepada Allah s.w.t. dan itu adalah salah satu cara bagi menunjukkan rasa syukur atas kurniaNya. Justeru itu, ayat ini merupakan perintah Allah s.w.t. agar kita solat dan menyembelih binatang korban hanya kerana Allah s.w.t. dan bukan selainNya kerana Allah s.w.t. yang memelihara dan menyempurnakan nikmatNya kepada hambaNya.

Kemudian Allah s.w.t. mengakhiri surah ini dengan firmanNya:

إِنَّ شَانِئَكَ هُوَ ٱلْأَبْتَرُ ۝٣

"Sesungguhnya orang yang membenci engkau, dialah yang terputus (daripada mendapat kebaikan dunia dan akhirat)."

(Surah al-Kauthar, 108: 3)

Menurut Ibn Juzay (1996) perkataan (الشانئ) bermaksud orang yang membenci dan mereka itu merupakan para musuh Nabi s.a.w.. Manakala perkataan (الأبتر) menurut Ibnu 'Aashuur (2000) dan Sayyid Tantawi (1998) pula pada asalnya membawa maksud haiwan yang telah dipotong ekornya dan yang dimaksudkan dalam ayat ini adalah seseorang yang tiada penerus keturunan daripada anak lelaki.

Makna perkataan di dalam ayat ini bukanlah sesuatu yang baik, akan tetapi ia diturunkan berkenaan menolak tuduhan al-'Ash bin Wa'il. Ibnu Kathir (2008) menukilkan bahawa Muhammad bin Ishaq meriwayatkan dari Yazid bin Rauman, dia berkata: "Sesungguhnya al-'Ash bin Wa'il apabila dia melihat Rasulullah s.a.w. dia berkata: 'Biarlah orang itu (Rasulullah s.a.w.) kerana dia seorang yang tidak memiliki penerus (keturunan). Jika dia binasa, maka terputuslah penyebutannya.'" Maka Allah s.w.t. pun menurunkan surah ini sebagai bantahan kepada tuduhan orang-orang Musyrik itu.

Juga diriwayatkan oleh al-Bazzar dan perawi lainnya dengan sanad yang sahih dari Ibnu 'Abbas ketika Ka'ab ibn al-Asyraf seorang pembesar Yahudi datang ke Mekah, kaum Quraisy berkata kepadanya: "Tuan adalah pemimpin orang Madinah, bagaimana pendapat tuan mengenai orang-orang yang berpura-pura sabar yang diasingkan oleh kaumnya, yang menganggap bahawa dirinya lebih mulia daripada kita padahal kita adalah penyambut orang-orang yang menunaikan haji, pemberi minum kepada mereka serta penjaga Ka'abah." (al-Sayuti, 2010)

Ibnu Kathir (2008) mengatakan maksud ayat ini bahawa sesungguhnya orang yang membencimu wahai Muhammad serta membenci apa yang engkau bawa baik berupa petunjuk, kebenaran, bukti nyata dan cahaya yang terang benderang adalah orang yang terputus, yang paling sedikit jumlahnya dan paling hina. Para ahli tafsir yang lain juga bersependapat dengan maksud ayat ini. Mereka rata-rata menyatakan sesungguhnya mereka yang membenci Nabi s.a.w. yang terputus dari segala kebaikan dan terhalang daripada setiap kemanfaatan. Al-Maraghi (2001) berkata orang yang membenci Nabi s.a.w. dalam apa jua keadaan adalah orang yang terputus penyebutannya untuk memperoleh kebaikan dunia dan akhirat. Keturunan Nabi s.a.w. akan terus kekal dan tetap terpelihara baik serta kemuliaan ajaran Baginda s.a.w. akan berlanjutan dan berterusan hingga ke hari kiamat.

Jelas dilihat daripada keterangan ayat ini bahawa siapa yang menyekutukan dan mensyirikkan Allah s.w.t. yang sebenarnya terputus dari rahmat Allah s.w.t. dan berada dalam keadaan yang rugi.

Tidak dinafikan ayat-ayat dari dua surah ini diturunkan untuk menghibur hati Nabi s.a.w. yang bersedih kerana cemuhan orang-orang Musyrik yang menuduh Baginda s.a.w. diabaikan oleh Allah s.w.t. dan menggelar dirinya seorang yang terputus jalinan keturunannya, namun tidak dapat dikatakan di sini Nabi s.a.w. itu menghadapi kecelaruan perasaan seperti kemurungan. Perlu disematkan di dalam dada kita semua bahawa Nabi s.a.w. itu ialah seorang yang *maksum* dan kehidupannya adalah teladan bagi ummah. Seandainya Nabi s.a.w. merupakan seorang yang tidak sihat atau tidak waras fikiran atau ingatannya seperti yang disalahertikan oleh masyarakat dari definisi penyakit mental masa kini, bagaimanakah Baginda dapat meneruskan perjuangan dakwahnya? Juga tidak dapat kita tafsirkan ayat-ayat al-Qur'an sesuai dengan kehendak kita dan perlulah bersandarkan dengan tafsiran-tafsirannya yang betul daripada kitab-kitab tafsir yang *muktabar.* Untuk dijadikan sebagai pedoman itu boleh dan lebih-lebih lagi digalakkan, namun jangan sesekali kita membuat andaian sendiri yang tidak berasaskan daripada nas al-Qur'an dan Hadith.

Adakah wujud tema *SELF-CARE* dan *SELF-HEALING* di dalam al-Qur'an?

Menjaga kesihatan fizikal, mental dan emosi seseorang dikenali sebagai penjagaan diri. Ia termasuk mengambil bahagian dalam aktiviti yang meningkatkan kesejahteraan, seperti senaman, pemakanan yang sihat, tidur yang mencukupi, dan mengambil bahagian dalam kaedah untuk meredakan tekanan, seperti meditasi atau introspeksi. Penjagaan diri membolehkan seseorang mengutamakan keperluan mereka sendiri dan mengekalkan keseimbangan yang sihat dalam kehidupan mereka, yang merupakan sebab mengapa ia sangat penting.

Selain itu, amalan Islam seperti solat, puasa, dan zikir adalah contoh perawatan dan penyembuhan diri, yang bertujuan untuk meredakan tekanan, menenangkan fikiran, dan meningkatkan hubungan spiritual dengan Allah s.w.t. Oleh itu, ajaran Islam tentang menjaga diri, kesihatan, dan

keseimbangan dalam hidup tercermin di dalam al-Qur'an, walaupun al-Qur'an tidak secara eksplisit membahas konsep "*self-care*" dan "*self-healing*" seperti yang kita kenali hari ini, akan tetapi terdapat banyak ayat yang dapat dihubungkaitkan dengan topik ini.

Al-Qur'an memang tidak menyebutkan secara jelas dan langsung tentang pentingnya menjaga kesihatan mental dan cara untuk mengubati kesihatan mental yang terganggu. Namun secara implisit al-Qur'an menjelaskan hal tersebut. Salah satu metode *self-healing* adalah dengan zikir sebagaimana yang dijelaskan pada surah al-Ra'd ayat 28:

ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَتَطۡمَئِنُّ قُلُوبُهُم بِذِكۡرِ ٱللَّهِۗ أَلَا بِذِكۡرِ ٱللَّهِ تَطۡمَئِنُّ ٱلۡقُلُوبُ ٢٨

"*(Iaitu) orang-orang yang beriman dan hati mereka tenteram dengan zikrullah (mengingat Allah Subhânahu wa Ta'âlâ)." Ketahuilah dengan zikrullah itu hati menjadi tenteram*".

(Surah al-Ra'd, 13: 28)

Dengan "*zikrullah*" hati manusia menjadi tenang dan tenteram dengan mengingat Allah. Tenteram adalah ketenangan dan kestabilan hati serta kerinduannya kepada Allah s.w.t. Kita sering menemukan orang yang menerima takdir Allah dengan pasrah dan ingat bahawa dia memiliki Tuhan Yang Maha Kuasa, kerana itu hatinya sentiasa tenteram dalam menghadapi setiap peristiwa. Ayat ini turun sebelum ayat tentang keraguan yang disebarkan kaum kafir tentang mukjizat yang mereka pinta sebagaimana telah turun kepada para nabi sebelumnya. Tapi desas-desus ini tidak menggoyahkan iman kaum mukmin. Untuk itu turunlah ayat yang menyejukkan hati ini; iaitu orang-orang yang beriman dan tenang tenteram hati mereka dengan "zikrullah". Kata "zikir" menurut istilah al-Qur'an memiliki maksud yang pelbagai (al-Sya'rawi, 1997), seperti yang berikut:

Pertama: Al-Qur'an. Ini berdasarkan firman Allah s.w.t.:

﴿إِنَّا نَحۡنُ نَزَّلۡنَا ٱلذِّكۡرَ وَإِنَّا لَهُۥ لَحَٰفِظُونَ ٩﴾

"*Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan al-Qur'an dan sesungguhnya Kami benar-benar Pemeliharanya (daripada perubahan, penyelewengan, penambahan dan pengurangan)*".

(Surah al-Hijr, 15: 9)

Kedua: Rasul. Ini diambil daripada firman Allah s.w.t.:

﴿وَمَآ أَرۡسَلۡنَا مِن قَبۡلِكَ إِلَّا رِجَالٗا نُّوحِيٓ إِلَيۡهِمۡۖ فَسۡـَٔلُوٓاْ أَهۡلَ ٱلذِّكۡرِ إِن كُنتُمۡ لَا تَعۡلَمُونَ ٤٣﴾

"*Dan Kami tidak mengutus (rasul-rasul) sebelummu (wahai Nabi Muhammad) melainkan laki-laki yang Kami kurniakan wahyu kepada mereka. Maka bertanyalah kepada orang-orang yang mempunyai pengetahuan (mengenai kitab-kitab Allah) jika benar kamu tidak mengetahui*".

(Surah al-Nahl, 16: 43)

Ketiga: Peringatan. Allah s.w.t. berfirman:

﴿ وَإِنَّهُۥ لَذِكۡرٞ لَّكَ وَلِقَوۡمِكَۖ وَسَوۡفَ تُسۡـَٔلُونَ ٤٤ ﴾

"*Dan sesungguhnya al-Qur'an itu adalah menjadi peringatan kepadamu (wahai Nabi Muhammad) dan kepada kaummu, dan kamu akan dipertanggungjawabkan (mengenainya di akhirat)*".

(Surah al-Zukhruf, 43: 44)

Keempat: Mengingati Allah. Firman Allah s.w.t.:

﴿ فَٱذۡكُرُونِيٓ أَذۡكُرۡكُمۡ وَٱشۡكُرُواْ لِي وَلَا تَكۡفُرُونِ ١٥٢ ﴾

"*Maka ingatlah kamu kepadaKu (dengan melakukan sembahyang, berzikir dan lain-lain perbuatan taat) nescaya Aku akan mengingati kamu. Dan bersyukurlah kepadaKu (dengan taat mengerjakan suruhanKu) dan janganlah kamu mengingkariKu (dengan berbuat derhaka dan maksiat)*".

(Surah al-Baqarah, 2: 152)

Apabila "zikir" memiliki makna yang pelbagai, pastinya kita akan menemukan ketenteraman dalam salah satu maksud zikir di atas. Dengan mengingat Allah hati menjadi tenteram, dengan meneladani akhlak dan sahsiah Rasulullah s.a.w. hati menjadi damai, dengan merenungi peringatan Allah hati menjadi sejuk dan bila membaca al-Qur'an hati menjadi bahagia.

A-Sya'rawi (1997) menyebutkan bahawa kaum orientalis berusaha menimbulkan polemik seputar ayat ini. Mereka bertanya: Kenapa dalam ayat ini disebutkan bahawa dengan zikir, hati menjadi tenteram, sedangkan dalam surah al-Anfaal ayat ke-2 menyebutkan:

﴿ إِنَّمَا ٱلۡمُؤۡمِنُونَ ٱلَّذِينَ إِذَا ذُكِرَ ٱللَّهُ وَجِلَتۡ قُلُوبُهُمۡ وَإِذَا تُلِيَتۡ عَلَيۡهِمۡ ءَايَٰتُهُۥ زَادَتۡهُمۡ إِيمَٰنٗا وَعَلَىٰ رَبِّهِمۡ يَتَوَكَّلُونَ ٢ ﴾

"*Sesungguhnya orang-orang yang (benar-benar) beriman itu ialah mereka yang apabila disebut nama Allah gementarlah hati mereka dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayatNya, bertambah (kuat) iman mereka dan hanya kepada Tuhan mereka sahajalah mereka bertawakal*".

(Surah al-Anfaal, 8: 2)

Dari dua ayat yang berlawanan ini, kaum orientalis menimbulkan pertanyaan mana yang benar. Al-Sya'rawi (1997) menjawab bahawa sekiranya mereka memahami al-Qur'an dengan benar, nescaya mereka akan memahami perbezaan antara dua ayat tersebut. Dua ayat ini tidak saling bertentangan malah sebaliknya saling melengkapi antara satu sama lain. Bila seorang manusia lupa akan Tuhannya, maka saat disebut namaNya hatinya pun bergetar.

Atau boleh juga menggunakan maksud bahawa Allah berfirman kepada seluruh manusia yang memiliki perasaan dan keterbatasan. Manusia pasti melakukan kesalahan kecuali nabi yang maksum. Ketika disebutkan nama Allah, sedangkan dia pernah berbuat salah, pasti hatinya akan bergetar. Namun saat dia mengingat keampunan Allah yang begitu luas, hatinya pun kembali tenteram.

Oleh demikian, al-Maraghi (1998) menguatkan tafsiran ini dengan mengatakan bahawa mereka adalah orang yang beriman, iaitu hati mereka selalu cenderung kepada Allah s.w.t. dan berasa tenteram ketika mengingati-Nya. Apabila mereka berasa ragu-ragu tentang kewujudan-Nya, pasti nampak kepada mereka dalil yang menunjukkan keesaan Allah s.w.t. dalam beberapa ayat dan keajaiban penciptaanNya. Sesungguhnya dengan mengingati Allah s.w.t. semata-mata hati golongan mukmin akan menjadi tenang, hilanglah kegelisahan kerana ketakutan mereka kepada-Nya. Allah s.w.t. telah melimpahkan cahaya keimanan kepada mereka, dan telah melenyapkan segala kegelisahan dan kesedihan. Ayat ini seerti dengan firman Allah s.w.t. di dalam ayat lain:

«ثُمَّ تَلِينُ جُلُودُهُمْ وَقُلُوبُهُمْ إِلى ذِكْرِ اللَّهِ».

"*Apabila mendengar atau membaca ayat-ayat azab), bergetarlah kulit orang-orang yang takutkan Tuhan mereka, kemudian (sesudah mendengar atau membaca ayat-ayat rahmat) tenanglah kulit dan hati mereka (lalu cenderung) kepada mengingati Allah*".

(Surah al-Zumar, 39: 23)

Hati orang mukmin akan berasa gementar apabila mengingati seksaan Allah s.w.t. dan apabila mengingati keadaan diri mereka yang tidak terlepas daripada melakukan maksiat, sebagaimana firman Allah s.w.t.:

«إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ الَّذِينَ إِذا ذُكِرَ اللَّهُ وَجِلَتْ قُلُوبُهُمْ»

"*Sesungguhnya orang-orang yang (benar-benar) beriman itu ialah mereka yang apabila disebut nama Allah gementarlah hati mereka dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayatNya, bertambah (kuat) iman mereka*".

(Surah al-Anfaal, 8: 2)

Apabila mengingat janjiNya yang berupa pemberian pahala dan rahmat, lalu jiwa mereka menjadi tenang, dan lenyaplah kegelisahan dan kesedihan. Dalam ayat ini menunjukkan hati orang kafir menjadi hampa. lantaran mereka tidak berasa tenang dengan mengingati Allah s.w.t., tetapi berasa tenang dengan keduniaan dan cenderung kepada kesenangannya (al-Maraghi (terj.), 2001).

Self-care dan *self-healing* merangkumi perawatan diri secara keseluruhan, termasuk aspek fizikal, mental, emosional, dan sosial. Meskipun perawatan fizikal adalah penting, beberapa aspek kesejahteraan lain juga harus dipertimbangkan. Berikut adalah beberapa cara yang dilakukan oleh orang untuk menjaga diri mereka dan menyembuhkan diri mereka sendiri. Dari aspek fizikal, seperti latihan fizikal, diet seimbang, tidur, dan sebagainya. Dari aspek mental dan emosional, seperti kaunseling atau terapi, mengekalkan perspektif positif, menghindari stres berlebihan. Dari aspek sosial pula; seperti mengekalkan hubungan yang sihat, meminta sokongan, berkhidmat dan jaringan sosial.

Penting untuk diingat bahawa penjagaan diri dan penyembuhan diri adalah proses individu, dan tidak ada satu pendekatan yang sesuai untuk setiap orang. Sebaik-baiknya, sesuaikan kaedah dengan keperluan dan kehendak kita, dan sentiasa bersedia untuk berunding dengan pakar perubatan apabila diperlukan.

Walau bagaimanapun, bagaimana perbincangan ini dilihat dari sudut pandang tafsir al-Qur'an? Allah s.w.t. berfirman:

مَآ أَصَابَ مِن مُّصِيبَةٍ فِي ٱلۡأَرۡضِ وَلَا فِيٓ أَنفُسِكُمۡ إِلَّا فِي كِتَٰبٖ مِّن قَبۡلِ أَن نَّبۡرَأَهَآۚ إِنَّ ذَٰلِكَ عَلَى ٱللَّهِ يَسِيرٞ ٢٢

"*Tiada suatu musibah pun yang menimpa di bumi dan tidak pula pada diri kamu sendiri melainkan (telah tertulis) di dalam kitab (Lauh Mahfuzh) sebelum Kami menciptakannya. Sesungguhnya yang demikian itu adalah mudah bagi Allah*".

(Surah al-Hadid, 57: 22)

Semua perkara sama ada yang buruk atau baik, telah ditakdirkan dan tertulis di dalam Lauh al-Mahfuzh oleh Allah s.w.t. sebelum perkara-perkara tersebut wujud. Dalam konteks ayat ini, "musibah" merujuk kepada segala perkara, baik buruk, dan dijadikan dalam bentuk penekanan kerana ia adalah yang paling penting kepada manusia. Dalam frasa "di bumi" ia merujuk kepada kekurangan hujan, gempa bumi, dan seumpamanya. Sementara frasa "di dalam diri kamu" bermaksud kematian, kemiskinan, dan lain-lain. "Dan Kami pernah menuliskannya" bermaksud Allah menciptakan dan menjadikannya wujud (Ibnu Juzay, 1996).

Allah s.w.t. menyambung lagi dengan firmanNya:

لِّكَيۡلَا تَأۡسَوۡاْ عَلَىٰ مَا فَاتَكُمۡ وَلَا تَفۡرَحُواْ بِمَآ ءَاتَىٰكُمۡۗ وَٱللَّهُ لَا يُحِبُّ كُلَّ مُخۡتَالٖ فَخُورٍ

"*(Kami menjelaskan yang demikian itu) supaya kamu tidak bersedih terhadap apa yang telah luput daripada kamu dan tidak pula bergembira dengan apa yang dikurniakanNya kepada kamu. Dan Allah tidak suka tiap-tiap orang yang sombong lagi membangga-banggakan diri*".

(Surah Al-Hadid, 57: 23)

Pernyataan ayat ini adalah untuk tidak bersedih dengan kehilangan yang telah terjadi atau berlebihan dalam kegembiraan atas pemberian yang telah diterima. Allah s.w.t. mengingatkan kita untuk menjaga keseimbangan emosi dan perilaku kita. Kita tidak boleh bersedih secara berlebihan sehingga hal itu membawa kita kepada kerosakan atau putus asa. Di sisi lain, kita juga tidak boleh bersenang-senang secara berlebihan sehingga kita menjadi sombong dan terlalu berbangga diri. Ayat ini menunjukkan bahawa kita harus menjaga keseimbangan emosi, tidak terlalu terpengaruh oleh kehilangan atau kemenangan, dan selalu bersyukur kepada Allah atas segala yang diberikan-Nya. Allah mengisyaratkan bahwa Dia mengutuk kesombongan yang melibatkan perasaan bangga dan keangkuhan diri. Sementara kegembiraan yang muncul dari rasa syukur atas nikmat-Nya adalah hal yang dianugerahkan (al-Razi, 1999).

Oleh yang demikian, al-Maraghi (1998) menegaskan bahawa ilmu dan takdir Allah s.w.t. terhadap segala sesuatu telah mendahuluinya sebelum ia diciptakan supaya kamu tahu bahawa apa yang menimpa kamu bukanlah kebetulan dan apa yang tidak akan menimpa kamu, tidak akan menimpa kamu. Jadi janganlah bersedih atas apa yang hilang dari kamu dan janganlah terlalu bergembira tentang apa yang datang kepadamu.

Kesimpulan dari ayat-ayat yang dibincangkan ini jelas menunjukkan bahawa kesedihan yang tercela ialah kesedihan yang mengeluarkan seseorang menuju kepada suatu sikap yang menghilangkan kesabaran dan penyerahannya kepada perintah Allah s.w.t., di samping menghilangkan pengharapan kepada pahala Allah s.w.t.. Kegembiraan yang terlarang ialah kegembiraan yang menjadikan seseorang melampaui batas sehingga lalai untuk bersyukur. Orang yang bongkak lagi sombong itu dimurkai oleh Allah s.w.t. dan tidak diredainya.

Menyentuh tentang manfaat *self-care* dan *self-healing* di awal perbincangan ini tadi, beberapa penyelidikan telah menunjukkan bahawa mengamalkan penjagaan diri dan pemulihan diri boleh memberikan kesan positif yang banyak kepada kesihatan mental dan fizikal. Contohnya, senaman berkala telah didapati dapat meningkatkan mood, mengurangkan simptom kebimbangan dan kemurungan, serta meningkatkan kesejahteraan keseluruhan (Penedo & Dahn, 2005). Demikian juga, kasih sayang terhadap diri sendiri, komponen penting penjagaan diri, telah dikaitkan dengan kesejahteraan psikologi yang lebih besar dan niat perilaku yang lebih sihat (Sirois, 2017; Neff, 2003).

Selain itu, amalan penjagaan diri dan pemulihan diri dapat membantu individu menguruskan tekanan dan membangunkan daya tahan. Tekanan kehidupan seharian boleh membawa kesan merosakkan kepada kesihatan fizikal dan mental (Selye, 1976). Walau bagaimanapun, melibatkan diri dalam aktiviti seperti meditasi, kesedaran, dan teknik-relaksasi boleh membantu mengurangkan tahap tekanan dan meningkatkan hasil kesihatan keseluruhan (Lutgendorf & Costanzo, 2003).

Topik *self-care* dan *self-healing* ini telah mendapat populariti sebagai strategi untuk individu menghadapi kepenatan sosial, tekanan emosi, dan jangkaan masyarakat. Konsep-konsep ini menekankan kepentingan menjaga diri dari segi fizikal, emosi, dan mental. Sebagai kesimpulan, konsep penjagaan diri dan penyembuhan diri boleh didapati secara tidak langsung dalam ajaran al-Qur'an. Al-Qur'an menggalakkan pembacanya untuk menjaga kesihatan badan dan jiwa mereka, dan ia menawarkan cara untuk sembuh melalui pengampunan dan taubat. Dengan taubat yang tulus, manusia boleh memulihkan hubungan mereka dengan Tuhan, sehingga jiwa mereka boleh pulih daripada dosa dan kesalahan. Oleh itu, dengan memahami dan mengamalkan nilai-nilai ini, seseorang boleh mencapai kesejahteraan dan kedamaian dalam kehidupan mereka.

Adakah semua orang boleh bercakap tentang kesihatan dan penyakit mental?

Melihat kepada perkembangan teknologi dan media masa kini tidak dinafikan bahawa penyebaran sesuatu maklumat itu lebih cepat dan pantas untuk sampai kepada khalayak ramai tanpa mengira status, kebolehan dan keperluan. Justeru dengan adanya alat-alat canggih ini, siapa sahaja boleh berkongsi maklumat dan fakta yang belum tentu diketahui kesahihannya. Semua orang boleh berbicara tentang apa sahaja sesuai dengan keinginan dan kehendak hati mereka.

Namun begitu, tidaklah semua perkara itu dapat dibincangkan tanpa ahli atau pakarnya. Terutama sekali tentang isu kesihatan dan penyakit mental atau apa sahaja isu yang membabitkan keselamatan nyawa, keluarga serta masyarakat amnya. Perkara ini bersandarkan dengan firman Allah s.w.t. di dalam surah al-Nahl ayat 43:

وَمَآ أَرۡسَلۡنَا مِن قَبۡلِكَ إِلَّا رِجَالٗا نُّوحِيٓ إِلَيۡهِمۡ فَسۡـَٔلُوٓاْ أَهۡلَ ٱلذِّكۡرِ إِن كُنتُمۡ
لَا تَعۡلَمُونَ ٤٣

"Dan Kami tidak mengutus (rasul-rasul) sebelummu (wahai Nabi Muhammad) melainkan laki-laki yang Kami kurniakan wahyu kepada mereka. Maka bertanyalah kepada orang-orang yang mempunyai pengetahuan (mengenai kitab-kitab Allah) jika benar kamu tidak mengetahui."

(Surah al-Nahl, 16: 43)

Al-Qurtubi (2000) menerangkan bahawa ayat ini turun berkaitan dengan orang-orang musyrik Mekah yang mengingkari kenabian Nabi Muhammad s.a.w. Mereka berkata: "Allah Maha Agung jika utusannya hanya seorang manusia. Apakah Dia tidak mengutus seorang malaikat kepada kami?"

Allah s.w.t. menjawab keingkaran mereka itu dengan firman-Nya: (وما أرسلنا من قبلك) *"Dan Kami tidak mengutus (rasul-rasul) sebelummu (wahai Nabi Muhammad)"* iaitu kepada umat-umat yang lalu wahai Muhammad, (إلا رجالا) *"melainkan laki-laki"* yang dari bangsa manusia. (فَسْـَٔلُوٓاْ أَهْلَ ٱلذِّكْرِ) *"Maka bertanyalah kepada orang-orang yang mempunyai pengetahuan (mengenai kitab-kitab Allah)"* Sufyan berkata, "maksudnya, orang-orang mukmin dari kalangan ahli kitab." (إِن كُنتُمْ لَا تَعْلَمُونَ) *"jika benar kamu tidak mengetahui."* Maka mereka (Ahli Kitab) akan menyampaikan kepada kalian bahawa semua nabi adalah manusia biasa.

Ibnu 'Abbas berpendapat bahawa (أَهْلَ ٱلذِّكْرِ) yang dimaksudkan disini ialah ahli al-Qur'an. Manakala ada pula yang berpendapat ia bermaksud ahli 'ilmu pengetahuan. Namun kedua-duanya memiliki maksud yang sangat berdekatan.

Al-Razi (1999) juga menerangkan mengenai ayat ini dengan perincian yang mudah dan ringkas. Beliau turut sama menegaskan di dalam ayat ini bahawa Allah s.w.t. menepis keingkaran kaum musyrik akan kenabian Nabi Muhammad s.a.w. bahawa sedari awal penciptaan lagi Allah s.w.t. hanya membangkitkan para rasul dari kalangan manusia. Ayat ini juga turut membuktikan bahawa Allah s.w.t. tidak menjadikan para rasul itu dari kalangan wanita dan juga tidak dari malaikat. Allah s.w.t. berfirman:

جاعِلِ الْمَلائِكَةِ رُسُلًا

"Yang menjadikan malaikat-malaikat sebagai utusan"

(Surah Faathir, 35: 1)

Ayat ini merupakan dalil bahawa malaikat merupakan utusan Allah s.w.t dari kalangan para malaikat yang lain. Ayat ini jelas menunjukkan bahawa Allah s.w.t. tidak mengutuskan seorang rasul daripada kalangan malaikat kepada manusia.

Manakala perihal pentafsiran ayat (فَسْـَٔلُوٓاْ أَهْلَ ٱلذِّكْرِ إِن كُنتُمْ لَا تَعْلَمُونَ) juga dijelaskan oleh Al-Razi (1999) di dalam kitabnya. Makna (أَهْلَ ٱلذِّكْرِ) mempunyai pelbagai maksud. Ibnu 'Abbas berkata bahawa yang dimaksudkan adalah Ahli Taurat. Al-Zajjaj pula mengatakan bahawa yang

dimaksudkan adalah Ahli Kitab (أهل الكتب) yang mengetahui isi makna kitab-kitab Allah s.w.t. Justeru sesungguhnya mereka mengetahui bahwasanya para nabi itu kesemuanya adalah dari kalangan manusia. Selain itu, ada pula yang berpendapat bahawa yang dimaksudkan adalah ahli ‘ilmu pengetahuan tentang berita yang telah terjadi atau yang telah lalu. Al-Zajjaj juga sekali lagi menafsirkan maksudnya adalah bertanya kepada mereka yang berpaksikan dengan ilmu dan kebenaran. Kemudian al-Razi menyimpulkan bahawa jelaslah mereka orang-orang musyrik Mekah merasa ragu bilamana mereka mengatakan Allah Maha Agung daripada menjadikan utusan-Nya dari seorang manusia dan mereka percaya bahawa orang Yahudi dan Nasrani adalah orang yang memiliki ilmu dan kitab. Maka Allah s.w.t. memerintahkan mereka untuk merujuk kembali permasalahan ini kepada orang Yahudi dan Nasrani bagi menjelaskan kepada mereka mengenai keraguan dan kepalsuan ini. Al-Sya‘rawi (2004), al-Maraghi (2001) dan Ibnu Juzay (1996) bersependapat dengan hal ini kerana mereka yang dari kalangan orang Yahudi dan Nasrani adalah saksi bahawa para rasul itu kesemuanya diutus dari kalangan manusia.

Al-Razi (1999) juga membincangkan di dalam tafsiran ayat ini mengenai percanggahan pendapat sama ada dibolehkan bagi seorang *mujtahid* untuk mengikut seorang *mujtahid* yang lain? Di antara mereka ada yang membolehkan dan mereka bersandarkan dengan ayat ini. Mereka berkata bilamana tidak ada seorang pun tahu daripada para *mujtahidin* mengenai sesuatu perkara, maka wajib merujuk kepada *mujtahid* lain yang lebih tahu sesuai dengan firman Allah s.w.t.: *“Maka bertanyalah kepada orang-orang yang mempunyai pengetahuan (mengenai kitab-kitab Allah), jika benar kamu tidak mengetahui.”* Seandainya tidak dihukumkan wajib, maka hukumnya tidak kurang daripada harus.

Maka disini dapat kita lihat keingkaran orang-orang musyrik Mekah mengenai kenabian para rasul sebagai satu contoh yang mengarahkan mereka untuk merujuk kepada yang benar-benar tahu bagi meleraikan keraguan mereka. Ini bermaksud ayat tersebut boleh digunakan sebagai dalil umum bahawa apa saja ilmu atau berita tentang sesuatu, perlulah ditanyakan terlebih dahulu kepada ahli pakar bidang. Lebih-lebih lagi dalam hal berkaitan agama dan kesihatan, tidak wajar untuk memahaminya dengan fahaman sendiri yang belum tentu betul.

Dalam konteks penyakit mental, seseorang itu perlu mendapatkan diagnosis tepat daripada pakar bidang berkenaan penjagaan kesihatan mental seperti ahli psikiatri dan ahli psikologi dan seterusnya mendapatkan rawatan yang sewajarnya. Ia tidak cukup untuk disandarkan kepada amalan beragama tanpa dalil yang sahih. Bidang ilmu perubatan dan juga agama, malah semua disiplin ilmu memerlukan *evidence-based practise* iaitu bersandarkan kepada kaedah dan kajian yang menghasilkan bukti yang signifikan serta boleh digunapakai. Apabila tidak seorang pun tahu mengenai sesuatu perkara janganlah dia sesuka hati mentafsirkan dan menyebarkan kesalahfahaman bahkan wajib baginya berpandukan kepada orang yang lebih mengetahui daripada dirinya.

KESIMPULAN

Tafsir 'Ilmi adalah salah satu asas tafsir moden, dan ia terus menjadi trend masa kini. Metodologi ini bertujuan untuk meneroka kaedah ayat-ayat al-Qur'an ditafsirkan secara saintifik berdasarkan fakta yang benar dan dibuktikan secara eksperimen melalui kaedah dan instrumen kajian yang tidak wujud pada zaman turunnya al-Qur'an. Al-Qur'an mengandungi banyak ilmu, seperti sains. Walau bagaimanapun, al-Qur'an bukan kitab sains; sebaliknya ia adalah kitab hidayah daripada Allah s.w.t. dan mukjizat terbesar Rasulullah s.a.w.

Adapun kekeliruan dan salah faham mengenai al-Qur'an telah dianggap sebagai akibat kerakusan manusia untuk menarik perhatian, terutamanya apabila ia berkaitan dengan subjek akademik. Selain itu, ledakan kemajuan teknologi telah menjadikan semua perkara mudah diakses. Natijahnya, tiada rujukan yang lengkap, mendalam, bernas dan tepat ciri tafsiran ilmu yang sahih. Proses kejadian manusia tidak sekompleks penciptaan alam semesta.

Proses kejadian manusia tidak sekompleks penciptaan alam semesta. Secara ringkas, manusia diisyaratkan dengan perkataan "*al-Insaan*" secara umum di dalam al-Qur'an. Lafaz tersebut memiliki beberapa makna seperti kejadian manusia dari mula hingga akhir, sebagai bentuk penghinaan, dan manusia yang menentang nikmat dan kuasa Allah s.w.t. Selain itu, terdapat jua lafaz lain yang membawa maksud manusia, iaitu "*al-Bashar*". Ia merujuk kepada manusia dewasa yang beriman. Akan tetapi, teori sains bertentangan dengan fakta al-Qur'an ini. Seperti kedua-dua lafaz "*al-Insaan*" dan "*al-Bashar*" merujuk kepada "*hominid*" menurut saintis yang menyokong teori evolusi Darwin.

Nabi Adam a.s. melalui beberapa peringkat penciptaan sebelum menerima roh dan menjadi manusia yang hidup. Pertama, tanah bercampur dengan air menjadi tanah liat. Ia menjadi keras dan kering seperti bata. Ini menunjukkan bahawa Allah s.w.t. mencipta Adam daripada sebilangan kecil tanah yang mempunyai sifat dan jenis tanah yang berbeza.

Sebagai kesimpulan, setiap pembaca dan penganalisis buku tafsir al-Qur'an saintifik mesti memahami dan menyedari sepenuhnya peraturannya, dan berhati-hati dengan kaedah semasa menggunakannya untuk menerangkan maksud ayat kepada kebenaran saintifik yang telah ditemui. Ini lebih tertumpu kepada penggunaan metodologi pentafsiran al-Qur'an yang diiktiraf oleh ulama Tafsir mengikut ilmu Usul al-Tafsir, iaitu (i) Tafsir bi al-Ma'thur dan (ii) Tafsir bi al-Ra'y al-Mahmud.

Oleh sebab itu, minat para ulama terhadap tafsiran saintifik terserlah dengan pelbagai kaedah dan metode penulisan. Ada yang mengkhususkannya secara bebas, atau menanganinya dalam bahagian tersendiri dalam penulisan mereka, sama ada dalam ilmu al-Qur'an atau dalam bidang lain. Ada pula yang menanganinya dalam pengenalan kepada tafsiran mereka terhadap al-Qur'an atau

semasa tafsiran mereka terhadap ayat-ayat *Kauniyyat*. Walau bagaimanapun, mereka yang meneliti tafsiran saintifik mesti mengambil kira syarat dan kaedah Tafsir 'Ilmi yang betul sambil menerapkannya dalam menerangkan maksud ayat kepada kebenaran saintifik yang ditemui yang akan membantu masyarakat lebih maju pada masa hadapan.

Kepentingan dalam pentafsiran saintifik pada zaman sekarang adalah salah satu daripada kaedah dakwah, kerana ia dianggap sebagai salah satu senjata yang paling berkesan dalam menetapkan bukti terhadap mereka yang meragui kenabian Nabi Muhammad s.a.w. Melaluinya, terungkaplah keajaiban saintifik al-Qur'an. Ia benar-benar terbukti daripada Allah s.w.t. Yang Maha Kuasa, melalui lisan RasulNya s.a.w. untuk menjadi 'ibrah dan pengajaran bagi yang mentadabbur ayat-ayat *Kauniyyat*.

Semoga hasil kajian dan penulisan tajuk "*Kejadian Manusia*" ini memberikan manfaat yang diharapkan untuk semua golongan masyarakat Islam dan selainnya, khususnya di negara-negara anggota MABIMS.

BIBLIOGRAFI

Rujukan Bahasa Arab

Al-Aaluusi, Abu al-Fadhl Shahab al-Din al-Sayyid Mahmud. (1999). *Ruh al-Ma'ani fi Tafsir al-Qur'an al-'Azim wa al-Sab' al-Mathani*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.

Ibnu 'Aashuur, Muhammad al-Thahir bin Muhammad bin Muhammad al-Thahir. (2000). *Al-Tahrir wa Al-Tanwir.* Tunis: Dar al-Tunisiah.

Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. (2001). *Ihya' Ulumuddin.* Beirut: Dar Al-Ma'rifah.

Al-Jumal, Sulayman bin 'Umar al-'Ajli. (1996). *Al-Futuhat al-Ilahiyyah bi Tawdih Tafsir al-Jalalayn li al-Daqa'iq al-Khafiyyah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Al-Jurjani, Ali bin Muhammad bin Ali Al-Zain Al-Syarif. (1983). *Al-Ta'rifaat.* Beirut: Dar Al-Kutb Al-'Ilmiyah.

Ibnu Juzay, Muhammad bin Ahmad bin Muhammad bin 'Abdullah. (1996). *Al-Tashil li 'Ulum Al-Tanzil.* Beirut: Dar al-Arqam bin Abi al-Arqam.

Al-Kafawi, Ayyub bin Musa Al-Husayni Al-Qarimi. (t.th.). *Al-Kulliyyat Mu'jam fii Al-Musthalahat wa Al-Furu' Al-Lughawiyyah.* Beirut: Muassasah Al-Risalah.

Ibnu Kathir, Abu al-Fida' Isma'il bin 'Umar. (2000). *Tafsir al-Qur'an al-'Azim.* Beirut: Dar Ibn Hazm.

Al-Khalidi, Solah 'abd al-Fattah. (2013). *Lata'if Qur'aniyyah*. Cet. Ke-5. Damsyiq: Dar al-Qalam.

_____. (2016). *Sirah Adam a.s*. Jordan: Dar al-Faruq.

Al-Maraghi, Ahmad bin Mustafa. (1998). *Tafsir Al-Maraghi.* Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Al-Qurtubi, Muhammad bin Ahmad bin Abi Bakr bin Farh Al-Ansari Al-Khazraji Syamsuddin. (2000). *Tafsir Al-Qurtubi.* Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Al-Razi, Abu 'Abdullah Muhammad bin 'Umar bin al-Hassan bin al-Hussain al-Taimiy. (1999). *Mafatih al-Ghayb.* Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.

Al-Sabuni, Muhammad Ali. (1997). *Safwatut Tafsir.* Kaherah: Dar al-Shabuni.

Sa'id Hawwa. (1993). *Al-Asas fi al-Tafsir*. Cet. Ke-4. Mesir: Dar al-Salam.

Al-Sawafi, Sa'id bin Rashid. (2017) *Lafza al-Bashar wa al-Insan fi al-Qur'an al-Karim Dirasah Lughawiyyah Dalaliyyah*. Majallah Jami'ah Nizwa. Sanah 2. 'Adad 2.

Al-Sya'rawi, Muhammad Mutawalli. (1997). *Tafsir Al-Sya'rawi.* t.p: Mathabi' Akhbar al-Youm.

Al-Suyuti, 'Abd al-Rahman bin Abi Bakr Jalaluddin. (t.t.). *Lubab Al-Nuqul fi Asbab Al-Nuzul.* Beirut: Dar al-Kutb al-'Ilmiyah.

Al-Tabari, Abu Ja'far Muhammad bin Jarir. (1999). *Jami' al-Bayan fi Ta'wil al-Qur'an*. Cet. Ke-3. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Tantawi, Muhammad Sayyid. (1997). *Al-Tafsir Al-Wasith li Al-Qur'an Al-Karim.* Jilid 1 – 5. Kaherah: Dar Nahdhah Mesir.

Tantawi, Muhammad Sayyid. (1998). *Al-Tafsir Al-Wasith li Al-Qur'an Al-Karim.* Jilid 6 – 15. Kaherah: Dar Nahdhah Mesir.

Al-Zuhayli, Wahbah bin Mustafa. (1997). *Tafsir al-Munir fi Al-'Aqidah wa Al-Syari'ah wa Al-Manhaj.* Damshik: Dar al-Fikr al-Mu'asir.

Rujukan Bahasa Melayu/ Terjemahan

Alu Syaikh, 'Abdullah bin Muhammad. (2023). *Lubab al-Tafsir min Ibn Kathir*. (Penterjemah: M. Abdul Ghoffar & Abu Ihsan al-Atsari). Malaysia: Telaga Biru.

Azizi Yahaya & Tan Soo Yin. (2007). *Kesihatan Mental.* Malaysia: UTM Press.

Azlan Shah Nabees Khan. (2020). *Nabi Adam 'Alaihissalam Keampunan Allah Ada untuk Kita Yang Mencari*. Malaysia: Iman Publication Sdn Bhd.

Danial Zainal Abidin. (2017). *Quran Saintifik Meneroka Kecemerlangan Quran daripada Teropong Sains*. Cet. Ke-7. Malaysia: PTS Millennia Sdn. Bhd.

Hamka. (2017). *Tafsir Al-Azhar*. Cet. ke-2. Malaysia: PTS Publishing House Sdn. Bhd.

Harun Yahya. (2006). *Keajaiban Penciptaan Manusia.* (penterjemah: Rohidzir Rais). Malaysia: Perniagaan Jahabersa.

Hisham Thalbah… (et al.). (2008). *Ensiklopedia Mukjizat Al-Qur'an dan Hadis: Kemukjizatan Penciptaan Manusia.* (penterjemah: Syarifah Hade… (et al.). t.t: PT. Sapta Sentosa.

Hudzaifah Ismail. (2012). *Kerajaan Al-Qur'an.* Jakarta: Penerbit Al-Mahira.

Kamus Dewan Edisi Keempat. (2007). Cet. Ke-2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Khairi Jalalluddin, Roziah Sidik @ Mat Sidek, Faizal K.P Kunchi Mohamed, Norshariani Abd Rahman. (2022). *Teori Evolusi Manusia daripada Perspektif Sarjana Islam Kontemporari*. Firdaus Journal. Vol 2 No 2 2022.

Al-Khalidi, Salah Abdul Fattah. (2017). *Oh, Begitu Rupanya Kisah Nabi Adam Alaihissalam*. (Penterjemah: Azrul Azlan & A. Hadi Abd Aziz). Cet. Ke-2. Malaysia: Al-Khalidi Global Resources.

Al-Maraghiy, Ahmad Mustafa. (2001). *Tafsir al-Maraghiy.* (penterjemah: Muhammad Thalib). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Muhammad Ali Albar. (2001). *Penciptaan Manusia Kaitan Ayat-Ayat al-Qur'an dan Hadits dengan Ilmu Kedokteran.* (penterjemah: Budi Otomo). Yogyakarta: Mitra Pustaka.

Mushaf Brunei Darussalam dan Tafsirannya Juz 1. (2020) Brunei Darussalam: Pusat Da'wah Islamiah.

Al-Nabulsi, Muhammad Raatib. (2011). *Keajaiban Tubuh Manusia.* (penterjemah: H. Muhammad Harun Zain). Cet. Ke-2. Selangor: Jasmin Publications.

Al-Qurthubi, Muhammad bin Ahmad bin Abi Bakr bin Farh Al-Ansari Al-Khazraji Syamsuddin. (t.th.). *Tafsir Al-Munir.* (Ta'liq: Muhammad Ibrahim Al-Hifnawi, Takhrij: Mahmud Hamid Utsman). t.p: Pustaka Azzam.

Al-Sa‘di, Abdurrahman bin Nashir. (2012). *Taysir al-Karim al-Rahman fi Tafsir Kalam al-Mannan*. (Terjemahan). Jakarta: Dar al-Haq.

Salleh Ismail Yusuf Al-Muti’e. (2010). *Mukjizat Al-Qur’an & Fakta-fakta Saintifik.* Selangor: Al-Hidayan Publications.

Al-Sayuthi, Jalaluddin. (2010). *Lubab Al-Nuqul fi Asbab Al-Nuzul.* (penterjemah: K.H.Q. Sholeh, H.A.A Dahlan & Prof. Dr. H. M. D. Dahlan). Cet. Ke-10. Kuala Lumpur: Victory Agencie.

Sayyid Qutb. (2001). *Tafsir di Bawah Naungan Al-Qur’an Juz ke 30.* (penterjemah: Siti Rabi’ah Sarnap). Cet. Ke-2. Malaysia: Perniagaan Jahabersa.

Al-Shabuni, Syaikh Muhammad Ali. (2022). *Shafwatut Tafasir.* (penterjemah: KH Yasin.). Indonesia: Pustaka Al-Kautsar.

Al-Sya’rawi, Syekh Muhammad Mutawalli. (2006). *Tafsir Sya’rawi.* (penterjemah: Tim Terjemah Safir al-Azhar). Indonesia: Duta Azhar.

Yusuf Al-Hajj Ahmad. (2010). *Sains Moden Menurut Perspektif Al-Qur’an dan Al-Sunnah.* (penterjemah: Eimedia Team). Cet. Ke-2. Malaysia: Perniagaan Jahabersa.

Al-Zuhayli, Wahbah. (2014). *Tafsir al-Munir.* (penterjemah: ‘Abdul Hayyie al-Kattani). Jakarta: Gema Insani.

Al-Zuhaily, Wahbah. (2007). *Tafsir al-Munir*. (terjemahan). Malaysia: Intel Multimedia and Publication & Persatuan Ulama Malaysia.

Zul Hilmei Mohamad Rohani. (2017). *Fakta Saintifik Surah Yasin.* Selangor: Must Read Sdn. Bhd.

Rujukan Bahasa Inggeris

Francesca Simion, Lucia Regolin, Hermann Bulf. (2008). *A Predisposition for Biological Motion in the Newborn Baby.* Proc. Natl. Acad. Sci. U.S.A.

Guyton, A. C., & Hall, J. E. (2015). *Textbook of Medical Physiology.* Philadelphia, PA: Elsevier.

Herculano-Houzel, S. (2014). *The Human Brain in Numbers: A linearly Scaled-up Primate Brain.* Frontiers in Human Neuroscience, 8, 1-11.

Penedo, F. J., & Dahn, J. R. (2005). *Exercise and Well-Being: A Review of Mental and Physical Health Benefits Associated with Physical Activity.* n.p: n.p.

Scott P. Johnson, Dima Amso, Jonathan A. Slemmer. (2003). *Development of Object Concepts in Infancy: Evidence for Early Learning in an Eye-Tracking Paradigm.* Proc. Natl. Acad. Sci. U.S.A.

Selye. (1976). *The Stress of Life.* n.p: n.p.

Sirois, F. M. (2017). *Self-Compassion and Physical Health: Exploring the Roles of Perceived Stress and Health-Promoting Behaviors. Health Psychology Open.* n.p: n.p.

SK Lutgendorf & ES Costanzo. (2003). *Psychoneuroimmunology and Health Psychology: An Integrative Model.* n.p: n.p.